



D.R. 16 TAHUN 2023

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KEDUA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAK ASASI MANUSIA,
PILIHAN RAYA DAN REFORMASI INSTITUSI**

KONDISI PENJARA-PENJARA DI MALAYSIA

KANDUNGAN

	Muka Surat
• Kandungan	i
• Senarai Lampiran	ii
• Glosari	iii
<u>BAHAGIAN I</u> Pengenalan	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
• Pendekatan Tugas Kerja	3
<u>BAHAGIAN II</u> Latar Belakang	
• Latar Belakang	5
<u>BAHAGIAN III</u> Libat Urus dan Perbincangan	
• Libat Urus dan Perbincangan	6
<u>BAHAGIAN IV</u> Pemerhatian, Penelitian dan Syor Jawatankuasa	
• Pemerhatian, Penelitian dan Syor Jawatankuasa	15
<u>BAHAGIAN V</u> Lawatan Kerja	
• Lawatan Kerja Ke Penjara Seberang Perai dan Penjara Reman Pulau Pinang	20
<u>BAHAGIAN VI</u> Rumusan Jawatankuasa	
• Rumusan Jawatankuasa	25
<u>BAHAGIAN VII</u> Penghargaan	
• Penghargaan	27

LAMPIRAN

- Lampiran A :** Pembentangan *Prison Reform in Malaysia* oleh Badan Peguam Malaysia (Malaysian Bar)
- Lampiran B :** Pembentangan isu Death in Custody oleh Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
- Lampiran C:** Pembentangan *Towards Two-Thirds by 2030: Identifying The Needs of Ex-Prisoners Reintegrating into Society* oleh Malaysian Care (CSO Platform)
- Lampiran D:** Pembentangan Analisis Situasi: Pemulihan Berasaskan Komuniti oleh Malaysia Care (CSO Platform)
- Lampiran E:** Pembentangan *Drug Policy Reform* oleh Centre of Excellence for Research in AIDS (CERIA)
- Lampiran F:** Pembentangan berkenaan Penambahbaikan di Bawah Reformasi Penjara: Hak Asasi Kakitangan dan Banduan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
- Lampiran G:** Pembentangan Tatacara Pengendalian Piawai Penjara Pasca COVID-19 oleh Jabatan Penjara Malaysia
- Lampiran H:** Pembentangan Kondisi Layanan Terhadap Banduan oleh Jabatan Penjara Malaysia
- Lampiran I :** Pembentangan berkenaan Kondisi Penjara Seberang Perai oleh Jabatan Penjara Seberang Perai.
- Lampiran J:** Pembentangan berkenaan Kondisi Penjara Reman Pulau Pinang oleh Jabatan Penjara Pulau Pinang
- Lampiran K:** Liputan Gambar Prosiding Bil. 2 dan Bil. 3
- Lampiran L:** Liputan Gambar Lawatan ke Penjara Seberang Perai dan Penjara Reman Pulau Pinang
- Lampiran M:** Maklumat tambahan berkenaan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Jawatankuasa

E-Risalat

- Laporan Prosiding Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Bilangan 2 Tahun 2023
- Laporan Prosiding Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Bilangan 3 Tahun 2023

GLOSARI

AGC	Attorney General Chambers
AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
CERiA	Centre of Excellence for Research in AIDS
COVID-19	Coronavirus Disease
CSO-Platform for Reform	Civil Society Organisation for Reform
IPD	Ibu Pejabat Polis Daerah
JKR	Jabatan Kerja Raya
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
LLPK	Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985
Malaysian Bar	Badan Peguam Malaysia
OKU	Orang Kurang Upaya
SCF	Smart Correctional Facility
SUARAM	Suara Rakyat Malaysia
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
SOSMA	The Security Offences (Special Measures) Act 2012
PBSL	Pembebasan Banduan Secara Berlesen
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PFI	Private Finance Initiative
PLKN	Pusat Latihan Khidmat Negara
POTA	The Prevention of Terrorism Act 2015
POCA	The Prevention of Crime Act 1959
PTP	Pusat Transit Penerimaan
PT	Penjara Transit
Penjara <i>Pre-War</i>	Penjara yang dibina sebelum Perang Dunia Kedua
USJKT	Unit Siasatan Jenayah Kematian Dalam Tahanan

BAHAGIAN I

Pengenalan

Jawatankuasa dan Terma Rujukan

1. Dewan Rakyat pada hari Selasa, 21 Mac 2023 telah meluluskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) berkenaan penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat (JKPK DR). Salah satu JKPK ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi (DR.2 Tahun 2023).
2. Terma rujukan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:
 - (a) Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi (selepas ini dirujuk sebagai “Jawatankuasa”) berkuat kuasa mulai tarikh perintah Majlis sehingga tamat tempoh Parlimen ke-15 atau sehingga Jawatankuasa ini dibubarkan mengikut perintah Majlis, mengikut mana yang terdahulu.
 - (b) Jawatankuasa ini berfungsi:
 - i. Meneliti rang undang-undang yang telah dibawa untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat berkaitan dengan hak asasi manusia, pilihan raya dan reformasi institusi di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Suruhanjaya Pilihan Raya dan mana-mana kementerian serta agensi-agensi di bawahnya yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa;
 - ii. Meneliti usul, rang undang-undang persendirian, petisyen dan laporan yang berkaitan dengan hak asasi manusia, pilihan raya dan reformasi institusi di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Suruhanjaya Pilihan Raya dan mana-mana kementerian serta agensi-agensi di bawahnya yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa;
 - iii. Menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan hak asasi manusia, pilihan raya dan reformasi institusi di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Suruhanjaya Pilihan Raya dan mana-mana kementerian serta agensi-agensi di bawahnya yang difikirkan sesuai oleh Jawatankuasa; dan
 - iv. Melaksanakan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya oleh Menteri atau Majlis.

Apa-apa perkara yang dibincangkan di perenggan i hingga iii tidak boleh melibatkan perkara yang telah, sedang atau akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

(c) Kuasa Memanggil

Peraturan Mesyuarat 83(2) memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa ini untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat dari satu masa ke satu masa bagi maksud melaksanakan segala fungsinya sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma Rujukan di atas.

(d) Penyata Jawatankuasa

Peraturan Mesyuarat 86 memperuntukkan supaya Jawatankuasa ini menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa ini yang mengandungi syor-syor yang berkaitan dan penyata Jawatankuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat.

(e) Kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Sekiranya timbul apa-apa perkara berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa ini termasuk perkara berhubung kuasa memanggil orang hadir di hadapan Jawatankuasa ini atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat yang berkaitan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa dan arahan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tersebut adalah muktamad.

3. Jawatankuasa Pemilih telah membentangkan penyatanya dan mengemukakan senarai Ahli-Ahli JKPK DR pada hari Khamis, 4 April 2023 (DR.3 Tahun 2023). Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi terdiri daripada:

- i. YB Tuan William Leong Jee Keen
(Ahli Parlimen Selayang merangkap Pengerusi)
- ii. YB Tuan Khoo Poay Tiong
(Ahli Parlimen Kota Melaka)
- iii. YB Dato' Sri Richard Riot anak Jaem
(Ahli Parlimen Serian)

- iv. YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji
(Ahli Parlimen Jelutong)
 - v. YB. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy
(Ahli Parlimen Kota Belud)
 - vi. YB. Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad
(Ahli Parlimen Simpang Renggam)
 - vii. YB. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim
(Ahli Parlimen Arau)
 - viii. YB. Tuan Zahari bin Kechik
(Ahli Parlimen Jeli)
 - ix. YB. Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh
(Ahli Parlimen Besut)
4. Jawatankuasa ini telah melantik ex-officio daripada Jabatan Peguam Negara, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri, Suruhanjaya Pilihan Raya dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) untuk memberikan nasihat kepada ahli-ahli Jawatankuasa.

Pendekatan Tugas Kerja

5. Jawatankuasa telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Bilangan 2 dan Bilangan 3 pada 19 Jun 2023. Mesyuarat Bilangan 2 membincangkan perkara-perkara berikut:
- i. isu kondisi layanan banduan di penjara dan reformasi penjara; dan
 - ii. hak asasi kakitangan dan banduan.
6. Pada mesyuarat Bilangan 3, Jawatankuasa membincangkan perkara-perkara berikut:
- i. tatacara pengendalian piawai penjara pasca COVID-19 oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN); dan
 - ii. kondisi penjara serta layanan ke atas banduan menurut undang-undang sedia ada oleh Jabatan Penjara Malaysia.
7. Buat masa kini, Jawatankuasa mengambil pendekatan untuk memberi tumpuan kepada memberi isu kondisi penjara-penjara di Malaysia. Perkara-perkara lain yang diketengahkan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan persatuan-persatuan profesional akan diperhalusi dan diteliti oleh Jawatankuasa ini kelak.

8. Bagi mendapatkan perbandingan tentang kondisi penjara *pre-war* dan penjara baharu, Jawatankuasa ini telah mengadakan satu lawatan pada 24 Ogos 2023 ke Penjara Seberang Perai dan diikuti oleh lawatan ke Penjara Reman Pulau Pinang pada 25 Ogos 2023.

BAHAGIAN II

LATAR BELAKANG

1. Pada mesyuarat Bilangan 1 yang diadakan pada Khamis, 8 Jun 2023 Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi telah memutuskan untuk meneliti isu Kondisi Penjara-Penjara di Malaysia.
2. Mesyuarat Bilangan 2 telah diadakan pada Isnin, 19 Jun 2023. Mesyuarat ini terbahagi kepada 2 sesi. Sesi pertama adalah pembentangan seperti berikut:
 - i. Badan Peguam Malaysia seperti di **Lampiran A**;
 - ii. Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) seperti di **Lampiran B**;
 - iii. CSO Platform for Reform seperti di **Lampiran C** dan **Lampiran D**; dan
 - iv. Centre of Excellence for Research in AIDS (CERiA) seperti di **Lampiran E**.
3. Sesi kedua adalah pembentangan daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) seperti di **Lampiran F**.
4. Mesyuarat Bilangan 3 telah diadakan pada Isnin, 19 Jun 2023. Pembentangan oleh Jabatan Penjara Malaysia seperti di **Lampiran G** dan **Lampiran H**.
5. Lawatan ke Penjara Seberang Perai seperti di **Lampiran I**.
6. Lawatan ke Penjara Reman Pulau Pinang seperti di **Lampiran J**.
7. Liputan Gambar bagi mesyuarat Bilangan 2 dan 3 dan kedua-dua lawatan seperti di **Lampiran K** dan **L**.
8. Pada sesi lawatan tersebut, Jawatankuasa telah meminta Jabatan Penjara Malaysia untuk mengemukakan maklumat tambahan berkenaan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Jawatankuasa. Jabatan Penjara Malaysia juga turut telah mengemukakan maklumat -maklumat tambahan seperti di **Lampiran M**.

BAHAGIAN III

LIBAT URUS DAN PEMBENTANGAN

Ringkasan Pembentangan dan Cadangan-Cadangan daripada badan-badan bukan kerajaan dan persatuan-persatuan profesional berkenaan Layanan Terhadap Banduan dan Reformasi Penjara serta pembentangan Tatacara Pengendalian Piawai Penjara Pasca Covid-19 serta Kondisi Penjara Serta Layanan Ke Atas Banduan Menurut Undang-Undang sedia ada oleh Jabatan Penjara Malaysia kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi adalah seperti berikut:

I. ISU LAYANAN TERHADAP BANDUAN DAN REFORMASI PENJARA

A. PERSATUAN PROFESIONAL DAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN

1. Badan Peguam Malaysia memaklumkan bahawa:
 - i. reformasi penjara adalah perlu atas sebab kemudahan dan fasiliti yang ada di penjara masih belum memenuhi keperluan yang ditetapkan;
 - ii. perkara-perkara yang diketengahkan merangkumi penjagaan kesihatan, piawaian keselamatan dan layanan terhadap banduan daripada segi maruah. Ketiadaan kemudahan asas seperti tilam menyebabkan banduan terpaksa tidur di atas lantai selain ketiadaan pinggan;
 - iii. kesesakan di penjara iaitu sel yang terlalu padat yang menempatkan 6 hingga 8 orang banduan dalam satu sel adalah perkara yang perlu diteliti;
 - iv. gangguan bekalan air juga perlu diteliti antaranya di Penjara Sungai Buloh selain kualiti air juga perlu diselidik bagi mengelakkan penyakit dan tidak menyukarkan banduan;
 - v. kemudahan khas untuk banduan wanita yang mengandung dan banduan yang menghadapi masalah mental perlu diteliti;
 - vi. perkara berkaitan penderaan (*torture*), ketiadaan hak untuk akses kepada informasi serta kematian dalam tahanan (*death in custody*) juga perlu diteliti;

- vii. hukuman disiplin iaitu pengasingan (*solitary confinement*) dan pengasingan yang berpanjangan (*prolonged solitary confinement*) harus diteliti kerana memberi kesan psikologis kepada banduan. Pendekatan ini seharusnya dilaksanakan dalam kes-kes tertentu sahaja dan sebagai langkah terakhir setelah segala bentuk kaedah disiplin telah dijalankan. Justeru, segala bentuk pendekatan disiplin yang dikenakan harus diletakkan pada batasan yang sewajarnya;
- viii. terdapat 122 peraturan dalam *Mandela Rules* yang boleh dipraktikkan dan menjadi hasrat Badan Peguam Malaysia agar syarat-syarat asas minimum dipatuhi; dan
- ix. Badan Peguam Malaysia mengesyorkan agar Kerajaan meratifikasi *United Nations Convention against Torture and Other Cruel, Inhuman or Degrading Treatment or Punishment* (UNCAT) bagi membolehkan pelaksanaan reformasi penjara.

2. SUARAM memaklumkan bahawa:

- i. berkaitan isu kematian dalam tahanan, adalah sukar untuk mendapatkan statistik kematian dalam tahanan melainkan ia dilaporkan dalam media. Antara kematian yang agak tinggi adalah di puzsat-pusat tahanan imigresen;
- ii. Unit Siasatan Jenayah Kematian Dalam Tahanan (USJKT) oleh Polis Diraja Malaysia adalah satu usaha yang baik dalam menyiasat kes kematian dalam tahanan polis. Walau bagaimanapun, tiada unit khas yang menyiasat isu kematian dalam penjara;
- iii. Setakat 2021 jumlah penghuni telah mencapai sebanyak 99,000. Daripada jumlah tersebut, 10,000 adalah tahanan dari Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POCA) dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POTA); dan
- iv. terdapat insiden di mana individu yang ditahan di bawah SOSMA direman selama 28 hari tanpa bicara dan setelah menunggu untuk dibicarakan, disabit pula kesalahan di bawah Kanun Keseksaan dan selanjutnya menunggu perbicaraan di bawah Akta terbabit. Selama perbicaraan itu belum selesai, mereka masih menjadi penghuni penjara serta tiada ikat jamin (*bail*) dibenarkan.

3. CSO Platform for Reform memaklumkan bahawa:

- i. keperluan pendidikan kepada bekas banduan, peluang pekerjaan dan pemerolehan MyKad banduan selepas dibebaskan perlu dititik beratkan.
- ii. Malaysian CARE iaitu pertubuhan di bawah naungan CSO Platform sentiasa mengadakan libat urus dengan pegawai-pegawai penjara agar membantu bekas banduan dalam pemerolehan MyKad. Ketiadaan MyKad menyukarkan bekas banduan untuk memohon pekerjaan serta tidak dapat membuka akaun bank.

4. CERiA memaklumkan bahawa:

- i. dalam usaha ke arah reformasi penjara, usaha terhadap reformasi polisi dadah (*drug policy reform*) juga tidak boleh diketepikan;
- ii. isu kesesakan atau *overcrowding* adalah disebabkan jumlah penghuni penjara yang tinggi iaitu 65,000 ke 70,000 banduan iaitu 60-65 peratus adalah penagih dadah (*personal non-violent drug used*);
- iii. masalah kesesakan ini turut menyebabkan peningkatan kadar jangkitan penyakit. Selain itu, rekod jenayah banduan juga menyumbang kepada ketiadaan peluang pekerjaan, rangkaian kemiskinan yang berterusan dan kejatuhan institusi keluarga;
- iv. pencegahan dengan bantuan kesihatan pada fasa awal terhadap penagih dadah dapat mengurangkan ketagihan dadah dan mengelakkan banyak penyakit selain daripada kaedah meletakkan penagih dadah ke dalam penjara;
- v. mengikut Peraturan Mandela, orang yang dimasukkan ke penjara hanya kehilangan kebebasan mereka tetapi mereka tidak sepatutnya kehilangan hak untuk kesihatan dan hak mereka untuk segala-galanya; dan
- vi. bahawa daripada memasukkan penagih dadah ke penjara, adalah lebih baik jika mereka dipantau dengan mendapatkan rawatan oleh pakar-pakar di Kementerian Kesihatan. Hal ini disebabkan, apabila seseorang itu menggunakan dadah, ia sebenarnya melakukan sesuatu kepada otak. Dengan mengasingkan penagih dadah ini selama enam bulan ke dalam penjara, ia tidak menyelesaikan masalah.

5. SUHAKAM memaklumkan bahawa :

- i. telah wujud kerjasama antara SUHAKAM dan Jabatan Penjara Malaysia dalam agenda reformasi penjara (*prison reform*) dan telah ada pelan tindakan (*blueprint*) berkenaan usaha ini sejak tahun 2019;
- ii. antara masalah yang dihadapi berdasarkan lawatan yang telah dijalankan oleh SUHAKAM ialah masalah kesesakan penjara, kebersihan, pengudaraan, dan pencahayaan tempat tahanan. SUHAKAM juga menekankan perlunya keperluan peribadi banduan wanita seperti ibu mengandung serta bekalan air yang bersih;
- iii. punca kesesakan penjara juga disebabkan tahanan yang ditempatkan di penjara di bawah undang-undang POTA, POCA, LLPK yang tidak melalui proses mahkamah;
- iv. bahawa terdapat ramai banduan kesalahan dadah yang kebanyakan mereka adalah penagih dadah (bukan pengedar dadah) dan ini menjadi penyumbang kepada kesesakan dalam penjara;
- v. banduan yang dimasukkan ke penjara atas kesalahan dadah menjadi lebih *vulnerable* dan menjadi mangsa kematian kerana ketiadaan sistem kesihatan yang dapat menyokong mereka;
- vi. kondisi penjara agak kurang mesra OKU. Sebagai contoh, sekiranya banduan itu cacat, banduan itu terpaksa bergantung kepada banduan lain untuk kebajikannya dan mengurus diri;
- vii. terdapat enam buah penjara-penjara *pre-war* masih mengamalkan sistem baldi (*bucket*) di mana tiada tandas dalam sel tersebut . Penjara PPA Batu Gajah, Penjara Pengkalan Chepa, dan Penjara Seremban adalah antara penjara yang boleh dinaik taraf manakala Penjara Reman Pulau Pinang, Penjara Taiping dan PPA Muar merupakan penjara yang tidak boleh dinaik taraf;
- viii. terdapat masalah pengudaraan di penjara-penjara lama yang mempunyai tingkap kecil dan keadaan yang gelap menyebabkan peningkatan kes kesihatan seperti *scabies*. Keadaan ini menjadi lebih rumit apabila sel itu mengalami kesesakan akibat banduan yang ramai;

- ix. SUHAKAM turut meneliti hak dan kebajikan kakitangan Jabatan Penjara Malaysia antaranya kekurangan kakitangan warden disebabkan banyak perjawatan yang tidak diisi atau tidak mengikut keperluan semasa, waktu kerja dan persekitaran yang kurang kondusif, tiada pemeriksaan kesihatan berkala yang percuma, gaji yang tidak setimpal dan kurangnya kursus serta latihan hak asasi manusia; dan
- x. tahanan reman dan tahanan migran turut menyumbang kepada kesesakan penjara. Tahanan reman yang tidak mampu membayar wang ikat jamin serta tahanan migran yang melakukan kesalahan imigresen akan ditahan di penjara. Tahanan migran juga dilaporkan turut dirotan. Setelah menjalani hukuman, tahanan migran dihantar ke depot imigresen untuk proses menunggu pengusiran. Namun atas faktor-faktor tertentu, mereka terpaksa berada lama (ditahan) di depot imigresen.

II. TATACARA PENGENDALIAN PIAWAI PENJARA PASCA COVID-19 DAN KONDISI PENJARA SERTA LAYANAN KE ATAS BANDUAN MENURUT UNDANG-UNDANG SEDIA ADA

B. JABATAN PENJARA MALAYSIA

- 6. Jabatan Penjara Malaysia memaklumkan bahawa :
 - i. punca utama penularan COVID-19 di penjara-penjara di Malaysia adalah disebabkan kesesakan;
 - ii. pada tahun 2020, tahap kesesakan mencapai jumlah 19,000 melebihi kapasiti iaitu sebanyak 36.64%. Sehingga tahun ini, 335, 091 saringan telah dijalankan dan sejumlah 71,413 orang banduan, anggota dan juga keluarga telah dijangkiti COVID-19. Saringan-saringan ini masih diteruskan sehingga kini;
 - iii. lebih dari 45 prosedur melibatkan kawalan pencegahan COVID-19 telah dijalankan antaranya mewujudkan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah untuk COVID-19 *stage 1* dan 2, fasiliti untuk pengasingan, pemerhatian COVID-19 *stage 1* dan 2;
 - iv. kawalan yang lebih bersistematik, zon merah dan zon hijau telah diwujudkan laluan keluar masuk yang berasingan dan pemakaian PPE bagi yang mengendalikan sepenuhnya banduan positif, termasuklah latihan pengendalian turut dijalankan;

- v. Pusat Transit Penerimaan (PTP) telah diwujudkan di semua penjara dan empat buah penjara dijadikan sebagai Penjara Transit (PT) untuk penerimaan banduan banduan baharu bagi tujuan saringan dan kuarantin sebelum dihantar ke penjara-penjara yang mana dinyatakan dalam waran penahanannya;
 - vi. aktiviti-aktiviti banduan hanya melibatkan rekreasi dan keagamaan dengan mematuhi penjarakan sosial. Sebanyak sebelas (11) Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) dijadikan sebagai penjara untuk tujuan saringan banduan-banduan yang baru masuk;
 - vii. pembebasan banduan secara lesen (PBSL) dan juga perintah kehadiran wajib dipertingkatkan melibatkan banduan yang dikenakan hukuman satu tahun kepada hukuman tiga tahun dan ke bawah bagi membolehkan lebih ramai banduan diberikan alternatif hukuman penjara dan tidak dimasukkan ke dalam penjara;
 - viii. cadangan Jabatan Penjara Malaysia agar kemudahan perkhidmatan kesihatan Jabatan ini dipertingkatkan lagi termasuk pasukan petugas (*taskforce*) di peringkat kebangsaan dan negeri serta kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi melatih doktor-doktor yang mahir dan pakar dalam mengendalikan kesihatan di tempat tahanan;
 - ix. ketiadaan mesin *x-ray* dan ujian makmal telah disuarakan kepada pihak KKM, namun dimaklumkan terdapat kekangan kewangan untuk menyediakan kemudahan tersebut. Hal ini disebabkan, apabila doktor lambat mengesan jangkitan, ini menyebabkan penularan yang lebih besar di penjara disebabkan persekitaran dan kesesakan; dan
 - x. pindaan kepada Akta Penjara 1995 sedang dilaksanakan dengan memasukkan beberapa perjawatan baharu yang melibatkan perubahan antaranya juru *x-ray*, pakar diet dan sebagainya. Cadangan ini telah dikemukakan kepada pihak KKM dan melibatkan sejumlah kewangan juga apabila perjawatan baharu diwujudkan.
7. Berkenaan kondisi penjara dan layanan ke atas banduan oleh Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia menerangkan visi dan misi institusi ini iaitu sebagai peneraju perkhidmatan korektif serta membentuk insan produktif melalui pemulihan yang efektif melalui:
- i. memastikan banduan menerima rawatan kesihatan yang selayaknya sebagai satu teras dalam pengurusan banduan;

- ii. teras kedua yang diamalkan adalah mengukuhkan aspek layanan kepada penghuni berlandaskan undang-undang dan peraturan. Strategi yang dilaksanakan adalah dengan memperkuat layanan berperikemanusiaan berlandaskan peraturan dan standard antarabangsa serta menubuhkan pasukan khas bagi menyediakan laporan pelaksanaan pematuhan dengan menyasarkan 100% mematuhi piawaian dan lain-lain;
- iii. Jabatan Penjara Malaysia berusaha memberi layanan yang berperikemanusiaan mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh peraturan dan piawaian antarabangsa;
- iv. layanan ke atas banduan adalah berdasarkan Akta Penjara, Peraturan-Peraturan Penjara dan juga Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara Bilangan F02038 iaitu Prosedur Pengurusan Layanan Ke Atas Banduan, Tahanan dan Penghuni di Jabatan Penjara Malaysia. Prosedur Operasi yang seragam dibentuk dengan mengambil kira syor dalam *United Nations Standard Minimum Rules* di bawah *Nelson Mandela Rules*;
- v. tatacara pengendalian piawai yang lain termasuk pemeriksaan kesihatan yang dilakukan seberapa segera ke atas banduan dan kerahsiaan maklumat iaitu semua maklumat banduan adalah sulit. Selain itu, pengelasan banduan juga dilakukan mengikut jantina, umur, fizikal, tahap kesihatan dan faktor-faktor lain;
- vi. pengkategorian banduan melibatkan jenis kesalahan, tahap risiko keselamatan dan faktor-faktor lain;
- vii. Jabatan Penjara Malaysia mengesyorkan keluasan tanah yang ada di Kamunting boleh dibuat pembinaan penjara menggunakan konsep kompleks penjara bagi negeri Perak. Penjara Taiping disyorkan dijadikan muzium penjara untuk dilawati kerana lokasinya yang berhadapan dengan Muzium Negeri Perak;
- viii. antara cabaran yang dihadapi Jabatan Penjara Malaysia bagi penjara lama ialah faktor keselamatan fizikal bangunan tersebut yang memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi;

- ix. cabaran kedua ialah perolehan keperluan asas. Jabatan Penjara Malaysia telah mengunjurkan sekurang-kurangnya sebanyak RM15 juta untuk keperluan asas semua penjara. Namun begitu, bagi tahun ini, Jabatan ini hanya menerima RM8 juta yang hanya mampu disalurkan dan diagihkan dan dalam masa yang sama, jabatan ini cuba memberikan layanan yang berperikemanusiaan;
- x. antara cadangan *way forward* oleh Jabatan Penjara Malaysia antaranya ialah :-
 - a) ke arah memulihkan dan bukan menghukum;
 - b) mengurangkan residivis dan juga mengatasi kesesakan di samping melahirkan *marketable inmates* yang dapat mengurangkan kos pengoperasian;
 - c) cadangan agar dua pertiga banduan yang layak ini menjalani pemulihan dalam komuniti; dan
 - d) program pengintegrasian yang berkesan dengan agensi-agensi luar untuk mewujudkan pekerjaan kepada banduan-banduan sebelum mereka kembali kepada masyarakat serta mewujudkan pusat khas golongan rentan bagi warga emas di setiap zon.
- xi. Jabatan Penjara Malaysia sedang mengadakan rundingan dengan sebuah syarikat dari Amerika Syarikat yang berasaskan rempah ratus. Jika kolaborasi ini berjaya, akan diwujudkan sejumlah 750 peluang pekerjaan kepada banduan di Malaysia sekali gus menyumbang kepada penjimatan kos dan bayaran gaji. Tambahan pula, banduan berpeluang mendapat pendapatan bulanan mencecah RM3,000 hingga RM4,000 sebulan;
- xii. Jabatan Penjara Malaysia juga dalam usaha melaksanakan program pemulihan di luar penjara melalui *parol*, pembebasan secara berlesen dan turut meneliti tahanan rumah (*home detention*) bagi banduan yang dihukum penjara tiga tahun dan ke bawah dengan kawalan Jabatan Penjara Malaysia. Hal ini diharap dapat meningkatkan keberkesanan pemulihan di samping tidak memutuskan hubungan kekeluargaan, tidak menjejaskan sumber ekonomi keluarga dan mengelakkan masalah sosial yang lain;
- xiii. KDN sedang dalam usaha memuktamadkan deraf Rang Undang-Undang untuk menggantikan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 di mana KDN boleh memperkenalkan satu dasar

pengalihan iaitu mereka yang menagih dadah tidak lagi dihukum dengan penjara tetapi dirawat atau dipulihkan di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) ataupun di luar komuniti;

- xiv. dalam situasi berlaku kematian tahanan atau banduan dalam penjara, pihak pengurusan penjara akan melaporkan kepada pihak polis untuk siasatan. Kedua, Jabatan Penjara Malaysia akan memaklumkan kepada ahli keluarga dan seterusnya, memaklumkan kepada Koroner; dan
- xv. kapasiti penghuni penjara telah bertambah berdasarkan laporan SUHAKAM tahun 2020 yang dibentangkan di Dewan Rakyat baru-baru ini. Jabatan Penjara Malaysia juga telah menyediakan bangunan tambahan antaranya di Penjara Dusun Dato' Murad dan Sekolah Henry Gurney bagi menampung kapasiti penghuni penjara.

BAHAGIAN IV

PEMERHATIAN, PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan semasa Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa, maka Jawatankuasa mengemukakan penemuan-penemuan dan syor-syor seperti berikut:-

I. ISU LAYANAN TERHADAP BANDUAN DAN REFORMASI PENJARA

1. Jawatankuasa mengambil maklum kenyataan daripada Badan Peguam Malaysia berkenaan kondisi banduan yang hanya dibenarkan keluar dari sel satu jam seminggu berbanding satu jam pada setiap hari selaras dengan Peraturan-Peraturan Penjara 2000. Badan Peguam Malaysia telah memohon secara bertulis untuk pertemuan dengan Jabatan Penjara Malaysia.
2. Jawatankuasa mengambil maklum saranan daripada CERiA agar dibentuk satu urusetia yang diiktiraf oleh Kerajaan agar semua pihak dapat bekerjasama dan bukannya *work in-silo*. Jika Kerajaan bergerak ke hadapan dengan pembaharuan dasar penjara dan dadah, urus setia ini akan menyediakan *evidence-based* yang membangunkan program latihan ke arah *drug policy reform*. Koordinasi ini perlu melibatkan semua pihak kerana banyak perkara perlu dilaksanakan antaranya menyemak, membuat penilaian dan memberi cadangan ke atas undang-undang sedia ada.
3. Jawatankuasa mengambil maklum pembentangan daripada CERiA berkenaan projek Harapan yang telah diwujudkan sejak 15 tahun lalu. Pada peringkat permulaan, 100 orang penghuni Penjara Kajang telah diberikan rawatan bagi menstabilkan ketagihan. Daripada jumlah tersebut, 80 orang daripada banduan tersebut telah bekerja dan berkahwin serta mereka masih ke klinik di bawah program ini untuk mendapatkan rawatan. Namun begitu, mereka tidak lagi perlu mendapatkan rawatan setiap hari tetapi memadai sekadar sekali setiap satu atau dua minggu.
4. Jawatankuasa mengambil maklum pembentangan daripada SUARAM menekankan bahawa penggunaan undang-undang tanpa bicara (*detention without trial laws*) seperti SOSMA, POCA dan POTA telah menyumbang kepada kesesakan penjara.

5. Jawatankuasa mengambil maklum pembentangan daripada SUARAM bahawa punca kematian dalam tahanan (*death in custody*) dapat ditentukan dengan prosiding inkues. Namun, prosiding inkues ini bukanlah bersifat automatik kerana mempunyai prosedur undang-undang tersendiri.
6. Jawatankuasa mengambil maklum pembentangan daripada SUHAKAM agar inkues mandatori diwujudkan bagi semua kes kematian dalam tahanan. Pada masa ini, prosiding inkues adalah tertakluk kepada budi bicara majistret atau koroner.
7. Jawatankuasa mengambil maklum pembentangan daripada SUHAKAM bahawa terdapat tiga jenis lawatan iaitu lawatan berkala, lawatan siasatan kes dan lawatan audit di penjara, lokap polis, depot imigresen dan AADK. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Akta SUHAKAM menyatakan lawatan adalah tertakluk kepada peraturan tempat tahanan. Sebagai contoh, SUHAKAM perlu terlebih dahulu memberikan notis dua minggu kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk mengadakan lawatan. SUHAKAM kini sedang bekerjasama dengan BHEUU dalam usaha meminda Akta SUHAKAM bagi membolehkan lawatan pada bila-bila masa.
8. Jawatankuasa mengambil maklum pembentangan daripada SUHAKAM bahawa terdapat sindiket dadah dalam penjara terutamanya di penjara reman disebabkan banyak pergerakan keluar masuk ke mahkamah dan untuk siasatan. Malahan, terdapat kakitangan penjara sendiri yang membawa bekalan tersebut masuk ke dalam penjara.
9. Berdasarkan perkara-perkara yang dibentangkan di atas, Jawatankuasa bersetuju untuk meneliti isu-isu yang dibangkitkan dengan lebih mendalam.

II. TATACARA PENGENDALIAN PIAWAI PENJARA PASCA COVID-19 DAN KONDISI PENJARA SERTA LAYANAN KE ATAS BANDUAN MENURUT UNDANG-UNDANG SEDIA ADA

10. Jawatankuasa mengambil maklum terdapat kekangan yang dihadapi oleh Jabatan Penjara Malaysia antaranya ketiadaan kemudahan *x-ray* dan ujian makmal di penjara. Kedua-dua kemudahan ini sangat membantu kerana dapat mengelakkan penularan kes tibi di penjara.
11. Jawatankuasa mengambil maklum kebanyakan kematian di penjara adalah disebabkan jangkitan kuman yang berlaku dalam pelbagai bentuk, antaranya jangkitan kuman dalam paru-paru. Jika doktor dapat menjalankan ujian darah seawal yang mungkin dengan adanya ujian makmal, jangkitan dapat dikesan serta rawatan awal boleh diberikan dan sekaligus mencegah kematian.
12. Jawatankuasa mengambil maklum Prosedur Operasi yang seragam oleh Jabatan Penjara Malaysia dibentuk dengan mengambil kira syor dalam *United Nations Standard Minimum Rules* di bawah *Nelson Mandela Rules*.
13. Jawatankuasa mengambil maklum Jabatan Penjara Malaysia telah mewujudkan pengelasan banduan berkeperluan khas sesuai dengan keperluan khas daripada segi fizikal, mental dan sebagainya termasuk Orang Kurang Upaya (OKU) untuk membantu mereka menjalani hukuman bagi mengelakkan diskriminasi dalam penjara.
14. Jawatankuasa mengambil maklum pelaksanaan Program Reintegrasi Penghuni yang melibatkan penempatan banduan di industri-industri dan cadangan agar Ahli-Ahli Parlimen turut sama membantu dalam meyakinkan majikan (kilang) untuk merekrut penghuni penjara untuk bekerja dalam sektor-sektor ini.
15. Jawatankuasa mengambil maklum Jabatan Penjara Malaysia mengalu-alukan bantuan dan sokongan Ahli Parlimen dalam usaha ini. Terdapat lebih daripada 227 buah industri yang berkolaborasi dengan Jabatan Penjara Malaysia termasuklah dalam bidang pertanian.
16. Jawatankuasa mengambil maklum berkenaan isu tahanan reman yang gagal membayar wang ikat jamin, tiada cadangan oleh KDN agar tahanan reman yang gagal membayar wang jaminan dikecualikan daripada dipenjarakan. Namun, kelulusan di peringkat kementerian telah diberi kepada Jabatan Penjara Malaysia seperti pemanjangan tempoh setahun kepada tiga tahun (perintah

kehadiran berwajib).

17. Jawatankuasa mengambil maklum berkaitan isu kematian dalam penjara, mahkamah mempunyai bidang kuasa menentukan samada *coroner inquest* atau *coroner visit* dijalankan. Jabatan Penjara Malaysia akan memastikan bedah siasat dijalankan untuk melihat punca sebenar kematian, melainkan jika keluarga enggan. Jika ada kecuaian, pendakwaan serta tindakan tatatertib akan dikenakan ke atas kakitangan yang terlibat.
18. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Jabatan Penjara Malaysia telah berkolaborasi dengan PDRM bagi menubuhkan unit khas membanteras pengedaran dadah dalam penjara. Pegawai yang terlibat akan dikenakan tindakan perundangan termasuk di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 jika melibatkan pengedaran dadah serta tindakan tatatertib.
19. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa tekanan atau *stress* dalam kalangan pegawai penjara adalah tinggi berdasarkan kajian yang telah dijalankan. Cadangan Jabatan Penjara Malaysia antaranya ialah jaminan gaji kakitangan dan elaun serta kemudahan asas dan tempat tinggal yang lebih kondusif.
20. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa hampir 50% kenderaan yang dimiliki Jabatan Penjara Malaysia telah berusia 15 tahun. Hal ini menyumbang kepada risiko seperti kerosakan dan kelewatan penghantaran banduan.
21. Jawatankuasa mengambil maklum terdapat pandangan *prisoner carrier* disediakan kerana terdapat kemudahan lengkap di dalamnya untuk kegunaan banduan dan kakitangan Jabatan Penjara Malaysia. Jabatan Penjara Malaysia memaklumkan bahawa peruntukan bagi penyewaan kenderaan yang diluluskan untuk tahun ini hanya RM4 juta berbanding RM8 juta yang diminta.
22. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa kapasiti penghuni penjara telah bertambah berdasarkan laporan SUHAKAM tahun 2020 yang dibentangkan di Dewan Rakyat baru-baru ini. Jabatan Penjara Malaysia juga telah menyediakan bangunan tambahan antaranya di Penjara Dusun Dato' Murad dan Sekolah Henry Gurney bagi menampung kapasiti penghuni penjara.
23. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa sejak lima tahun lepas, Jabatan Penjara Malaysia telah mengadakan Program Reintegrasi Penghuni (PRP) di PLKN, di mana enam PLKN dijadikan sebagai pusat PRP dengan kapasiti setiap satu 480 orang bagi menampung kapasiti banduan.

24. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa Penjara *pre-war* dan penjara usang yang masih beroperasi adalah seperti berikut:-
- i. Penjara Pulau Pinang (173 tahun);
 - ii. Penjara Taiping (149 tahun);
 - iii. Penjara Seremban (142 tahun);
 - iv. Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Batu Gajah (121 tahun);
 - v. Pusat Koreksional Muar (96 tahun); dan
 - vi. Penjara Pengkalan Chepa (73 tahun).
25. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa masih wujud penggunaan sistem baldi (*bucket*) melibatkan penjara-penjara *pre-war*. Jabatan Penjara Malaysia telah mencadangkan melalui Rancangan Malaysia untuk penggantian kepada penjara-penjara berkenaan. Namun begitu, penjara *pre-war* tidak lagi dapat dibaik pulih kerana struktur yang lama, tetapi boleh dibina yang baharu menggunakan tapak yang sama.
26. Jawatankuasa mengambil maklum agar penyediaan baldi (*bucket*) bagi tiap-tiap banduan di Penjara Reman Pulau Pinang dilakukan serta-merta agar banduan-banduan dalam satu sel tidak lagi berkongsi baldi (*bucket*) sementara menunggu kerja-kerja menaiktaraf penjara yang mengambil masa 3 tahun;
27. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa cadangan ini juga akan dibawa untuk tindakan Jabatan Penjara Malaysia agar 6 buah penjara-penjara usang di Malaysia turut disediakan baldi (*bucket*) bagi tiap-tiap banduan sementara menunggu proses menaiktaraf atau penambahbaikan penjara-penjara lama.

BAHAGIAN V

LAWATAN KERJA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS **HAK ASASI MANUSIA, PILIHAN RAYA DAN REFORMASI INSTITUSI** **KE PENJARA SEBERANG PERAI DAN PENJARA REMAN PULAU PINANG** **PADA 24 & 25 OGOS 2023**

LATAR BELAKANG

1. Penyediaan laporan ini bertujuan untuk memaklumkan perjalanan sepanjang lawatan kerja ke Penjara Seberang Perai dan Penjara Reman Pulau Pinang pada 24 dan 25 Ogos 2023.
2. Objektif lawatan ini diadakan bertujuan mendapatkan gambaran yang lebih jelas berkenaan kondisi penjara lama dan penjara baharu daripada segi kemudahan asas, fasiliti yang disediakan serta pengurusan penjara.
3. Selain itu, tujuan lawatan ini adalah untuk mengenal pasti langkah-langkah penyelesaian yang diambil oleh pihak pengurusan penjara dalam menangani masalah dan kekangan yang dihadapi pihak pengurusan.
4. Untuk tujuan tersebut, Jawatankuasa ini memutuskan untuk mengadakan lawatan ke Penjara Seberang Perai (penjara baharu) dan Penjara Reman Pulau Pinang (penjara *pre-war*) yang mengambil masa selama dua hari bermula pada 24 Ogos 2023 (khamis) sehingga 25 Ogos 2023 (jumaat).
5. Senarai delegasi lawatan kerja JKPK seperti berikut:
 - i. Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen
Ahli Parlimen Selayang merangkap Pengerusi JKPK
 - ii. Yang Berhormat Tuan Khoo Poay Tiong
Ahli Parlimen Kota Melaka
 - iii. Yang Berhormat Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji
Ahli Parlimen Jelutong
 - iv. Yang Berhormat Tuan Zahari bin Kechik
Ahli Parlimen Jeli
 - v. Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim
Ahli Parlimen Arau
 - vi. YBrs. Puan Nazira binti Abdul Rahim
Pesuruhjaya, SUHAKAM

- vii. Encik Augustine Leonard Anak Jen
Pegawai Penyelidik
 - ix. Puan Jackie Mary Fernandis
Penasihat Undang-Undang II
 - x. Puan Noraini binti Othman
Pegawai Penyelidik
6. Lawatan ke Penjara Seberang Perai, Pulau Pinang telah diadakan pada Khamis, 24 Ogos 2023.
 7. Pengarah Penjara Negeri Pulau Pinang, PKK Haji Zulkifli bin Abdul Manah, Pengarah Penjara Seberang Perai, PKK Mahadzir bin Che Daud serta seluruh pengurusan Penjara Seberang Perai mengalu-alukan kedatangan delegasi JKPK Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi serta wakil tetap (*ex-officio*), Puan Nazira binti Abdul Rahim daripada SUHAKAM ke Penjara Seberang Perai.
 8. Para delegasi dibawa meninjau blok-blok bangunan dan sel-sel banduan untuk melihat kondisi penjara dan kemudahan-kemudahan yang disediakan.
 9. Lawatan diteruskan dengan sesi taklimat oleh Pengarah Penjara Seberang Perai, PKK Mahadzir bin Che Daud berkenaan sejarah pembinaan Penjara Seberang Perai, kondisi penjara serta dan yang disediakan untuk banduan menurut undang-undang sedia ada.
 10. Penjara ini dibina pada tahun 2007 dan dikategorikan sebagai penjara medium (*semi-auto*) dengan infrastruktur yang lengkap antaranya sistem keselamatan elektronik bersepadu, kemudahan asas banduan seperti klinik, tempat ibadah serta kemudahan seperti bengkel latihan dan tempat riadah.
 11. Antara masalah yang dihadapi oleh Penjara Seberang Perai ialah masalah bekalan air yang tidak konsisten di kuarters dan kompleks penjara disebabkan gangguan bekalan air melibatkan seluruh daerah Seberang Perai Selatan.
 12. Pada 18 April 2023, Penjara Seberang Perai menerima maklum balas oleh JKR bahawa kos pembinaan bangunan tangki air dan rumah pam adalah berjumlah RM6,499,000.000.
 13. Tidak dinafikan bahawa masalah kesesakan (*overcrowding*) dihadapi oleh penjara ini. Sebanyak 60% daripada jumlah banduan adalah banduan reman manakala hanya 40% adalah banduan sabitan. Setakat ini, jumlah banduan di Penjara Seberang Perai berjumlah 1500 orang.

14. Salah satu punca kesesakan khususnya tahanan reman adalah disebabkan proses mendapatkan laporan kimia yang memakan masa menyebabkan tempoh tahanan reman dilanjutkan.
15. Bagi mengurangkan masalah kesesakan penjara, beberapa langkah telah diambil oleh pengurusan Penjara Seberang Perai antaranya dengan memohon mahkamah menyegerakan perbicaraan dengan anggaran 100 kes setiap minggu. Laporan kes yang dibicarakan telah dihantar kepada Pendakwa Raya serta mahkamah.
16. Selain itu, pihak pengurusan penjara juga telah mengadakan rundingan dengan pihak mahkamah agar tahanan reman yang telah melebihi 4 bulan dilepaskan tanpa dibebaskan (*DNAA*) bagi kes-kes yang melibatkan kelewatan mendapatkan laporan kimia.
17. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa hanya dua buah Mahkamah Tinggi Jenayah di Pulau Pinang yang beroperasi berbanding tahun-tahun terdahulu. Hal ini telah memberi kesan kepada lambakan proses perbicaraan kes jenayah di Pulau Pinang dan hal ini turut punca tahanan atau banduan terpaksa menghuni penjara lebih lama dan menyumbang kepada kesesakan.
18. Lawatan ke Penjara Reman Pulau Pinang telah diadakan pada Jumaat, 25 Ogos 2023.
19. Pengarah Penjara Negeri Pulau Pinang, PKK Haji Zulkifli bin Abdul Manah, Pengarah Penjara Pulau Pinang, PKP Mohamad Jusoh bin Ismail serta seluruh pengurusan penjara mengalu-alukan kedatangan delegasi JKPK Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi serta wakil tetap (*ex-officio*), Puan Nazira binti Abdul Rahim daripada SUHAKAM ke Penjara Reman Pulau Pinang.
20. Para delegasi dibawa meninjau ke blok-blok bangunan dan sel-sel banduan untuk melihat kondisi penjara dan kemudahan-kemudahan yang disediakan.
21. Lawatan diteruskan dengan sesi taklimat oleh Pengarah Penjara Pulau Pinang, PKP Mohamad Jusoh bin Ismail berkenaan sejarah pembinaan Penjara Reman Pulau Pinang, kondisi penjara dan kemudahan yang disediakan untuk banduan menurut undang-undang sedia ada.
22. Penjara Reman Pulau Pinang mencecah usia 173 tahun dan setakat ini menempatkan seramai 1262 orang banduan.

23. Kapasiti sebenar yang ditetapkan adalah 1100 orang. Berdasarkan jumlah tersebut, peratus banduan reman adalah sebanyak 65% manakala banduan sabitan adalah 35%.
24. Bahawa sistem *bucket* (baldi) masih diamalkan, namun hal tidak dapat dielakkan kerana pembinaan asal penjara ini tidak menyediakan kemudahan tandas.
25. Pihak pengurusan penjara menjelaskan bahawa penggunaan sistem *bucket* sudah tidak lagi relevan kerana banduan terdedah dengan penyakit berjangkit serta pelbagai implikasi lain.
26. Bahawa terdapat beberapa buah bangunan penempatan banduan telah usang dan tidak selamat untuk didiami. Sehubungan itu, beberapa blok telah diarahkan untuk ditutup oleh JKR kerana struktur bangunan sudah rapuh serta pengudaraan yang tidak sihat kerana berdebu mendedahkan banduan kepada penyakit.
27. Disebabkan usia Penjara Pulau Pinang telah mencecah 173 tahun, usaha untuk penambahbaikan dilihat tidak lagi praktikal.
28. JKR telah menasihatkan bahawa infrastruktur Penjara Pulau Pinang tidak sesuai lagi untuk dilakukan penambahbaikan kerana keadaan uzur bangunan yang sedia ada.
29. Jabatan Penjara telah menghantar surat kepada KDN berkenaan Cadangan Pembangunan Projek Penang *Smart Correctional Facility* (SCF) berkonsepkan *Private Finance Initiative* (PFI) dan tempoh pembinaan ini dijangka mengambil masa selama tiga tahun.
30. Kertas kerja bagi pembinaan infrastruktur baharu penjara Pulau Pinang telah diangkat ke peringkat atasan dan tempoh pembinaan ini mengambil masa selama 3 tahun.
32. Tapak Penjara Pulau Pinang baharu juga diharap dikekalkan di tapak yang sedia ada bagi mengekalkan identiti penjara dalam kawasan pulau.
33. Jawatankuasa menyarankan agar pihak pengurusan penjara memajukan dokumen dan maklumat status terkini pembinaan blok penjara baharu kepada Jawatankuasa ini.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, lawatan kerja ke Penjara Seberang Perai dan Penjara Reman Pulau Pinang telah berlangsung dengan lancar dan baik. Lawatan ini telah meningkatkan pemahaman ahli-ahli JKPK terhadap kondisi Penjara Seberang Perai dan Penjara Reman Pulau Pinang serta memahami kekangan atau masalah sebenar yang dihadapi oleh pengurusan penjara terutamanya penjara *pre-war* di samping membantu Jawatankuasa ini mengadakan syor-syor bagi penambahbaikan pengurusan penjara

BAHAGIAN VI

RUMUSAN JAWATANKUASA

Setelah mengkaji dan meneliti isu-isu yang dibangkitkan semasa mesyuarat ini serta lawatan kerja yang telah dijalankan, Jawatankuasa mengemukakan rumusan dan syor-syor seperti yang berikut:

1. Jawatankuasa mengambil maklum perkara-perkara yang diketengahkan oleh badan bukan kerajaan dan persatuan profesional seperti berikut:-
 - i. keperluan asas seperti tilam, sabun dan barangan kegunaan peribadi disediakan dalam kadar yang mencukupi;
 - ii. keperluan ujian makmal dan mesin *x-ray* di penjara bagi memudahkan doktor membuat saringan awal jangkitan ke atas banduan;
 - iii. kem-kem PLKN boleh digunakan sebagai alternatif menampung kesesakan penjara dengan merujuk kepada model Pusat Koreksional Perlis tanpa perlunya pembinaan penjara baharu;
 - iv. agar diwujudkan sekretariat tetap yang akan mengkoordinasi usaha-usaha ke arah reformasi penjara diteruskan tanpa mengira perubahan landskap politik Malaysia;
 - v. agar reformasi penjara dilaksanakan terlebih dahulu sebelum memperkenalkan polisi untuk mendekriminalisasi penagih dadah dan ketagihan. Sebagai contoh, penjara yang sesak perlu dikurangkan dengan menempatkan banduan mengikut kapasiti penjara tersebut;
 - vi. cadangan pindaan undang-undang bagi banduan reman yang tidak dapat membayar ikat jamin secara tunai dikenakan kaedah alternatif; dan
 - vii. isu penyeksaan (*torture*) diatasi dan cadangan agar setiap penjara mesti dipasang kamera litar tertutup (CCTV) termasuk di dalam dormitori dan sel agar perkara ini dapat dikenalpasti dan diambil tindakan serta merta.
2. Berdasarkan perkara-perkara yang dibentangkan di atas, Jawatankuasa bersetuju untuk meneliti isu-isu yang dibangkitkan dengan lebih mendalam.
3. Sehubungan itu, Jawatankuasa bersetuju dan mengesyorkan perkara-perkara yang diketengahkan oleh Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Penjara Reman Pulau Pinang seperti berikut:

- i. usaha-usaha dipergiat bagi merealisasikan reformasi penjara ke arah pusat ketamadunan manusia;
- ii. berdasarkan Senarai Penggantian Penjara Usang Jabatan Penjara Malaysia (**Lampiran M**), penjara usang merujuk kepada penjara yang berusia 50 tahun hingga 100 tahun. Penggantian yang dicadangkan oleh Jabatan Penjara Malaysia melibatkan penggantian secara keseluruhan bangunan penjara atau sebahagian sahaja yang dibangunkan memandangkan terdapat institusi penjara yang telah mendapat pertambahan bangunan baru;
- iii. penggantian penjara-penjara usang dan penjara *pre-war* melalui laporan status penjara yang dilampirkan (Lampiran M) yang diangkat dalam *Rolling Plan* Rancangan Malaysia 2026, 2027 diteliti semula untuk dilaksanakan dalam kadar segera;
- iv. agar penyediaan baldi (*bucket*) bagi tiap-tiap banduan di Penjara Reman Pulau Pinang dilakukan serta-merta agar banduan-banduan dalam satu sel tidak lagi berkongsi baldi (*bucket*) sementara menunggu kerja-kerja menaiktaraf penjara yang mengambil masa 3 tahun;
- v. perkara ini juga perlu dibawa untuk tindakan Jabatan Penjara Malaysia agar 6 buah penjara-penjara lama di Malaysia turut disediakan baldi (*bucket*) bagi tiap-tiap banduan sementara menunggu proses menaiktaraf atau penambahbaikan penjara-penjara lama;
- vi. kesesakan penjara-penjara di seluruh Malaysia wajar ditangani dan keperluan asas banduan disediakan dalam kadar yang mencukupi;
- vii. punca kesesakan di penjara di Pulau Pinang antaranya disebabkan pengoperasian mahkamah jenayah yang terhad menyebabkan tahanan menghuni penjara lebih lama sementara menunggu kes dibicarakan. Perkara ini perlu dibincangkan melalui sesi libat urus dengan agensi kerajaan yang terlibat;
- viii. isu perjawatanan dan ketiadaan kemudahan antaranya mesin *x-ray* dan ujian darah di penjara-penjara perlu diatasi oleh KKM kerana pengurusan perkhidmatan kesihatan penjara adalah di bawah bidang kuasa KKM; dan
- ix. penyediaan penjara harus melihat kepada kadar pemenjaraan yang mengikut populasi penduduk.

BAHAGIAN VII

PENGHARGAAN

1. Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat termasuk agensi-agensi kerajaan, organisasi-organisasi dan pertubuhan bukan kerajaan yang telah memberikan kerjasama dengan mengemukakan pandangan serta cadangan yang berkaitan mengenai kondisi penjara-penjara di seluruh Malaysia.
2. Sekalung penghargaan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi kepada jabatan/agensi seperti yang berikut:
 - i. Parlimen Malaysia;
 - ii. Jabatan Peguam Negara (AGC);
 - iii. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri;
 - iv. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM);
 - v. Kementerian Dalam Negeri (KDN); dan
 - vi. Jabatan Penjara Malaysia.

atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.

LAMPIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
HAK ASASI MANUSIA, PILIHAN RAYA DAN REFORMASI INSTITUSI
KONDISI PENJARA-PENJARA DI MALAYSIA

NO	LAMPIRAN	DRAF KERJA	MUKA SURAT
1	Lampiran A	Pembentangan <i>Prison Reform in Malaysia</i> oleh Badan Peguam Malaysia (Malaysian Bar)	1
2	Lampiran B	Pembentangan isu <i>Death in Custody</i> oleh Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)	11
3	Lampiran C	Pembentangan <i>Towards Two-Thirds by 2030: Identifying The Needs of Ex-Prisoners Reintegrating into Society</i> oleh Malaysian Care (CSO Platform)	21
4	Lampiran D	Pembentangan Analisis Situasi: Pemulihan Berasaskan Komuniti oleh Malaysia Care (CSO Platform)	29
5	Lampiran E	Pembentangan <i>Drug Policy Reform</i> oleh Centre of Excellence for Research in AIDS (CERIA)	33
Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Thank you Professor Dato' Dr. Adeeba, on the presentation. It is just focusing on the drugs policy reform. We have come to the last presentation by Professor Dato' Dr. Adeeba. So, our next would be Q&A from— maybe from our Members of this Special Select Committees. Do you have any questions to put forward? We have heard the presentations with regards to suggestions to better administer the prisoners and the prison that is in the country. We have touched on the living conditions, on the restrictions as well as lack of facilities. When Karen presented the— where they administer the prisoner, instead of they should be allowed to go out once a day, but instead only once a week. We have heard about the Nelson Mandela Rules. 122 rules that are made available for us to consider, above and on top of every point that was raised by the respective CSO is the overcrowding that is a serious issue.*

Lastly, Professor Dato Dr. Adeeba mentioned about these drug policies reform, probably something that to be factored in whatever suggestions that can be

put forward. So, can I invite Members of the Committee to post any questions regarding the presentations? YBs? Anything to raise or if we are clear about the presentation. Actually, we need to go for a break before we move on to our next agenda which is the presentation from SUHAKAM ya? Okey. So, I think with SUHAKAM, we just confine to Committee Members and SUHAKAM dulu ya. Otherwise. It will be quite difficult to manage, because of the time constraint. Okey. Alright Yang Berhormat.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: *Chairman, just now the Bar Council on the living conditions you mentioned just now. Have you all had any communications with the Prison Department? Like you said, supposed to one hour per day, now it is one hour per week and others. Have you all raised with the Prison Department? This afternoon, we are going to meet them. So, perhaps we can ask them a little?*

Cik Karen Cheah Yee Lynn: *Yeah. So, over the years we had been trying to engage the Prison Department and then, recently we had also reached out to them again by writing to the director. We spoke to them on the phone and they were actually quite open to sit down to talk to us also. Living conditions of the prisons is of course one of the things that we wanted to raise, among all the other issues that we wanted to raise with the Prison Department as well. It is all related to other issues, not necessarily the basic rights within the living conditions of the prison.*

Tuan Khoo Poay Tiong: *So, what is their response?*

Cik Karen Cheah Yee Lynn: *I think they are quite open. They know that there is room for improvement, but I believe one of the main reasons that has always been raised is financial constraints.*

Tuan Khoo Poay Tiong: *Example. Just now you see, supposed to be one hour each day, now is one hour each week. Have you all raised this issue with them and what is their response?*

Cik Karen Cheah Yee Lynn: *That is one of the things that we wanted to raise with them. When we wrote to them, we have yet to get a date for an appointment with them. But, when we spoke to them on the phone, yes, they are aware and they said that they address it during the meeting.*

Tuan Khoo Poay Tiong: *You wrote to them, want to meet them?*

Cik Karen Cheah Yee Lynn: *Yes.*

Tuan Khoo Poay Tiong: *But, not yet meet-lah.*

Cik Karen Cheah Yee Lynn: *Not yet meet. Correct.*

Tuan Khoo Poay Tiong: *When you wrote to them?*

Cik Karen Cheah Yee Lynn: *Few months ago?*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *On the same question, Dato' you suggest that a secretariat to be formed? Is it specific for drug policy or secretariat as a whole? Like YB were asking Miss Karen about- you wrote a letter and then, when was it returned and what was the response? Probably there is no response and things like that. I think this is something to look at and I don't know whether the secretariat would be able to...*

Professor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman: *Our suggestions is for Members such as this, that we come together to form a secretariat that is recognized by the government. So, that we can work together instead of in silos. We can— if the government moves forward with prison and drugs policy reforms, that we can be the secretariat that provides the evidence based that provides— that develops a training program. At the moment, SUHAKAM is doing training. Someone else is doing training. There is no coordination. For example, if we really serious about the laws—to relook, review and rewrite the laws, there is a whole parcel of work that needs to be done there. We already have some— we, meaning actuarial and working on our own doing a little bit here, a little bit there. But, if we have a secretariat that is funded and members of the Bar Council are part of this secretariat, then this can really be strengthen and moves a lot more quickly than what we are doing at the moment. Likewise, in terms of training of civil society for example, in managing- in diagnosing and recognizing addiction, in treatment and supporting addiction, in primary preventions.*

■1040

So, if we have a secretariat that coordinates all these...

Tuan Pengerusi: Baik.

Profesor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman: *...Insya-Allah, it will be much more effective and can provide, like I said, the support to MPs and government.*

Tuan Pengerusi: Yes.

Profesor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman: *The most significant thing, if we are going to do this decriminalization and it doesn't backfire on us, is there is a lot of engagement that needs to be done with the public. We can't just decriminalize and expect the public to say, "Oh, what a good idea". [Ketawa]*

So again, we all need to work together to advocate, to talk to the media, to talk to people on the ground, to do TikTok, or whatever. I think it needs to be coordinated, supported, and we can work hand in hand with the government and MPs on this.

Tuan Pengerusi: *How many percent you are saying that the prisoners under the section 39C or 15(1) or— what is the other?*

Profesor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman: *Overall about 60 to 65 percent of prisoners are in prison for drug use and the majority is not for trafficking or for the death penalty. Death penalty only about 1,000 on death row at the moment, I think. A lot of that for trafficking, for 39B. But the majority in there are personal, and the term they called is personal non-violent drug use. So, about 50 or more 60 percent are in for that.*

Here is lies another problem. The drug law, at the moment, and the understanding of drug use at the moment is a little bit cacamarba. [Ketawa] The line between drug use and trafficking is very blur. You know, even for the death sentence, 200 grams of cannabis get you 'gantung', right?

Tuan Pengerusi: *Right.*

Profesor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman: *If you equate that in terms of danger to health, that's probability less than a cartoon of cigarettes. So, what I am trying to say— maybe I am dramatizing it a bit at the moment, but what I am trying to say is it's not proportional. The sentences are not proportional to the crime.*

And sadly for personal drug use— because, hope I have convinced that putting them in the prison is not going to cure them of the addiction. In fact, it make it worse. The number of times we have met young people who go into the prison or pusat serenti for ganja and come out as heroin users is not funny. There is no prison in the world where there is no drugs inside it. I know our Prison Department are going to said, "Prof Adeeba is talking rubbish", but you talk to any prison expert in the world, there is no prison in the world, however high security, where drugs don't get it.

So, we are, in essence, making things worse. Young people go in there for ganja and come out not just learning how to use drug in the prison, but they also be introduced into a network of hardcore criminal and traffickers. The moment they leave Kajang Prison, there is a whole bunch of people waiting for them to take them back into this network.

Tuan Pengerusi: *Right.*

Profesor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman: *So, you know, it's just mind boggling what we have been doing for the last four decades really to destroy lives.*

Tuan Pengerusi: *So that, add on to the— how many percent of overcrowding that we are looking at? 40 percent? Can we say that 40 percent?*

Profesor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman: *Kajang Prison, for example, it is only supposed to take— I think the Prison Department will be able tell you better. They are only supposed to take about 3,000 prisoners at any one time. But sekarang,*

the number in prison is about— four and half? [Merujuk kepada pegawai] About four and half to six. Ya, it's nearly double.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Profesor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman: *It went up to seven during COVID-19.*

Cik Karen Cheah Yee Lynn: *I think the statistic that we read in the report was 45 to 50 percent of overcrowding in each...*

Tuan Pengerusi: *Each prison?*

Cik Karen Cheah Yee Lynn: *Each prison, especially KL and Selangor of course.*

Tuan Sevan Doraisamy: *And I think drug contribute 60 percent?*

Cik Karen Cheah Yee Lynn: *Yes.*

Tuan Sevan Doraisamy: *Tuan Pengerusi, one more to add under detention without trial. Actually, DDA is another law that allows detain without trial and that's contribute numbers of people inside. So, dia salah satu detention without trial law yang have to go, as Prof Adeeba clearly said, ia tidak ada match. It's not the preventive. Ia tak prevent people from using drug. It's just like the whole system just punishing the users without betul-betul lihat apa isunya. And it's contributed a lot on the overcrowding as well and the whole system actually.*

We have a few cases reported that when there was enforcement agency ambush prison, they recover a lot of drugs. There is news all over. So, it is. It is very true drug dalam prison itu senang dapat. You ada duit, you boleh dapat drug. So, yang pergi, if those who are arrested under the DDA or any detention without trial law, masuk dalam, keluar dua tahun, you punya rank di luar naik atas. So, that's a contribution of this bad law. Dia bukan keluar jadi baik. Tidak.

Tuan Pengerusi: *Right.*

Tuan Sevan Doraisamy: *Law ini menjadikan dia next level into the crime.*

Tuan Pengerusi: *Expert.*

Tuan Sevan Doraisamy: *Expert. Dia jadi expert, walaupun masa dia masuk itu muda sangat, dia tidak tahu apa.*

Tuan Pengerusi: *Oh, my.*

Cik Karen Cheah Yee Lynn: *Mr. Chairman, may I just add one thing as a matter of clarification. When we wrote to the Prison Department, the other thing we wanted to raise with them, apart from all these living condition and all that, was the issue of assisting them for preparation of the application of those convicts while on the death row.*

As your aware, there is that an abolishing of mandatory death penalty which was recently passed. We wanted to at least provide some kind of legal access to assist them on those application. So, it's a temporary measure to try and eradicate some of overcrowding issues because, you know, we are talking about approximately 1,000 over people who actually affected under this particular law. So, if we can do that now, that may give slight relief.

Then, over and above that, we want to be also talking to the Prison Department relating to pardon petition. Because, some of the convicts there may be entitled to apply for a pardon. That's why we can also come in to try and release the overcrowding issue.

Tuan Pengerusi: *Right, right. Of course, the law is effective immediately, right? Once the Parliament passing...*

Cik Karen Cheah Yee Lynn: *I think it's not taken effect yet but at the moment, I think the BHEUU is trying to come up with the procedures in order for it to be implemented. Because, there is a special application that is supposed to be made to the Federal Court in order to get these convicts to be resented. So, we are moving along with them to synergize the process that needs to be taken.*

Tuan Pengerusi: *Okay, all right. As long as you are aware that the law has been passed in Parliament whether it's effective or not, it's something that government and Badan Peguam should work together. Okey, Yang Berhormat.*

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]: Selamat pagi semua. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kalaulah kita meletakkan keutamaan tentang hak asasi tentang mereka yang dalam penjara ini, mungkin salah satu contohnya adalah *drug policy reform* yang tadi disampaikan oleh Yang Berbahagia Prof Dato'. Saya tidak pasti kalau ini boleh menjadi keutamaan kepada kita punya *select committee*-lah. Kalau menjadi fokus, *then* mungkin dalam masa beberapa lama ini kalau kita boleh buat *something through this select committee*.

Cuma, saya pun tidak pasti kalau daripada segi ia punya kontroversi untuk Ahli Parlimen untuk membuat sesuatu dalam Dewan Rakyat melalui perkara-perkara inilah, saya lihat.

■1050

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Saya lihat kalau— boleh saya tanya sesuatu untuk— *I mean just to clarify things whether* Encik Sevan tadi, kalau yang melalui daripada *date of custody* tadi, itu oleh kerana masalah kesihatan ataupun buli dan sebagainya? Lebih banyak kepada masalah kesihatan? Berapakah *percentage* yang menghidapi masalah kesihatan?

Tuan Sevan Doraisamy: Oleh sebab masalahnya kalau setiap kematian dalam tahanan ia pergi ke *inquest*, baru kita akan *identify* masalah sebenar kematian. Kalau sekarang ada sepuluh kematian, kita tiada automatik *inquest*, ia terpulang kepada *the whole system* yang mana dapat. So, kalau kes itu datang kepada kita, kita akan *push* untuk *inquest*, mungkin akan dapatlah *inquest* itu sebab ia tidak automatik. So, *it is very difficult*. Kadang-kadang *you rely on the first post-mortem* sahaja yang selalunya ia kata *sudden death*, masalah paru-paru berair.

Akan tetapi, apa yang *lead* kepada paru-paru berair, apa yang *lead* kepada masalah kesihatan, apa yang *lead* kepada sakit jantung; kita tidak tahu. Kebanyakannya tekanan, penyeksaan dan juga *mental torture as well*.

Tuan Pengerusi: *Torture*. Penyeksaan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Can you explain further what is penyeksaan?*

Tuan Sevan Doraisamy: Penyeksaan dalam tahanan secara fizikal. Dipukul, ditendang, diterajang dan sebagainya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Siapa yang menyeksa?

Tuan Sevan Doraisamy: Pertama, kes-kes yang kita bawa ke SUHAKAM, kematian dalam tahanan kalau dia di lokap polis oleh anggota polis. Kalau ada beberapa kes di penjara oleh kakitangan di penjara ataupun ia memang ada satu unit khas untuk pukul orang di penjara. Ada. So, *you have to speak to prisoners and ex-prisoners...*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: *You* perlu terangkan ini kerana ini kenyataan yang cukup dahsyat ini.

Tuan Sevan Doraisamy: Ya. Mungkin SUHAKAM boleh...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Pasukan penyeksaan di penjara. *That is good*, hendak dengar.

Tuan Simon Kurunagaram [Timbalan Setiausaha, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)]: Yang Berhormat kalau saya boleh. Ini satu kes yang pernah dibawa ke SUHAKAM. Kes kematian di salah satu IPD PDRM. Daripada siasatan, kami mendapati orang yang mati itu sebenarnya memang dia ada sakit jantung tetapi kalau bukan disebabkan dia ditendang di *chest* dia, mungkin dia tidak akan mati pada masa itulah. Dua orang saksi yang telah melihat kejadian itu telah pun— kalau digunakan perkataan seksa, telah diseksa. Mereka telah dibogelkan, diambil cili padi dan dilumurkan ke seluruh badan dan diikat macam hendak barbeku. Mereka dipaksa, di-*torture* supaya mereka tidak mendedahkan perkara itu kepada orang lain.

So, ini memang kita rakamkan keterangan daripada mereka. Satu contoh yang kita dapat bagaimana penyeksaan itu dibuat dan dalam kes ini memang dua orang pegawai polis telah pun disabitkan kesalahan. Itu salah satu contoh kalau hendak diberikan.

Tuan Sevan Doraisamy: Satu lagi adalah laporan EAIC. Kematian dalam tahanan Balamurugan. Dalam laporan itu, jelas ada menerangkan penyeksaan-penyeksaan yang dilalui oleh tahanan termasuk seorang juvenil yang berumur 17 atau 18 tahun semasa itu bernama Ang Kian Kok, yang menjadi salah satu saksi kematian pun direkodkan diseksa dengan teruk sekali.

Profesor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman: Tuan Pengerusi if I may, *actually* satu jenis penyeksaan yang *should not be done that is actually in the law is* sebat. Ya. So, *this is sanctioned torture* sebab *the prisoners come in and in addition to* ditahan, mereka *also* akan disebat *depending on whatever the* kesalahan *is and this is againts international conventions actually. I can relate— when I first started going to prison, we have a clinic actually in Kajang and* tempat mereka buat sebat *every week is just outside our clinic. So, the prisoners will be brought about 20 to 30 of them* dengan hanya bercawat.

So, the prison officers forgot that this was the day for sebat. So, when I went in there they were like “Oh Prof. Adeeba, you should not be here today because you are seeing all these prisoners bercawat. Next time please do not come on Wednesday”. You can hear the screaming next to our clinic apabila mereka kena sebat. *The other thing is because* mereka akan berdarah, *you know. There is a possibility of cross infection as a result of this sebat. So, if we are going to redo the laws, I would also say we need to remove sebat as a form of punishment.*

Tuan Pengerusi: Baik. Yang Berhormat, agama boleh ada hukum sebat juga.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Akan tetapi, sebat agama lain. Sebat agama bukan penyeksaan, sebat agama ialah...

Tuan Pengerusi: Peringatan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Pendidikan. Oleh sebab, kalau ada seratus rotan, diambil seratus rotan dan dia terus pukul sekali sahaja. Ataupun ia pukul tangan ini tidak boleh naik macam itu. Itu agama tetapi yang ini bukan agama. Ini adalah sistem barat. Kalau agama tidak ada penyeksaan. *Okay, back to this one.* Saya baru datang. Minta maaf, rumah saya jauh di Perlis.

Okey, yang pertama sekali saya dengar penerangan dan ada sebut tentang *drug policy, overcrowded prison*, penyeksaan dan sebagainya. Tentang *drug policy* ini, kita tahu *drug policy* ini tentang *drug use* dengan *trafficking*. Kita perlu lihat aspek

ini. Kalau kita buat *drug policy* and tidak perlu lagi ada orang di penjara, bukan? Oleh sebab itu, mereka ini ditangkap kerana *drug use*. Jadi, tidak perlu lagi berada di penjara, ke mana mereka ini akan pergi? *You* kena ingat, kalau kita *throw them to society, there is no organized body in the society but society* akan menyebabkan dia lebih teruk.

Dahulu apabila ada *student* nakal kita buang. Kita buang kita *throw them to* masyarakat. *Who is going to take care of this guy? Then* ia akan menjadi lebih teruk sebab *freedom* dalam masyarakat itu menyebabkan dia lebih teruk *and not only* teruk, dia pengaruhi orang lain menjadi teruk. So, apabila kita memperkenalkan undang-undang ini untuk membendung dia daripada membuat perkara-perkara yang melibatkan masyarakat. So, kita letakkan dia di penjara untuk sementara waktu sebab kalau tanya semua *parent* yang anak mereka terlibat ini, mereka bersyukur sebab anak mereka dipisahkan daripada masyarakat itu *six month or one year*.

Akan tetapi apabila dia balik, laporan yang menunjukkan bahawa dia pergi sana dia akan bertambah teruk. *Hat* yang ini kita kena perbetulkan di sini, bukan kita buat *drug policy* mereka tidak boleh masuk sebab sekumpulan manusia ini perlu diletakkan di mana-mana, so mereka dipisahkan daripada masyarakat untuk diberi *reform*, pendidikan. Jadi, kalau *overcrowded prison* dan sebagainya kita kena perbetulkan di *prison* bukan kita tinggalkan *prison* sebab mereka ini harus dipisahkan daripada masyarakat.

Oleh sebab dia masuk dalam masyarakat. Kita tidak ada *organized body* dalam masyarakat. Kita ada Tok imam, JKK *and that is all. The rest* ia akan menyebabkan lebih banyak masalah. So, *drug policy* saya setuju tetapi saya rasa perbetulkan di penjara dan bukan diperbetulkan *drug policy* ini dengan tidak membenarkan mereka masuk ke sana. *You* tanya kalau *you* ada peluang bertanya, saya Wakil Rakyat dan saya bertanya. Semua ibu-bapa lebih gembira kalau anak dia berada di penjara ataupun di pusat serenti, mengharap dia dipisahkan daripada masyarakat sebab sekarang ini dia *burden* kepada masyarakat, *burden to parent and society*. Ya.

Jadi, *drug policy* ini kalau hendak diperkenalkan, perkenalkan *reform* di *prison* supaya tidak ada penyesaan dan supaya *prison* yang *overcrowded* itu tidak boleh ditampung lebih daripada jumlah itu. Kalau jumlah *4,000 people then 4,000 people*, kita tidak boleh bubuh *7,000 people*. Oleh sebab saya tahu kalau masuk penjara ini, ramai orang-orang yang ternama berjenama tidak mahu masuk ke situ. Mereka lebih *prefer* pergi *library*, jaga *library* ke atau jaga klinik kesihatan sebab takut bercampur dengan orang sana. Orang sana mungkin kenal dia sebagai *politician* dan 'dicekik' nanti, jadi kita sudah bercampur orang di sana.

Sekarang ini perbetulkan supaya *prison* kita diperluaskan dan kalau ikut Belanda punya— kalau *you all* melawat Belanda sebab saya belajar di Belanda, jadi saya belajar sistem di Belanda. Ia ada senarai menunggu untuk masuk penjara.

■1100

Dia tidak benarkan masuk penjara, dia tak boleh dan ada senarai menunggu. Sekarang senarai menunggu sampai beribu orang. Bila sampai *your turn*, dia masuk penjara dan *some of them* memang suka masuk penjara sebab penjara ini ialah tempat yang cukup baik di Belanda. Dia boleh baik tiap-tiap minggu dan sebagainya. Jadi, ini beberapa sistem yang terbaik di penjara— boleh ambil contoh sahaja yang kata penjara di seluruh dunia semua ada *drug, dak*. Ada juga penjara yang baik yang kita boleh ambil contoh.

Pada pandangan saya, perbetulkan, *reform* di penjara supaya— kemudian yang keduanya saya cadangkan sementara untuk kita hendak tunggu semua benda ini jadi kenyataan, kita kena pasang kamera. Kalau tidak, tuduhan tentang penyeksaan ini tak dapat dikesan. Dia mesti ada sebab dia orang ini— di penjara kita kena kesan dia punya *movement*. Sebab di antara penjara yang terbaik di dunia semua ada kamera. Masuk bilik air pun ada kamera, tak ada pilihan itu.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Dia ada *finding that also the prison officers not well train. It's also you discovered that as well. What we don't—* kita yang tak pasti Yang Berhormat sama ada jumlah kakitangan penjara ini mencukupi atau tidak. Mungkin kadang-kadang *they are over work*, itu yang menyebabkan mereka ini. So— kita tak ada angka itu tapi yang jelas ialah perlu ada latihan, perlu ada bimbingan untuk anggota kakitangan penjara.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Okey *last* sekali *Chairman* yang dikasihi, *last* sekali saya setuju dengan pandangan daripada semua yang hadir— saya tak berkenalan ya yang hadir. *We need as secretariat* kan, kita kata kat *reform*, kerajaan ini buat *reform*. Esok kerajaan lagi buat *reform* lagi, akhirnya *there is no end*. So, ada *secretariat* yang— saya setuju ini cadangan yang cukup baik sekretariat. So boleh *coordinate* sebab dia orang ini NGO, bukan ada gaji, yang ini kesukarelaan. Saya pun presiden kepada dua NGO di Malaysia, Presiden Renang dengan Presiden Olahraga. So, saya pun NGO, jadi kerja bukan ada gaji, cuma kita buat untuk masyarakat.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Jadi, untuk membolehkan benda ini di-*coordinate* dengan hebat dan dahsyat, *we need a secretariat, permanent secretariat*. Supaya siapa-siapa *government* yang ambil alih nanti, *there have this*

secretariat to refer to. Kalau tidak, angka-angka yang dibagi ini cukup hebat dan saya sebahagian ini akan jadi ucapan saya di Parlimen nanti. Jadi,— kerana sekretariat kita dapat angka. *Thank you very much.*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Alright.*

Profesor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman: Tuan Pengerusi, izinkan saya— terima kasih Yang Berhormat. Daripada segi menggunakan penjara sebagai tempat untuk *rehabilitation*, selama ini kita sudah tengok ia tidak berkesan ya dan— satu. Kedua, sebab pengetahuan mengenai *basis* bila seseorang itu menggunakan dadah, *it actually does something to the brain.* Jadi, *to keep them away for six months, we will not address the underline problem.*

Jadi, apa yang kami syorkan ialah supaya *instead of* masukkan mereka ke penjara, mereka di-*manage* oleh yang memerlukan *treatment* oleh pakar-pakar di Kementerian Kesihatan. Yang lainnya *actually* dia orang tak perlukan apa-apa. Yang sudah teruk itu yang memerlukan *support* dan *treatment* dan *there NGOs, there* pakar *doctor et cetera* yang harus diperkukuhkan.

Sebab bila kita masukkan dalam penjara, dia orang akan keluar, masuk, keluar, masuk dan *the success of this* pemulihan di dalam komuniti telah terbukti oleh ADK dalam tahun 2001 hingga tahun 2003. Pada masa itu pusat serenti di Sungai Besi dulunya semasa *there were locked up* di Sungai Besi secara lama itu secara *punishment*, ada *barb wire*-lah, 25 sekuriti setiap hari diperlukan di Sungai Besi pusat serenti. Setelah Sungai Besi *adopt this cure and care* di mana lebih kepada pemulihan dalam komuniti secara *voluntary*, mereka hanya perlukan— sebab *people with drug* tak nak lari lagilah sebab *they were happy to just come everyday* untuk rawatan. *Dr. Sangeeth was one of the doctors* di situ.

Kalau nak tengok model di mana ini telah berjaya, *one of the earliest model is Portugal. Portugal did these* pada tahun— *about 20 years ago.* Mereka pun mengalami masalah dahsyat dengan *drug use*, sama juga Switzerland. Akan tetapi, *Portugal is one of the cases that you read about all over the world. So, they move* daripada masukkan dalam *prison*, mereka memperkukuhkan rawatan dalam komuniti— *you know that the last slide is about the Portugal model.* Sekarang *not only the drug use gone down* tetapi *crime also has gone down.*

So, I think there many many places we can learn this from. In fact the Portugal people are more than happy to have study tour from Malaysian politician and leaders kalau hendak tengok *how they manage drugs in Portugal.*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *I take note. I'm sure your suggestion is very much welcome by Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan for us to visit Portugal.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, okey kita melawat Switzerland dan Portugal. Saya akan cadang dekat *Speaker*. Okey *that one* itu kita boleh ambil ingatan kemudian, tetapi pendidikan dalam komuniti itu betul. Akan tetapi sekarang ini dia dari segi infra sekarang ini kita ada pusat serenti sebab hendak pergi hospital tak boleh. Mesti ada pusat dia. Jadi *to me*, sebelum menunggukan pusat ini di-establish kita kena ambil— kena buat *reform* di *prison*. Kita buat satu *reform*, dia *cover* semua, *you know*, bila *cover* penyeksaan kan dan sebagainya contohnya pasang kamera.

Akan tetapi yang hat dicadangkan ini di antara yang terbaik. Saya pun terlibat secara langsung. Akan tetapi masalahnya, katakanlah kita ada *drug use* ini katakanlah 100 orang tetapi kita ada masalah siapa yang hendak buat *enforcement* yang dia kena datang. Jadi, daripada 130 orang yang datang, *hat* yang lain— jadi sekarang ini kita hendak pastikan kalau kita buat untuk komuniti ini, kalau ada 100 orang, 100 orang mesti datang. Itu...

Profesor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman: Yang Berhormat Dato' Seri, *if I may*. Saya hendak bagi contoh dalam projek yang kami namakan Harapan, sudah 15 tahun. Semasa kami mulakan projek ini, kita bagi mereka yang menggunakan heroin di *Kajang Prison*. *So, we took about 100 prisoners* bagi mereka *prerelease methadone* dan disambung bila mereka sudah keluar. Okey, bukan 100 yang *took part in this study successful because drugs you know, that's the nature of the drugs. Its relaxing and the* ini tetapi lebih daripada *80 of them are still coming to our clinic for treatment*. Mereka sekarang bekerja, berkahwin *and all that*.

Kalau *we stabilized them* daripada segi *that addiction* dengan memberi rawatan yang sempurna dan *give them support*, kerja dan sebagainya, *they do not need to be* awas oleh— *you know, we have had this law for many many years* di mana bila mereka keluar daripada *prison*, mereka akan diawasi. *What percentage do you think are really* diawasi polis? Polis tak main tangan hendak awasi mereka. *So, what happen is they are not going— not many— I mean many go but also many don't go to report to police station every week— they suppose to do*.

But what happened is bila mereka di tangkap *for whatever reason and police say oh you* ada kesalahan ini *you suppose to come to our police station to report every week* tapi *you* belum. Dengan adanya 39C, *back they go into prison* untuk lima tahun. *So, it's just doesn't make any sense and these people the reason why* dia orang tak pergi *report* dekat *police*, *it's because* dia orang sudah bekerja. Okey, yang tak bekerja, tak bekerjalah *but* yang sudah bekerja itu *even the methadone program has problem* sebab *Ministry of Health says they must come to get the methadone* setiap hari.

Our clinic has been successful because we said no you don't need to come every day. You need only come once a week once you stable, even every two weeks. Who wants to come and get the treatment tiap-tiap hari and tell the employers oh saya kena pergi rawatan because I used to be a drug addict and a prisoner.

■1110

So, in out there many things like that affects the lives of these people that we are actually making worse. I can take you to our Kampung Baru klinik and see that you know these people are back to giving back to society by working instead of keluar dan masuk prison.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya.

Tuan Sevan Doraisamy: *There are public health approach. That is what you are recommending.*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Presentation okay, then we will—* kita akan berbincang dengan SUHAKAM.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: *Okay.*

Tuan Sevan Doraisamy: Ya.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *All right.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya setuju. Saya benda yang baik saya setuju. Saya bukan ini sangat. Jadi, kalau yang baik, saya setuju. Tidak ada masalah tetapi saya hendak dengar dulu. Akan tetapi kita tengok kalau kita beri contoh— *sorry*, ini SUHAKAM, SUARAM ya.

Tuan Sevan Doraisamy: SUARAM.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Kalau kita beri contoh, jangan ambil satu kes untuk *represent the* 50,000. Kita kena tengok bahawa mungkin ada lima kes. Ini kira terpencil. Kita ambil *generally 60 percent* itu apa jadi. Kalau *60 percent—* kita tidak boleh buat *random* macam itu. Satu kes atau dua kes then kita bagi pandangan kita berdasarkan tiga atau empat kes. Sebab kita hendak tengok *statistics survey* yang betul supaya bila kita cakap *60 percent—* ha macam itu.

Ataupun kalau kita pergi satu atau dua kes, saya rasa ia masih tidak menggambarkan secara keseluruhan. Sebab apa, kita akan dengar pandangan orang lain mungkin juga pandangan yang berlainan. Akan tetapi ini ialah pandangan yang cukup baik. Saya tahu saya terlibat dengan benda ini. Boleh dilaksanakan. Cumanya ialah, bila kita hendak buat *presentation* ini, saya memerlukan statistik lah.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Sure.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Katakan ada 50,000 orang di penjara, *65 percent* macam pandangan you. Kalau lima atau enam orang, satu atau dua kes,

itu ialah cuma ucapan Ahli Parlimen. Jadi, kita hendak statistik yang sebenarnya untuk menunjukkan bahawa ini yang sedang berlaku dan ini lah satu benda yang kalau kita tidak buat sekarang maka pecahlah *prison* itu, maka habislah mati orang. Itu yang kita hendak dengar.

Akan tetapi kalau satu atau dua kes, macam penyeksaan, ia bagi kes penyeksaan satu atau dua kes, satu atau dua kes kadang-kadang dia *highlight* dengan begitu hebat. Berapa ramai yang diseksa? Kalau yang diseksa 10 orang, ia masih tidak menggambarkan penjara itu menyeksa orang. Terdapat kes-kes terpencil. Jadi, ini beberapa cadangan yang baik. Saya setuju termasuklah lawatan ke Portugal dan Switzerland.

Datuk Seri Utama Hasni bin MohammadTuan Pengerusi: Okey. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tidak ada masalah. Saya boleh tolong kalau— kita tidak payah ambil duit kerajaan, kita pakai duit kita.

Profesor Dato' Dr. Adeeba Kamarulzaman: Kalau ada bajet Dato' Seri, saya boleh *organize*. *Insyallah* secepat mungkin.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Kami boleh belanja duit kami. Tidak ada masalah.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Yang Berhormat, Yang Berhormat okey? All right. Yang Berhormat okey? Okey, kalau tidak ada apa-apa, bagi pihak Jawatankuasa Hak Asasi dan *Institutional Reform* ini, kita rakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak. Pertama, Miss Karen yang mewakili Badan Peguam Malaysia, *thank you for your presentation*. Tuan Sevan Doraisamy *on behalf of SUARAM*, Miss Faribel Maglin, *thank you so much for your presentation as well* dan tentunya Profesor Dato' Dr. Adeeba di atas pembentangan dan juga maklumat-maklumat, cadangan-cadangan dan pandangan yang sudah dikemukakan pada pagi ini.

Jadi, untuk itu saya sekali lagi ucapkan setinggi terima kasih. Kita ada *lunch* ya. So, kita teruskan sajalah, kita ini. Jadi, wakil daripada CERiA, daripada CSO-*Platform for Reform* tadi itu dan juga SUARAM dan peguam, bolehlah kita jemput ruang makan ya, makan tengah hari. *All right*. Jemputlah ya. *All right*, terima kasih kepada pembentang hari ini dan wakil-wakil daripada NGO. *[Disampuk]* Belum. Lepas ini kita dengar pandangan daripada SUHAKAM *and then, that's it for morning*. *Then* 2.30 petang, *we convince another one* 2.30 petang. *We cannot make it for* 2.30 petang, *right?*

[Wakil-wakil daripada Badan Peguam Negara, Centre of Excellence for Research in AIDS (CERiA), CSO-Platform for Reform, dan Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) meninggalkan bilik mesyuarat)

■1120

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Dijemput daripada pihak SUHAKAM yang diwakili hari adalah Dr. Cheah Swee Neo. Sila Dr. Cheah Swee Neo.

Dr. Cheah Swee Neo [Setiausaha, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)]: Terima kasih Yang Berhormat untuk jemputan untuk kita membuat pembentangan ini. So, dengan saya hari ini adalah Tuan Simon Kurunagaram. Dia mengetuai kumpulan aduan dan *investigation monetary*. Then also Encik Muhammad Faiz bin Abd Rahman. So, saya menjemput Tuan Simon yang telah membuat kerja begini untuk selama-lamanya *[Ketawa]* untuk membuat pembentangan sebab dia lebih mengenali topik ini. *Thank you*.

Tuan Simon Kurunagaram: Terima kasih Dr. Cheah. Selamat pagi Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir dan Ahli-ahli Jawatankuasa PAC. Saya ada sediakan slaid dan kebanyakan isu yang akan saya bangkitkan juga telah pun dibincangkan tadi. Jadi, saya tidak akan bincang secara panjang lebar yang sudah dibincangkan.

Fungsi SUHAKAM saya rasa saya akan *skip*. Akan tetapi, cuma— *next*. Okey, ini punca kuasa di mana SUHAKAM— sebenarnya SUHAKAM mempunyai akses untuk masuk ke tempat-tempat tahanan, Yang Berhormat termasuk penjara. Apabila kita masuk itu kita— *we have unlimited access* kepada kebanyakan tempatlah macam sel tempat ditahan, klinik penjara, dapur tempat mereka memasak dan bengkel-bengkel pertukangan. Semua itu kami boleh masuk dan kami lihat.

Akan tetapi, mungkin— ini di penjara. Penjara dengan SUHAKAM, kerjasama kami adalah amat baik dan SUHAKAM dengan Jabatan Penjara Malaysia juga sedang bekerjasama dalam agenda *prison reform*. *The blueprint* yang disediakan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia sebenarnya SUHAKAM dan Jabatan Penjara Malaysia sendiri telah mengadakan dua bengkel untuk mendapatkan input-input daripada *stakeholders* iaitu pada tahun 2019. Selepas itu, banyak juga aktiviti yang telah kami jalankan. *Next*.

Okey, ini jenis lawatan. *Just* secara imbas lalu. Ada dua jenis lawatan yang kami buat, Yang Berhormat. Satu ialah lawatan berkala. Ini kami buat setiap bulan. Kami akan pilih setiap bulan, akan pilih salah satu buah penjara ataupun apabila kami pergi itu akan lawat lokap polis, depot imigresen atau AADK kami akan buat

setiap bulan. Juga lawatan siasatan kes ini apabila ada laporan dan aduan dibuat kepada SUHAKAM. Ada insiden yang berlaku di penjara ataupun lokap, kami akan pergi dan melawat.

Pada tahun 2019 kami juga telah memulakan lawatan jenis ketiga iaitu lawatan audit di mana kalau penjara kami *spent* dalam tiga hingga empat hari dengan lebih *detail* lagi akan kami lihat. Akan tetapi, sewaktu pandemik kami sudah tidak dapat teruskan dan tahun ini kami akan mulakan.

Tuan Khoo Poay Tiong: Lawatan berkala kamu akan beritahu sebelum kamu pergi?

Tuan Simon Kurunagaram: Ya, sekarang kami perlu memaklumkan kepada pihak berkuasa sebab Akta SUHAKAM menyatakan lawatan adalah tertakluk pada peraturan tempat tahanan. So, kalau penjara kami boleh beri *short notice*. PDRM masih okey lagi.

Kalau Jabatan Imigresen Malaysia kami perlu beri notis dua minggu sebab sukar untuk mendapatkan kelulusan daripada pihak Jabatan Imigresen Malaysia. So, *that's why* ini dalam kerjasama SUHAKAM dengan pihak BHEUU sedang meminda Akta SUHAKAM untuk membolehkan SUHAKAM mengadakan lawatan secara mengejut supaya *more surprising*. Oleh sebab Yang Berhormat, apabila kami lawat tempat tahanan kami tahu bau cat, baharu lagi cat. Dibersihkan. Pada hari itu baru banduan atau tahanan dapat tuala *good morning* yang putih itu yang baru dibuka daripada plastik. Sebelum itu tidak ada. *That in custody*.

Masa kalau kami pergi selepas beri notis, semua yang kami temu bual ataupun kami rakam, *standard* jawapannya. Sudah pun dikoordinasi. So, *that's why we need ours to go* secara mengejutlah untuk ke tempat-tempat ini. So, saya berharap Yang Berhormat akan menyokong pindaan Akta SUHAKAM itu nanti.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Sudah di...

Tuan Simon Kurunagaram: Sekarang sedang...

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Dikemukakan cadangan?

Tuan Simon Kurunagaram: Ya, sudah, sudah..

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Untuk pindaan, Dr. Cheah?

Dr. Cheah Swee Neo: *So, we have been working with BHEUU to make amendments to our act including amendments to this particular provision for quite a number of years already. We understand the process is actually to then consult the relevant agency whether we can do this amendment or not. And that's when I think we get some push back from KDN right?*

Tuan Simon Kurunagaram: Kita perlu adakan sesi libat urus dengan agensi yang berkenaan iaitu PDRM, Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Imigresen

Malaysia. Di situlah kami akan mendapat tentangan dan alasan yang selalu diberikan adalah kawasan-kawasan ini adalah kawasan keselamatan. So, SUHAKAM tidak boleh *simply* hendak masuk. *But* kalau kawasan keselamatan, hujah kami adalah memang sentiasa dikawal. Memang sentiasa ada anggota yang mengawal keselamatan. Jadi, apa yang mereka risau untuk kami masuk? *It is not like* kami— secara pentadbiran boleh buat sedikit peraturan sebelum kami pergi itu. *Of course*, kita tidak boleh terus— *we can compromise on certain things*. Akan tetapi, kalau menyatakan langsung tidak boleh buat lawatan mengejut, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia di negara ini memang ada kuasa seperti itu. Jadi, *we*— kekangannya adalah di bahagian agensi itu sendiri.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Alright, okay.*

Tuan Simon Kurunagaram: Saya teruskan. Jadi, apabila SUHAKAM masuk ke tempat-tempat tahanan, ada beberapa isu. *We have a long checklist*. Ini ialah kami akan melihat satu daripada segi pengurusan tahanan itu sendiri. Okey, saya mulakan di sini, tempat tahanan itu sendiri. *The physical condition*-lah termasuk kebersihan, pengudaraan dan pencahayaan. Ini semua kami akan tengok. Lepas itu, keperluan diri untuk banduan ya seperti sama ada berus— *may sound very simple*. Berus gigi, sabun mandi, semua itu tetapi untuk banduan, itu adalah satu perkara yang besar.

■1130

Macam dibangkitkan tadi, ada tidak mereka diberi tempat tidur yang mencukupi. Semua ini akan menjadi perhatian kami. Selepas itu, kami juga melihat keperluan khusus banduan wanita seperti ibu mengandung, keperluan tuala wanita, bekalan air yang bersih. Macam di Depot Imigresen, kadang-kadang tiada- ini penjara tetapi Depot Imigresen, kadang-kadang tidak cukup pun tuala wanita untuk- Staf sendiri mengeluarkan duit untuk beli. Kadang-kadang mereka minta orang untuk beri sumbangan.

Hak kesihatan telah dibincangkan tadi, termasuk kemudahan di klinik kesihatan di penjara dan rawatan yang diberikan. Selepas itu, kami juga melihat program-program pemulihan yang dijalankan di penjara. Ini untuk banduan yang telah disabitkan kesalahan. *Those who has been convicted*, yang boleh mengikuti bengkel-bengkel pertukangan, buat batik, kraf tangan, untuk wanita boleh bengkel menjahit, buat kek, semua itu boleh mereka lakukan. Kami juga melihat hak dan kebajikan kepada kakitangan itu sendiri, kakitangan penjara yang bertugas. Oleh sebab mereka ini di sebalik tembok ya, kadang-kadang orang tidak melihat cabaran

yang dihadapi oleh mereka. *So, this is among the areas* yang kami lakukan semasa lawatan tersebut.

Bilangan lawatan yang disenaraikan- cuma semasa COVID itu, lawatan kami berkurangan dan kini sudah aktif semula. Pernah pada tahun 2014, SUHAKAM telah membuat satu kajian tentang kesihatan sahaja, fokus kepada isu kesihatan. Satu laporan telah pun dihasilkan dan laporan tersebut telah pun memperincikan isu-isu penjagaan kesihatan dan perubatan. Banyak isu belum lagi pun berubah daripada sejak 2014. Masih lagi ada kekangan-kekangan yang dihadapi. Isu kumpulan rentan ini termasuk mereka— *the vulnerable ones* seperti banduan OKU. *Prison is not OKU friendly at all.*

Katakan kalau banduan itu adalah cacat anggota, dia perlu bergantung kepada seorang banduan lain untuk kebajikan dia, mengurus diri dia.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Banduan lain.

Tuan Simon Kurunagaram: Banduan lain, okey. *So, that's how bad is the situation.* Riadah dan sukan, *that's the issue.* Makanan yang mencukupi, keperluan diri banduan, ini semua akan kita lihat sebentar lagi. Jadi, saya tidak akan *go through* sekarang.

Okey. Jadi, hasil daripada kajian tersebut dan lawatan serta kajian SUHAKAM, ini beberapa isu yang saya ingin *highlight*-kan, Yang Berhormat. *Okey, overcrowding,* kesesakan di penjara. Ini satu isu yang dibincangkan tadi juga. Yang Berhormat, di sini saya hanya masukkan untuk menunjukkan *overcrowding*, jumlah kapasiti 56,000 dan banduan yang ada semasa ya. Ini sehingga 12 Jun ialah 64,000. Ini 36 buah penjara, tidak termasuk fasiliti lain seperti pusat pemulihan akhlak, Sekolah Henry Gurney semua, saya tidak masukkan, ini hanya penjara sahaja. Jadi, di sini kita sudah nampak. *Just* pada bulan lalu 29 hari bulan, ini satu contoh satu pusat pemulihan akhlak yang saya sendiri telah melawat, kapasiti ia hanya 1,300 tetapi jumlah banduan termasuk tahanan 2,570, hampir *100 percent* ya. *Almost—the overcrowding.*

Mengapa saya bezakan tahanan dengan banduan? Banduan ialah mereka yang telah disabitkan kesalahan. Tahanan ialah mereka yang ditahan di bawah POCA, POTA, LLPK, yang tidak melalui proses mahkamah. *So, that's how overcrowding.* Biasanya Yang Berhormat, masalah *overcrowding* ini dihadapi di penjara yang ada banduan reman, mereka yang menunggu perbicaraan. Kajang, Sungai Buloh, Pulau Pinang, Pengkalan Chepa, ini antara penjara-penjara yang biasa, sentiasa ada *overcrowding*. Okey, faktor penyumbang mengapa *overcrowding* berlaku, kesesakan berlaku di penjara. Satu, banduan reman. Banduan reman ini Yang Berhormat, ini reman bila seseorang ditahan, dituduh di mahkamah dan untuk

kesalahan itu dia boleh diikat jamin. Akan tetapi memandangkan orang itu— yang dituduh itu tidak ada duit atau tidak ada penjamin, so dia akan ditahan— *in lieu*, dia akan ditahan di penjara. Jadi, mereka yang ada duit akan diikat jamin, dia berada di luar. Mereka yang tidak boleh, akan berada di penjara.

So, sistem itu sendiri sudah menampakkan ketidakadilan. Mereka ini ramai, ini yang menyebabkan kesesakan di penjara-penjara yang saya sebutkan dahulu. Jadi, kita cuba kalau boleh nanti di hujung ini, kita ada *show* macam mana- kalau kita boleh melihat supaya sistem ini kita boleh *address* untuk mengatasi masalah tahanan reman ya. Kedua, tahanan migran. Yang Berhormat, bila saya mengatakan migran ini bukan migran yang melakukan kesalahan jenayah macam mencuri, membunuh, bukan. Akan tetapi ini hanya kesalahan Imigresen, tiada dokumen. Daripada pandangan hak asasi, kami mengatakan itu adalah satu *administrative offense, not criminal per se*. Jadi, mereka ini ditahan, dijatuhkan hukuman, biasanya dirotan juga, dirotan ya...

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Simon Kurunagaram: Ya, dirotan dan selepas itu, dihantar ke Depot Imigresen. *So for us, it is double jeopardy*. Oleh sebab ditahan di penjara enam bulan, lapan bulan di penjara selepas dihantar ke depot. Depot sepatutnya proses untuk proses menunggu pengusiran. Akan tetapi apa yang berlaku, disebabkan ramai orang ditahan dan masalah dokumentasi mereka, sepatutnya proses ini mengambil masa tiga bulan. Akan tetapi disebabkan masalah-masalah rumit ini, dia berada lama di depot, termasuk kanak-kanak. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ada kesempatan melawat Depot Imigresen, *it is really not conducive. Really not conducive*, memang teruk. Kalau tengok kanak-kanak, tidak ada apa kemudahan di situ, *so it's not fair*. Macam mereka perlu melalui dua kali hukuman lah. So, tu pun nanti kami akan...

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Simon Kurunagaram: Ya. Satu lagi- ini Prof. Adeeba sudah bagi tahu tadilah. Banduan kesalahan dadah, bukan *traffickers, just the users*. Penagih-penagih dadah memang ramai. Kalau di kalangan mereka yang mati dalam tahanan, polis, penjara, kebanyakannya mereka ialah penagih dadah. Oleh sebab di luar, *they have access to dadah*. Masuk dalam, *they become vulnerable* dan tiada sistem kesihatan yang dapat menyokong mereka, *So, they become more vulnerable* dan akan menjadi mangsa kematianlah.

Jadi, kesan daripada kesesakan Yang Berhormat, banyak yang akan terjejas. Satu, ruang fizikal. Kalau Yang Berhormat Pengkalan Chepa- Machang yang saya lawat bulan lepas, satu sel itu ada dalam 11 ke 12 orang. Penjara telah mengambil inisiatif untuk meletakkan katil dua tingkat. Akan tetapi katil itu- apa guna katil itu kalau banduan itu ramai daripada jumlah katil yang ada? So, dua orang tidur atas katil- yang lain, katil itu dah ambil tempat, yang lain terpaksa tidur *very close to each other* dan mereka tidak ada tempat hendak sidai pakaian. Tempat dalam sel itu juga sidai pakaian mereka *and the condition is so bad*.

Tingkap kecil dan tingkap itu sudah tertutup sebab mereka hendak sidai kain semua, *it becomes very bad*. Kemudian seperti peralatan keperluan mandi, pakaian, Yang Berhormat. So, bila ramai- bajet yang diberikan kepada penjara mengikut kapasiti. Kalau kapasiti ia 1,500, peruntukan ia dapat untuk 1,500. So, kalau ia ada 2,700 orang, *the* bakinya bajet daripada siapa? So, dia tiada pakaian, dia tidak ada berus gigi, dia tidak ada ubat gigi, dia tidak ada tuala mandi, semua tidak ada. So, dia mungkin pinjam, orang tinggalkan kah, *that is how they do it* lah. So, ia akan menyumbang kepada penyakit jugalah. Baju yang dia tidak dapat tukar selalu ya, dia akan tunggu untuk sebelum dia basuh semula.

Selepas itu, kekurangan kemudahan penjagaan kesihatan. Tadi Prof. Adeeba kata di Klinik Penjara Kajang ada tiga MO, doktor ya. Itu Kajang sebab ia dekat dengan HQ. Pergi penjara lain, sama ada ia ada seorang sahaja MO dan ada lagi, kalau tidak ada, ia ada MA. Kebanyakannya ada tetapi kalau tidak ada, ia ada MA dan akan disokong oleh pusat kesihatan yang berhampiran. Kita tahu *how the* pusat kesihatan berhampiran pun sudah *over capacity, public* yang hadir pada mereka ya.

Kekurangan kakitangan warden, ini satu lagi isu Yang Berhormat. Penjara memang ada banyak perjawatan yang tidak diisi ataupun tidak mengikut keperluan semasa. Keperluan ini pun mengikut kapasiti. Saya rasa kalau mengikut kapasiti pun masih tidak mencukupi, sekarang *overcrowded* lagi.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Alright.*

Tuan Simon Kurunagaram: So, itu isu warden yang menjaga semua itu memang menimbulkan isu. Bila dah *overcrowded*, tadi ada isu yang dibangkitkan. Tidak ada aktiviti riadah, tidak boleh keluar dari sel, *because* penjara mengatakan ia tidak cukup tenaga untuk menjaga- untuk buka sel itu bagi mereka beriadah sebab tidak ada anggota menjaga.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Ya.

■1140

Tuan Simon Kurunagaram: Waktu biasa, ada penjara benarkan mereka pergi padang bermain bola pun ada. *If they can, they will allow.*

Tuan Pengerusi: *Right.*

Tuan Simon Kurunagaram: Akan tetapi, *structural problem.* So, terpaksa mereka menafikan aktiviti tersebut.

Next slide. Isu pengudaraan. Tuan Pengerusi, di penjara-penjara lama, sebab zaman British dulu, memang penjara memang keadaan gelap ya. Keadaan gelap semua, tingkapnya kecil, lampunya di luar sel. Memang kebanyakan penjara lamalah *especially*, ada masalah ini. Ia menyebabkan masalah pengudaraan juga teruk. Jadi, ini akan meningkatkan kes-kes kesihatan ya— *scabies* dan lain-lain. Sebab nanti kalau kita akan tengok punca kematian, dikatakan paling utama ialah jangkitan kuman. So, *one of the causes is* keadaan sel itu sendiri ya. Sel itu sendiri.

Dan bagaimana sel ini dibersihkan? Banduan itu sendiri yang akan bersihkan. Ia tidak ada kontraktor masuk. Memang tidak ada ya. Kalau banduan itu bersihkan, kalau sudah *overcrowded*, apa yang dia boleh bersihkan dan apa yang dia boleh buat ya? So, itu penyumbang kepada kerumitan masalah di penjara.

Next. Bekalan air bersih, Tuan Pengerusi. Ini ada penjara-penjara tertentu yang disebabkan oleh kedudukan lokasinya itu sendiri, macam Penjara Kajang, *surrounded by*—semasa dibina dulu, ia mungkin penjara itu sahaja. *Now, surrounded by the township.* So, penjara menghadapi masalah tekanan air. So, ia akan menghadapi masalah airlah.

Ada beberapa penjara lain lagi juga menghadapi masalah bekalan air. Macam di Sabah. Di Sabah memang ada masalah bekalan air. Baru-baru ini, kita dapat kompelin ada satu penjara yang ada masalah bekalan elektrik. Waktu malam, ia terpaksa tutup sebab ada *bad electrical and technical problem.* So, bayangkan...

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Sabah memang sentiasa *problem.*

Tuan Simon Kurunagaram: Ya. Bayangkan kalau penjara gelap. Bagaimana pegawai anggota bertugas hendak menjaga? Bagaimana mengawal aktiviti yang tidak diingini pada waktu malam? Aktiviti yang dikatakan tadi— sindiket-sindiket dalam penjara, dadah semua itu. Memang *it is real.* Apabila kami dapat taklimat daripada pihak penjara, memang mereka mengakui *it is real*, berlaku. Sindiket-sindiket yang beroperasi dalam penjara.

Next. Kebersihan dalam sel. *Okay, this is especially* kami hendak *highlight*, Tuan Pengerusi. Ada penjara yang masih mengamalkan sistem tong (*bucket*). Maksudnya dalam sel itu tidak ada *toilet.*

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Penjara mana?

Tuan Simon Kurunagaram: *Next slide, please.* Okey, ini ada enam penjara lagi. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Enam penjara iaitu PPA Batu Gajah, Pengkalan Chepa, Seremban, Pulau Pinang, Taiping dan— saya sudah bahagikan yang boleh dinaiktarafkan dan yang tidak boleh.

Setahu saya, Tuan Pengerusi, PPA Batu Gajah sudah pun dinaiktarafkan. Sekarang tidak ada lagi. Pengkalan Chepa dengan Seremban, sebelum COVID-19, diberikan bajet. Akan tetapi, disebabkan COVID-19, keutamaan lain, bajet itu sudah ditarik balik. Jadi, ia masih lagi mengekalkan sistem *bucket* lagi.

Dan yang tidak boleh dinaiktarafkan ini ialah Pulau Pinang, Taiping dan Muar. Kalau kita melawat sel-sel ini, Tuan Pengerusi— waktu malamlah. Kalau waktu siang, dia masih lagi boleh pergi tandas di luar ya. Kalau pada waktu malam itu, bayangkan dia disediakan dua tong dan mungkin ada enam ke tujuh orang banduan. Kalau seorang menggunakan—sel itu kecil. Dengan baunya yang terpaksa mereka hadapi, di situlah mereka makan malam ya. Pagi, pukul 6.00 pagi apabila dibuka, dia kena keluar diiringi oleh anggota penjara, buang di suatu tempat. *That is how* punca jangkitan kuman semua itu boleh berlaku.

So, it is a question of dignity. Kita dalam abad ke berapa sekarang ini dan masih ada penjara di Malaysia yang masih menggunakan sistem *bucket*. *So, something is very serious that we have to do it.*

Tuan Pengerusi, untuk pemakluman Tuan Pengerusi, macam di Taiping itu, ia sudah pun diisytiharkan sebagai *heritage and that add another problem*. Kalau *heritage* ini, macam mana hendak...

Tuan Pengerusi: Yalah.

Tuan Simon Kurunagaram: Kita tidak boleh *renovate*. *So, what SUHAKAM did*, kita bawa seorang arkitek yang pakar dalam *heritage preservation* ya. Dia kata masih boleh dibuat dengan ubahsuaian yang minimum. Akan tetapi, pihak JKR mengatakan tidak boleh. Kalau kita buat apa-apa, ia akan runtuh. *So, there is two conflicting views* yang menyebabkan pihak penjara pun tidak tahu hendak buat atau tidak hendak buat. *But, they have been facing this issue.*

Tuan Pengerusi: *Right.*

Tuan Simon Kurunagaram: Pulau Pinang akan juga diisytiharkan sebagai *heritage* juga saya rasa. Pulau PinangPulau Pinang, Tuan Pengerusi tahulah, sempit. Memang sempit. Satu penjara besar dalam satu kawasan yang sangat kecil. Ia tidak ada— hendak katakan pintu masuknya pun di jalan raya utama. PPA Muar. *So, this is a serious issue* jugalah.

Next, please. Okey, riadah dan sukan telah saya katakan tadi. Tuan Pengerusi, kalau pergi penjara yang ada aktiviti— kalau *the former* Penjara Kamunting yang tahanan ISA itu, sekarang ia jadi macam penjara pertanian. So, banduannya membuat aktiviti pertanian. Kalau semasa saya melawat dulu, mereka yang dihukum penjara enam tahun dan ke bawah. Jadi, dia boleh dibenarkan untuk membuat aktiviti pertanian. Ia bukan kesalahan serius sehingga mereka tidak boleh memegang apa-apa peralatan yang boleh digunakan sebagai senjata.

Jadi, kalau kita lihat keadaan kesihatan mereka dan tahap keceriaan banduan di situ, memang berbeza. Sebab, dia buat kerja dan dia berpeluh, dia dapat *sunlight*. So, memang berbeza. So, *that is how* riadah dan sukan ini *very important to them*. So long we have limitation, overcrowding, masalah ini akan berterusanlah.

Next, please. Scabies. Ini suatu masalah yang serius di penjara, di depot imigresen. Memang serius, Tuan Pengerusi. Sebab, *the condition itself*. Ia kotor, tiada pengaliran udara, *no natural light or sunlight*, tiada pengaliran udara dan juga sebab *overcrowded*, melalui sentuhan fizikal, ia akan merebak. *Clinic, how much they can treat?* Ia akan beri *that— what do we call? Cream?* Saya lupa namanya. Dia akan beri. *But the recurrence because of—*sebab, baju tidak dapat tukar. Dia kata baju kena masak, *have to boil...*

Tuan Pengerusi: *Right.*

Tuan Simon Kurunagaram: Akan tetapi, *how?* Tidak cukup. Macam mana dia hendak *boil?* So, ia akan berlaku.

So, *SUHAKAM formed a committee*. Kita ada KKM, ada agensi penguat kuasa dan ICRC. So, *what we have— now*, selepas beberapa buah kajian kami buat, Tuan Pengerusi, sekarang kami telah mencadangkan ke pihak KKM untuk menggunakan Ivermectin sebab ada beberapa buah negara telah menjalankan *study* menunjukkan ia lebih berkesan. So, *KKM has agreed to do a pilot project* dan sekarang ini mungkin akan dibuat di negeri Kedah, mungkin di Penjara Alor Setar, untuk sebagai percubaan. Kalau berkesan, mungkin boleh digunakan untuk menangani masalah *scabies* di penjara.

But, problem yang lebih besar di depot-depot imigresen, Tuan Pengerusi. Hampir kesemua tahanan akan ada masalah tersebut.

Next. Tibi. Tibi, saya rasa Profesor Adeeba telah pun ceritakan tadi. So, kalau tahun 2018, ada 26 kematian di penjara. *Next slide.* HIV. Ini juga satu lagi masalah di penjara. Masalah di penjara ini, mereka tidak ada kepakaran sebagai doktor ataupun pakar kesihatan. So, *whether it is* tibi ataupun HIV ataupun masalah dadah, *they do not have the capacity to deal with them.*

Next, please. So, which leads to ada isu kematian. Kematian, ini statistik yang telah kami *compile*. [Merujuk pada paparan di skrin] Memang sumbernya Jabatan Penjara itu sendiri ya. So, kalau kita lihat, tahun 2019 *is the highest* dengan 405 kematian ya dan berkurangan pada tahun 2020, kemudian bertambah dan tahun 2022 telah berkurangan *which we welcome the* pengurangan. Akan tetapi, memang kalau *even one death, it is serious. One death is* memang kita katakan seriuslah.

Jadi, penyakit, puncanya kalau kita lihat yang tertera di situ... [Merujuk pada paparan di skrin] Jangkitan kuman ya. Jangkitan kuman, penyakit jantung, HIV, tibi dan kegagalan organ ya. Jadi, kalau kami tanya kepada itu, “*What cause the bacterial infection?*”, tidak ada jawapan untuk itu. So, *there must be a cause*. Kita tidak boleh berhenti dengan katakan *bacterial infection*. So, itu masalah kami apabila kita bergantung, apabila tidak ada inkues, tidak ada— *postmortem* memang ada tetapi bukan semua kes ada *postmortem*.

Saya berkongsi, kalau dengan izin ya. Ini statistik yang diberikan pada tahun 2022. Angka kematian paling tinggi adalah seramai 31 orang. Ini COVID-19 dengan dikatakan dengan lain-lain. Di-*lumpsum*-kan. So, kita tidak tahu apa yang lain-lain. Kedua yang tertinggi adalah jangkitan kuman. Jangkitan kuman ada kes, diikuti dengan masalah jantung dan juga masalah kanser. Kanser juga ada 18 kes menyumbangkan kematian pada tahun 2022. Kita ada penyakit lain yang diberikan seperti hepatitis, kegagalan organ berfungsi, masalah pernafasan, penyakit berkaitan otak, kecederaan— kecederaan biasanya kami akan dapat kosonglah. Okey. Polis, penjara memang kosong.

■1150

Akan tetapi, kita tahu ada kes aduan kita dapat memang ada masalah, memang ada masalah.

Seterusnya, Yang Berhormat ini satu isu yang lama tetapi sekarang semakin hangat dibincangkan; masalah mental dalam kalangan banduan Yang Berhormat. Ini statistik yang kami peroleh baru lagi, bulan lepas selain dari Jabatan Penjara. Ada 2,000 –*sorry* saya tak masukkan jumlah di situ ya, mohon maaf. Jumlahnya adalah 2,687 orang banduan yang mempunyai masalah mental di penjara.

Satu isu yang ingin saya bangkitkan di sini Yang Berhormat adalah, satu *of course* penjara tidak ada kepakaran dalam menangani isu masalah banduan mental ya. Macam rakan saya Faiz pernah menyiasat kes kematian berikutan daripada mungkin ada masalah mental. Oleh sebab *the anggota is not trained. It is not fair to blame him*. Dia tidak tahu kalau banduan itu sudah mula berkelakuan aneh ya, bercakap berseorangan, panjat, lompat, buka baju, main dengan najis dia, *these are*

tanda-tanda yang berlaku. Kadang-kadang walaupun *very obvious* tidak ada tindakan diambil tetapi kadang-kadang memang mereka bukan pun pakar untuk ditempatkan di situ. So, kadang-kadang berlaku dia membunuh diri, masalah membunuh diri.

So, ini satu masalah kalau dalam kalangan mereka yang sudah disabitkan kesalahannya masalah reman yang belum disabitkan kesalahan, berada di situ sudah ada masalah mental ya. So, mereka yang reman ini *they have to go to the court process –trial*. Adakah semasa *trial* itu nanti mental mereka akan di-assess sebab kalau dia *insane, legally insane and mentally insane* dia sepatutnya tidak boleh disabitkan kesalahan ya. Akan tetapi adakah ini akan diberikan perhatian. So, *that is the question*. Kalau tidak *something really wrong with the criminal justice system* kalau mereka disabitkan kesalahan walaupun mempunyai masalah mental.

Yang Berhormat satu contoh saya juga ahli Pelepasan Banduan Secara Berlesen. Ini Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi: Secara?

Tuan Simon Kurunagaram: Berlesen. Ketua Pengarah Penjara ada kuasa untuk membebaskan banduan lebih awal daripada tempoh hukumannya. Buat masa ini adalah mereka yang dijatuhkan untuk kesalahan ringan; hukuman satu tahun dan ke bawah. Jadi, biasanya mereka ini hukuman dia ringanlah, enam bulan, lapan bulan. So, *there is committee. Every month ada meeting* untuk dibebaskan secara lebih awal. Ia ada beberapa kriteria. Dia ada ujian-ujian asas di penjara, *they have to pass that*. Lepas itu dia perlu ada sama ada majikan mengambil dia untuk bekerja ataupun keluarga menjaga dia dan perlu ada tempat tinggal. *This is basic ones*. Akan tetapi ada banduan Yang Berhormat tidak dapat dibebaskan secara awal kerana ada masalah mental.

Persoalan saya adalah jika dia adalah penjenayah, banduan yang masuk kesalahan satu tahun ke bawah bila dia dapat masalah mental? Adakah semasa dia dijatuhkan hukuman itu dia sudah ada masalah mental? Yang Berhormat, saya beri contoh *typical scenario* yang kita nampak polis bawa ramai yang rantai panjang itu dan dia akan naik kandang beramai-ramai, mereka kebanyakannya tidak ada peguam. *There is no legal representation* dan mereka telah pun dinasihatkan mengaku salah supaya kamu akan dapat hukuman tiga bulan dan enam bulan. So *there is no legal representation* dan tidak ada sesiapa pun membuat *assessment* jika ada masalah mental.

So, mungkin masa dijatuhkan itu dia sudah adapun masalah mental. So, kalau kita tengok *is wrong system, something is really wrong*. So, ini yang perlu kita

–*the criminal justice system* itu perlu kita kaji sendiri bagaimana masalahlah ini boleh diatasi. *Next please.*

Okey, kemudahan dan fasiliti. Seperti yang telah kami katakan tadi peralatan fasiliti yang terhad –macam di klinik Yang Berhormat, peruntukan doktor daripada KKM. Peruntukan daripada penjara okey. So, memang penjara sebab *overcrowding* semua itu *budget that already* yang ada bajet sudah pun digunakan untuk tujuan-tujuan lain. Memang dia *allocate* tetapi memang tidak mencukupi kemudahan.

Kadang-kadang ada klinik, ada penjara ada *dental chair* semua itu ada tetapi tidak ada *dentist* yang pergi. Penjara ada *sick bay* bagi mereka yang perlu di-*monitor* tetapi *they have a very basic facilities* ya. Dia ada *very basic facilities* sebab kita tidak mahu orang yang –dia sudah dihukum. Kalau dulu konsep penjara adalah menjalani hukuman, sekarang konsep adalah menjalani pemulihan. Hukuman dia berada dalam penjara tetapi apa yang –tujuannya adalah untuk menjalani pemulihan. So, kalau fasiliti dia tidak mencukupi, dia tidak ada kemudahan-kemudahan, jadi dia tidak menjalani program pemulihan. Tidak menjalani program pemulihan yang lengkap, yang mantap, keluar nanti dia masih akan berulang sebab dia tidak dipulihkan secara sempurna. So, itu masalah.

Jadi kita akan menghadapi masalah yang samalah, satu *cycle. vicious cycle* yang akan berulang-ulang. So, bajet daripada kerajaan akan semakin –kita kena *maintenance budget*, bina penjara baharu semua tu akan sebab *the* program pemulihan itu sendiri tidak berkesan. Ini untuk termasuk yang penagih dadah itu tadi Yang Berhormat. Isu yang sama juga banduan OKU, banduan wanita, semua ini ada masalah mereka masing-masing. *Next, please.*

Hak dan kebajikan kakitangan ya. Seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat mereka ini berada di sebalik tembok. Orang tidak nampak mereka. *Pity them.* Mereka yang menjaga *cell*, yang menjaga blok itu beza dia adalah banduan—mereka boleh keluar masuk sekejap, banduan tidak boleh keluar. Itu sahaja. Kadang-kadang bau daripada *bucket system* itu, keadaan panas dalam *cell* itu. Bayangkan semasa COVID-19 mereka kena pakai PPE.

Kami sedang menyiasat satu kes kematian yang diberitahu tadi— kes Ruben di Penjara Kajang. Kami masuk untuk menyiasat satu Blok Insaf ya. Saya masuk tidak sampai 15 minit, basah pakaian saya dalam itu. *They have to be there inside.* So, memang keadaan itu bukan sahaja menjejaskan banduan tetapi kakitangan yang bertugas itu sendiri memang tidak tertanggunglah.

Kalau ada TB, kalau ada *scabies*. Ada yang sampai *scabies* bawa ke keluarga, ahli keluarga sendiri yang mendapat *scabies* itu sendiri. TB pun ada,

COVID-19 pun ada ya. Macam Profesor Adeeba kata ada anggota yang meninggal dunia sebab COVID-19 pun ada juga ya. So, perlu diberi perhatian kepada isu.

Kajian daripada tahun 2014 itu juga telah melihat stres dalam kalangan kakitangan memang tinggi. Saya tidak masukkan dalam *slide* ini tetapi stres dalam kalangan mereka juga sangat tinggi. *Next slide*. Okey.

So, isu-isu yang dihadapi oleh kakitangan penjara. Satu, kekurangan kakitangan dengan kapasiti sedia ada dan sekarang kalau *overcrowded* lagilah. Kadar mereka yang berhenti kerja Yang Berhormat, *also* diberitahu kepada kami mereka yang berhenti kerja juga tinggi ya sebab tidak tertanggung stres yang dihadapi. Keperluan dana, bajet Yang Berhormat yang tadi ada disebut tentang CCTV semua itu, bila penjara dibina ataupun lokap dibina, depot imigresen dibina, ia ada CCTV ataupun—tetapi pergilah selepas dua tahun, CCTV dia tidak berfungsi, masalah *short circuit*, bangunan sudah mula retak. Kalau ada lif-lif, ia tidak berfungsi. Semua ini ada sebab ia tidak ada *budget for maintenance*. Bajet sedia ada untuk pengurusan tidak mencukupi. Jadi, apatah lagi bila tidak ada bajet untuk *maintenance*, itu yang akan berlaku. Memang masalah yang serius untuk *maintenance budget* ya.

Waktu kerja dan persekitaran kerja yang tidak kondusif telah saya katakan tadi. Waktu kerja syif yang berpanjangan sebab tidak cukup anggota dia terpaksa bertugas. Kalau dulu syif dia empat jam dia terpaksa lapan jam. Kalau dia masuk dalam sama juga, peraturan dia sama. Dia tidak boleh bawa *handphone*, tidak boleh bawa makanan, dia tidak boleh bawa apa-apa. So, dalam itu dia pun akan jadi banduan sementara.

Dia terdedah kepada penyakit. Vaksin, vaksin ini saya ingin *highlight* Yang Berhormat. Ini satu syor yang selalu SUHAKAM berikan kepada agensi penguat kuasa ya. Jadi, PDRM telah *pick-up* ini dan sekarang mereka telah dapat bajet vaksin, untuk anggota-anggota PDRM tetapi penjara belum ada lagi. Penjara *more long term* mereka berada di dalam itu. Jadi, mereka juga memerlukan vaksin. Biasanya vaksin Hepatitis B dan Influenza. Ini dua yang penting perlu diberikan kepada anggota-anggota yang bertugas.

Tiada pemeriksaan kesihatan berkala secara percuma. Kalau hendak, mereka buat secara sendiri. Mereka buat keluaran duit sendiri mereka buatlah. Kalau tidak secara percuma itu memang tidak ada. Kadang-kadang ada peluang kalau ada PKD mana-mana buat adalah, kalau tidak memang tidak adalah.

Gaji kakitangan yang tidak setimpal dengan tugas yang dilakukan. Ini satu kompelin yang selalu kami dapat daripada kakitangan. Mungkin semakan pun kita perlu tinjau bilakah kali terakhir gaji kakitangan penjara disemak. Tidak setimpal

dengan tugas yang dilakukan dengan risiko yang mereka hadapi. Itu satu yang perlu ditinjau juga.

■1200

Satu lagi kursus dan latihan. Ini penting Yang Berhormat sebab kita tahu, *even* PDRM atau penjara, *the top management very good. The inspiration* untuk melakukan pembaharuan, semua itu bagus. Akan tetapi, *it is never translate down to the* mereka yang di *ground* itu. So kalau kita katakan tadi ada insiden *torture* itu, *of course PDRM does not condemn torture* ya. Akan tetapi PDRM *even* sediakan— Saya menyimpang sedikit. PDRM memang ada menyediakan bilik soal siasat. Kadang-kadang ada satu, kadang-kadang ada dua sahaja. Akan tetapi Yang Berhormat pergi melawat, bilakah kali terakhir ia digunakan? Memang tidak pernah digunakan sebab satu-satu OKT jumlah kes banyak. IO ramai. Bilik soal siasat dua sahaja. Bilik soal siasat itu lengkap dengan *soft padding* dia, dengan CCTV, thermometer *temperature* semua itu ada tetapi tidak digunakan.

Kedua, yang memukul mereka itu bukan IO. Mereka yang pakai baju preman, bukan pakai baju uniform. Kalau pakai uniform, dia tak ada *name tag*, so supaya tidak dikesan. Mereka yang keluar masuk keluar masuk itu memang mengambil kesempatan untuk memukul dan mengugut mereka sebab polis dia nak maklumat untuk meneruskan siasatan, siapa lagi yang terlibat, siapa lagi kawan kamu, mana kamu simpan bahan bukti, mana— So *,they want informations*. Di situlah boleh berlaku kekerasan. Di situlah *torture* itu boleh berlaku. Berbanding penjara, tekanan di PDRM itu lebih banyak. So IO, sebab mereka tahu IO itu mempunyai nama. So, *it is non—the detective that ununiform detective*. Merekalah yang melakukannya.

Okey, SUHAKAM— Ini syor, pada peringkat terakhir. Pindaan undang-undang. Syor pertama untuk mengatasi atau menambah baik Yang Berhormat. Satu masalah kesesakan ini, SUHAKAM mengesyorkan banduan reman ini yang tidak dapat membuat ikat jamin secara tunai itu, sediakan *alternative method*. Kalau ikat jamin tidak boleh dibayar, adakah cara lain boleh dibuat? Adakah mereka contohnya melaporkan diri pada balai polis atau penjamin sahaja mencukupi. Tak perlu wang tunai itu. Perlu dibincangkan secara lebih *detail* perkara seperti ini.

Pesalah dadah yang dibincangkan tadi, tidak dimasukkan ke penjara. Bukan kami kata jangan tahan. *Arrest them*, tetapi mereka perlu ditempatkan di luar penjara di satu fasiliti yang lain yang di mana mereka menjalani pemulihan. Bagi penagih dadah, tidak boleh dipulihkan di penjara. Memang tidak boleh. Banduan migran ini untuk kesalahan dokumentasi itu, sama ada mereka boleh terus ditangkap dan terus dihantar ke depot imigresen untuk diusir. Bukan dihukum dua kali. So, ini boleh

mengurangkan kesesakan di penjara. *Drastically, it will help*. SUHAKAM akan menganjurkan beberapa bengkel untuk *discuss detail* perkara-perkara ini. memang *impact* lainlah. Kita akan menganjurkan tiga syor ini untuk di-*discuss* secara lebih lanjut sebab kita perlukan— *It has legal implication, police implication, budget implication* yang perlu dibincangkan secara lebih *detail*.

Seterusnya, pemulihan dalam komuniti. *One of the aim of present reform* Yang Berhormat adalah dua per tiga daripada banduan *by 2030*, berada di komuniti, menjalani pemulihan dalam komuniti. *So, only one third*. Siapa *one third* itu? Mungkin banduan akhir, banduan LLPK berada dalam penjara, POTA berada dalam penjara. Banduan yang lain itu, mungkin akan berada— Itu hasrat Jabatan Penjara. Jabatan Penjara *has lots of activities* integrasi, integrasi ke dalam masyarakat.

Problem is sama ada masyarakat bersedia untuk menerima mereka, sama ada majikan bersedia untuk menerima mereka. Ini disebabkan kalau diletakkan di luar, *they need support of the society*. *So the stigma* masih ada, cabaran itu masih ada. Kalau majikan Yang Berhormat, dia nak ambil bekerja tetapi dia takut kalau dia ambil banduan sebagai bekerja, takut orang kata *forced labour*. *Forced labour* mungkin produk dia nanti kena *banned, blacklist*. Dia tak boleh import. Dia tak boleh eksport. *So, these are the implications* yang perlu di-*study* dengan lebih lanjut. Juga kita perlu mendidik dan menyediakan masyarakat untuk menerima mereka. Kadang-kadang ahli keluarga sendiri yang tak nak menerima mereka. Kata biar dia jalani hukuman sahaja.

Penambahbaikan fasiliti Yang Berhormat seperti yang saya katakan tadi, infrastruktur perlu dibaiki tetapi kalau *detention* itu boleh di-*explore*, saya rasa kita tidak perlu pun penjara-penjara baharu. Ini disebabkan kalau dah kurang mereka yang berada di penjara, *automatically* semua masalah ini boleh diatasi. Mungkin Penjara Taiping dah tak perlu guna Yang Berhormat. Jadikan muzium sahaja. Kita sudah ada bilangan penjara yang sudah mencukupi kalau kita boleh kurangkan kadar banduan yang berada dalam penjara. *So*, kurang bajet daripada kerajaan untuk pergi ke penjara nanti.

Seterusnya, yang keempat adalah— ini tadi Yang Berhormat iaitu hak kakitangan penjara. Satu, perlu dilihat keperluan tenaga kerja di penjara sama ada— Memang tidak mencukupi. Semakan gaji dan elaun serta perumahan. Kami juga ada melawat kalau kami buat lawatan audit, kami melawat perumahan mereka, itu pun *in a very horrible condition* jugalah sebab tak ada *maintenance*. Ia jadi macam flat kos rendah. Memang kasihan mereka.

Penjagaan kesihatan seperti isu yang telah kita katakan tadi, mereka perlu diberikan vaksin, perlu ada automatik *medical check up* untuk mereka. Mungkin

setahun sekali. Kemudian, tempat kerja yang kondusif dan latihan-latihan kursus-kursus hak asasi manusia perlu diberikan kepada mereka.

Seterusnya ialah peningkatan bajet. *This is the hardest problem. [Ketawa]* Semua orang minta bajet kerajaan nak pergi mana ya. So, itulah masalahnya. Kekurangan bajet untuk sedia ada, untuk *maintenance* dan untuk keperluan kakitangan, semua ini perlu ada bajet dia. Minta maaf Yang Berhormat. Kadang-kadang kami dapat komen, sebab mereka ini tidak menjadi perhatian sebab mereka ini bukan pengundi. Satu lagi perkara, banduan tidak dibenarkan mengundi. Mereka tidak dibenarkan mengundi juga. Jadi, boleh kata kurang perhatian diberikanlah. Saya minta maaf tetapi ini saya sampaikan. Saya juga tertanya-tanya kenapa banduan tidak dibenarkan mengundi. Dia kata takut sebab dia marah kepada kerajaan. Jadi, dia tidak akan mengundi untuk pihak kerajaan. *[Ketawa]* Itu alasan yang diberikan. So, mungkin *something can be reveal also*.

Seterusnya syor terakhir adalah tentang— *Of course*, Yang Berhormat. *I must admit* penjara adalah sebuah jabatan yang *very forthcoming, very transparent*, boleh bekerjasama dengan baik. Akan tetapi, penjara *alone cannot address all the problems they have been facing*. *Criminal justice system* perlu dipinda. *So we need support of the mahkamah, Jabatan Peguam Negara*.

Saya letak Jabatan Imigresen di sini adalah kadang-kadang Yang Berhormat masa *overcrowding*, banduan untuk kesalahan imigresen itu sudah pun habis menjalani hukuman tetapi imigresen boleh menggunakan kuasa akta dia untuk terus menahan dalam penjara. Dia kata, *even pegawai gred 29* apa entah dah boleh *sign order* itu. Senang sahaja diletakkan di penjara sebab dia menghadapi masalah kesesakan di depot imigresen, diletakkan di penjara. Padahal dia sudah selesai pun habis hukuman dia. So, *that is a proof*. Satu lagi ialah Jabatan Imigresen mungkin dah boleh proses masa dia di penjara sahaja. *Why can't they start processing?* So, bila masa dia bebas itu, *documentation* dah selesai. Boleh usir terus. Itu boleh dibuat.

Of course Kementerian Kesihatan— Pusat Pemulihan Dadah itu untuk masalah dadah tadi, penagih dadah. Kementerian Kesihatan *is a partner to* Jabatan Penjara, agensi-agensi penguatkuasaan ini. Cuma, *they have their own set of problem*-lah. Dia sendiri tak cukup bajet, dia sendiri tak cukup kakitangan *but someting that we have to look into* Kementerian Kewangan untuk bajet, Jabatan Kerja Raya untuk *structure of the building* sendiri.

Yang Berhormat, ini saya ingin timbulkan di sini juga bukan untuk penjara tetapi macam kalau lokap-lokap— saya lihat lokap yang sedia ada sudah bermasalah. Kita sudah beri banyak cadangan. Bila bina lokap baharu, masih lokap

dengan *design* yang sama, dengan masalah yang sama. Kenapa tidak boleh di-*improve* ya? Walaupun ada inisiatif *but it is not uniform, it is not standard*.

Then NGOs, we need NGOs in this action. So, itu sahaja daripada saya Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Thanks* Yang Berhormat. *I will see you in afternoon.* Saya cuma nak tanya tentang status atas syor-syor ini kalau ada *appropriate to— I like in terms of status report.*

Tuan Simon Kurunagaram: Yang Berhormat, *as I said,* Jabatan Penjara *is very forthcoming.* Jadi, bila ada syor yang kami berikan *especially* daripada aduan yang kami terima, dia akan ambil tindakan. Dia cuba *improve* SOP, dia cuba baiki tetapi kalau *structural problem, they are stuck.* Dia tak boleh buat apa-apa. Jabatan Penjara sendiri akan kata, saya tak boleh buat, mungkin berkaitan polisi atau bajet. Dia tidak boleh buat ya.

■1210

So, that's where Jabatan Penjara punya masalah kekangan dia. Akan tetapi kalau ada jabatan-jabatan lain syor SUHAKAM ini tinggal setakat syor Yang Berhormat, *they have no obligations to reply to us whether action has been taken or not, only once a year* semasa *annual report* SUHAKAM ada BHEUU akan tolong *compile* maklum balas daripada jabatan kerajaan, di situ mereka akan berikan jawapan apakah tindakan yang sudah diambil sebab kadang-kadang jawapannya jawapan yang standardlah Yang Berhormat. *Sad to say* bukan jawapan yang memuaskanlah.

So, that's why one of the amendment yang sedang kita *propose* itu juga untuk meletakkan satu klausa untuk *the agency* untuk memberikan maklum balas apabila setiap kali SUHAKAM memberikan syor. *So, we know at least what happening,* kalau tidak kami pun tidak tahu apa yang berlaku kepada syor yang kami berikan. *Unless* kalau kami pergi melawat, berkesempatan kita lihat sendiri, kalau tidak— *and* SUHAKAM pun *under staff* semua Yang Berhormat. Dengan satu *office* di Kuala Lumpur, kami kawal satu Semenanjung berapa penjara yang kami boleh pergi, berapa depoh yang kami boleh pergi. *So, that another implications* tapi saya tidak hendak bawa isu SUHAKAM pula. *So, that among the issues* yang kami hadapi.

Tuan Khoo Poay Tiong: Yang Berhormat *Chairman,* saya hendak tanya tentang sindiket jual dadah itu. Boleh terangkan lebih lanjut.

Tuan Simon Kurunagaram: *This is more rampant* di kalangan penjara reman sebab di situ ada lebih banyak *movement* banduan keluar masuk, pergi mahkamah, dibawa keluar untuk siasatan ataupun dia pergi ke mahkamah. So, di situ di luar dia ada akses kepada orang lain untuk mendapatkan bekalan. *It could be someone* di luar, mungkin ahli keluarga, mungkin kawan-kawan, mungkin *it could be enforcement agency themselves. That one where they got the supply.*

Kedua, anggota penjara sendiri ada yang membawa bekalan masuk ke dalam. *So that is where they got the supplies.* Ketiga, *because this movement they have— somehow, they can communicate* dengan orang yang berada di luar, orang ini akan keluar pada masa ini, orang ini akan keluar— Yang Berhormat, saya juga pernah dapat *call* daripada banduan sendiri menggunakan *handphone* dalam sel. *So, they can have handphone* dalam itu.

So, another problem Yang Berhormat dengan masalah teknologi sekarang *drone can go into the compound of* penjara, jatuhkan barang. Dalam penjara itu sendiri dia ada siapa yang ketua dia, biasa sindiket siapa ketua dia. *So, as a business in selling drug supply* lah. So, kadang-kadang berlaku pergaduhan itu siapa yang *control the supply inside.*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Maybe you should look at the planning department whether they by law development surrounding secured area like prisons. They will have their own guidelines.*

Tuan Simon Kurunagaram: *Yes, that is true.* Macam PPA Machang, dia punya *buffer zone* taman perumahan dengan penjara *not less than—* memang *a few hundred meters* sahaja. Boleh dengar, *we can hear people talking, so close.*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Rights.*

Tuan Simon Kurunagaram: *So, there another issue* yang perlu kita lihat.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Masukkanlah dalam syor yang *you* perlukan.

Tuan Khoo Poay Tiong: *So, the inquest for those who passed away,* mati dalam tahanan...

Tuan Simon Kurunagaram: Tahanan.

Tuan Khoo Poay Tiong: Tadi kata kalau ada permintaan baru ada *inquest* kan?

Tuan Simon Kurunagaram: Dia kalau...

Tuan Khoo Poay Tiong: ...Adakah kamu cuba hendak usaha supaya setiap kematian mesti buat *inquest*? Ada buat usaha ini tidak?

Tuan Simon Kurunagaram: *We have recommended that* kata semua kematian dalam tahanan perlu ada inkues tetapi kadang-kadang *is the discretion of*

the koroner atau majistret yang pergi melawat, kata nampak very straightforward case there is no foul play dia tidak perlu inkues. *So, is a discretion at the moment.* So, memang *we support* perlu ada inkues Yang Berhormat. *So, we need mandatory inquest although.*

Satu lagi Yang Berhormat isu— *the statistics may differ because the interpretation,* pemahaman tentang kematian dalam tahanan. *So, from human respective and also the standard international standard says once you under custody,* so tidak kira dari saat ditangkap sehingga saat dia dibebaskan adalah *death in custody. Doesn't matter* dia dibawa ke hospital, *doesn't matter* dibawa untuk siasatan atau dibawa untuk ke mahkamah, kalau dia mati dia memang mati dalam tahanan. Walaupun dia berada di hospital, mati di atas katil hospital tetapi belum dibebaskan masih *death in custody*. Akan tetapi kebanyakannya menginterpretasikan bila sudah masuk hospital bukan *under custody* lagi. *So, that different interpretation as well.* So, statistik boleh berbeza.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Alright.* Terima kasih. Ya Yang Berhormat, *sorry.*

Tuan Khoo Poay Tiong: Untuk tahun 2014 hanya lima lawatan ke penjara kalau ikut *you* punya *presentation*. Lima sahaja kan 2014? Pada tahun itu juga kamu sediakan laporan tentang kesihatan kajian di penjara.

Tuan Simon Kurunagaram: Ya. *So,* lawatan...

Tuan Khoo Poay Tiong: So, kalau hanya lima lawatan...

Tuan Simon Kurunagaram: Ya Yang Berhormat, *I can clarify.* Lima lawatan itu lima lawatan berkala sebab *most of the time were used to* buat lawatan untuk tujuan kajian ini. *So, there were more* lawatan untuk tujuan kajian yang kita pergi penjara-penjara sebab itu lawatan berkala itu telah menurun untuk tahun tersebut. *The same year we also did the study,* lawatan-lawatan ke lokap-lokap PDRM *there is another report that we visited* lokap-lokap di Semenanjung, Sabah, Sarawak *there is another report.*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Okey.

Tuan Khoo Poay Tiong: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* *That one is 10 years ago* punya report kan?

Tuan Simon Kurunagaram: Yes.

Tuan Khoo Poay Tiong: Sudah 10 tahun, so ada laporan baru akan diterbitkan?

Tuan Simon Kurunagaram: Buat masa ini kami tidak jalankan *the study itself,* laporan-laporan berkala terus kami keluarkan *but* kalau ada keperluan kami

akan buat Yang Berhormat tetapi mungkin *half or more than half problem remains the same*. Belum ada penambahbaikan.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Ya lah.

Tuan Khoo Poay Tiong: So, kalau *you* ada peluang, kalau ada peluang apa yang *you* hendak penjara buat satu perkara kalau bagi *you* hendak minta penjara buat satu, apa yang *you* hendak buat?

Tuan Simon Kurunagaram: *All clearing just now* ada tiga aspek tadi. Banduan reman – *only one* perkara keluarkan banduan reman. Kalau boleh *the migrant and* banduan kesalahan dadah.

Tuan Khoo Poay Tiong: Akan tetapi kalau kesalahan dadah tadi macam Yang Berhormat Raub kata dia tidak setuju dengan syor kamulah kata— *then how you want to...*

Tuan Simon Kurunagaram: *I agree and then his perceptions can be the society perception as well, so it's not the easy straight forward issues but* kita juga boleh bagi beberapa isu Yang Berhormat. Satu, *current statistic* menunjukkan pemulihan dalam penjara juga tidak berkesan so kita kena cuba *method* yang lain. Kita boleh tunjuk contoh-contoh di negara lain.

Kedua, kita bukan kata jangan tahan mereka. Kena tahan mereka bukan kita biarkan mereka tetapi *there is another* program alternatif dari penjara. Mungkin mereka berada di sebuah tempat lain untuk menjalani pemulihan sebagai pesakit bukan sebagai banduan. *So, that we have need to explain more to the society to understand what we actually mean, is not taking freely, move around among the society, it's need further explanation.*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Pada pandangan, *last* ya. Pada pandangan SUHAKAM apakah satu badan NGO yang dilihat begitu menonjol sama ada di peringkat *regional* ataupun dalam negara kita dalam hal yang aktif yang kalau SUHAKAM dapat buat dan pandangan?

Tuan Simon Kurunagaram: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Will be ICRC. ICRC, have been doing lot work with the Prison Department, sometimes with also Immigration Department and they bring in technical expertise.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: IC...

Tuan Simon Kurunagaram: RC.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: RC.

Tuan Simon Kurunagaram: *The International Red...*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Simon Kurunagaram: ...Committee.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: ICRC.

Tuan Simon Kurunagaram: ICRC. *Unfortunately, their office in Kuala Lumpur will be closed that what we had.*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *I see.*

Tuan Simon Kurunagaram: *Sebab I think probably they have budget problems but they are...*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Or not because of our prison also bad?*

Tuan Simon Kurunagaram: *No, no, they have budget problems. So, they are the one who being kalau kami kata Nelson Mandela Rules kata perlu ada ventilations, perlu ada pengudaraan kan, they bring kata how big supposed be tingkap itu, berapa luas— they can bring such expertise. So, unfortunately kalau mereka tidak ada...*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *They are an international body.*

Tuan Simon Kurunagaram: *International body, HQ in Geneva.*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Now they wanted to...*

Tuan Simon Kurunagaram: *Close the office in Kuala Lumpur.*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Moved out from Kuala Lumpur?*

Dr. Cheah Swee Neo: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] If I may. So, they are actually international movement. I don't think they even consider themselves such an NGO because they are very big organizations actually. They have been in existence for 40-50 years. Hence, they have regional office based in Kuala Lumpur for I don't know how many years but recently I think that is budget cut I supposed, so they are closing their regional office here in Kuala Lumpur. Which is a bit unfortunate lah but as Simon was saying they have a lot of technical expertise because they do same things in all the country where they present in the world. Where they advice on— of course looking at the welfare of the prisoners. That's their expertise.*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Okey. Saya rasa masa pun sudah – banyak masa kita gunakan. Jadi untuk itu, saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada khususnya Tuan Simon bersama-sama dengan team, Dr. Cheah dan juga Saudara Faiz diatas ruang masa yang diberikan untuk membuat taklimat bagi pihak SUHAKAM pada hari ini. Jadi, Yang Berhormat kalau tidak ada apa-apa boleh kita tangguh dahulu mesyuarat kita pada hari ini dan dengan sekali lagi ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih. Saya tangguhkan.*

Tuan Simon Kurunagaram: *Terima kasih Yang Berhormat.*

Dr. Cheah Swee Neo: *Terima kasih Tuan Pengerusi, thank you.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.21 tengah hari]



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
HAK ASASI MANUSIA, PILIHAN RAYA
DAN REFORMASI INSTITUSI

TAKLIMAT DARIPADA KEMENTERIAN DALAM
NEGERI DAN JABATAN PENJARA MALAYSIA

BIL. 3
ISNIN, 19 JUN 2023
PENGKAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
HAK ASASI MANUSIA, PILIHAN RAYA
DAN REFORMASI INSTITUSI
BIL. 3 TAHUN 2023**

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

ISNIN, 19 JUN 2023

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam]
YB. Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]
YB. Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]
YB. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]
YB. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]
YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] - *Pengerusi*
YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]
YB. Tuan Zahari bin Kechik [Jeli]
YB. Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Cik Jackie Mary Fernandis [Penasihat Undang-undang II]
Cik Noraini binti Othman [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Dr. Dina Miza binti Suhaimi [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]
Puan Nur Farah binti Dzulkifli [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Kementerian Dalam Negeri (KDN)

Encik Muhabir bin Ibrahim [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kepingjaraan, Antidadah dan RELA)]
Encik Zakaria bin Razali [Penolong Setiausaha K1 (Bahagian Kepingjaraan, Antidadah dan RELA)]

Jabatan Penjara Malaysia

TKP Meor Azizi Sapawi bin Ahmad Sepuan [Timbalan Pengarah (Seksyen Pemulihan & Pendidikan)]
Tuan Supri bin Hashim [Pengarah Kanan (Bahagian Dasar Kepingjaraan)]
Tuan Wan Sani bin Ab. Latiff [Pengarah Penjara, Pengkalan Chepa]
Tuan Nazri bin Mohamed [Pengarah, Penjara Taiping]

Tuan Mohamad Jusoh bin Ismail [Pengarah, Penjara Pulau Pinang]
Tuan Sharil bin Basir [Pengarah, Penjara Seremban]
Tuan Marzuki Azmi bin Bidi [Pengarah Pusat Pemulihan Akhlak, Batu Gajah]
YBrs. Dr. Hanis Syazwana binti Sharaidin [Pegawai Perubatan]
TPP Trio Kurniawan bin Kusmadi [Timbalan Penguasa Penjara (Seksyen Rawatan dan Layanan)]

Jabatan Peguam Negara (AGC)

Puan Rosmizan binti Muhamad [Timbalan Penggubal Undang-undang Parlimen II]

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)

Encik A. Rafiz bin Ismail [Ketua Penolong Pengarah (Seksyen Dasar dan Penyelidikan) Bahagian hal Ehwal Undang-undang]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS HAK ASASI MANUSIA, PILIHAN RAYA DAN REFORMASI INSTITUSI BIL. 3 TAHUN 2023

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA,
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

ISNIN, 19 JUN 2023

Mesyyuarat dimulakan pada pukul 3.30 petang

*[Yang Berhormat Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad
mempengerusikan Mesyyuarat]*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera. Saya Hasni Mohammad akan mempengerusikan mesyyuarat ini bagi pihak Tuan Pengerusi Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi. Tuan Pengerusi minta saya sampaikan ucapan selamat menjalankan mesyyuarat kita pada hari ini dan bersama-sama saya ialah Tuan Khoo Poay Tiong, Ahli Parlimen Kota Melaka dan Yang Berhormat Puan Isnaraissah, Ahli Parlimen Kota Belud dan juga Ahli Jawatankuasa *select committee* ini.

Kita akan mulakan mesyyuarat kita pada petang ini dengan beberapa pembentangan taklimat berkenaan dengan polisi kepenjaraan dan juga tatacara pengendalian piawai penjara pasca COVID-19 oleh Kementerian Dalam Negeri. Kemudian diikuti dengan taklimat berkenaan dengan kondisi layanan terhadap banduan menurut undang-undangan sedia ada dan juga kondisi penjara-penjara lama oleh Jabatan Penjara Malaysia. Sesi petang ini kita turut dihadiri oleh Yang Berbahagia Dr. Nizam selaku Setiausaha Parlimen. *[Ketawa]*

Itulah akibat hendak jumpa tidak dapat-dapat jumpa. *[Ketawa]*. *Alhamdulillah*, terima kasih saya bagi pihak jawatankuasa atas kehadiran wakil-wakil daripada kementerian dan juga pihak Jabatan Penjara Malaysia. Mungkin taklimat-taklimat yang diberikan pada petang ini lebih bermakna kepada jawatankuasa ini lebih-lebih lagi pada sebelah pagi tadi kita telah mendengar pembentangan oleh pelbagai pihak, badan peguam, SUARAM, kemudian termasuk SUHAKAM sendiri dan juga Profesor Datuk Dr. Adeeba Kamarulzaman dari Universiti Malaya mewakili NGO beliau. Jadi, ini semua memberi satu gambaran yang agak menyeluruh tentang perkara yang hendak di taklimatkan pada petang ini. Jadi, untuk itu saya tidak berhajat untuk

melengahkan masa. Sukacitanya saya mempersilakan dari Kementerian Dalam Negeri untuk taklimat yang seterusnya. Dipersilakan.

Tuan Supri bin Hashim [Pengarah Kanan, Bahagian Dasar Kepenjaran, Jabatan Penjara Malaysia]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Saya Supri Hashim dari Jabatan Penjara Malaysia. Yang Berhormat Datuk Seri Utama, Tuan Pengerusi *select committee*, Yang Berhormat Tuan Khoo dari Kota Melaka dan Yang Berhormat Puan Isnaraissah. Minta maaf, saya nama...

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]: Munirah saja.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Munirah.

Tuan Supri bin Hashim: Yang Berhormat Munirah dan Encik Muhabir daripada Bahagian Dasar Kepenjaran, Antidadah dan RELA, Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain pegawai dari Jabatan Penjara Malaysia dan juga Kementerian Dalam Negeri. Izinkan saya memberi taklimat ringkas. Maaf sahabat saya yang lama, saya tidak sebut, Yang Berusaha Dr. Nizam. Kita sudah lebih 20 tahun bersama-sama di Parlimen, Setiausaha Dewan Rakyat.

Izinkan saya untuk memberikan taklimat berhubung dengan COVID-19 di Jabatan Penjara Malaysia. Akibat kesesakan sebenarnya apa yang berlaku penularan COVID-19 ini berlaku di Jabatan Penjara Malaysia di sebabkan oleh kesesakan. Kalau dilihat pada tahun 2020, tahap kesesakan kita 19,000 melebihi kapasiti ataupun 36.64 peratus.

Jadi, kita mengambil usaha dari situ sehinggalah pada tahun ini kadar kesesakan kita hanyalah di sekitar— pada semalam hanyalah di sekitar 5.25 peratus iaitu 3,679 masih melebihi kapasiti. Hasil daripada kesesakan terutamanya pada tahun 2020 dan tahun 2021, Jabatan Penjara Malaysia berhadapan dengan COVID-19 menghadapi pelbagai tidak kurang daripada empat kluster iaitu Kluster Benteng di Penjara Tawau. Pada awal September apabila banduan daripada IPD Lahad Datu yang ujiannya positifnya tidak dimaklumkan kepada kita.

Jadi, bila masuk ke sel yang sesak di situ berlaku penularan dan terjadilah kita disiarkan Kluster Benteng Lahad Datu masa tersebut. Seterusnya sekali lagi Kluster Tembok pada 20 September di Penjara Alor Setar apabila berlaku kematian seorang sarjan penjara. Bawa ke hospital mayat itu dibuat ujian COVID-19 didapati positif. Sarjan penjara ini bertugas di bahagian penerimaan. Menerima kemasukan banduan-banduan baharu.

Kluster ini menular kepada Kluster Tembok di Kamunting. Walaupun kejadian kita *detect* pada 29 September, pada 27 September *earlier than that* sebelum sarjan itu dapati positif, satu orang banduan dari Kamunting yang dibicarakan di Alor Setar,

dibawa ke Alor Setar dan ditumpangkan di Penjara Alor Setar dan dibawa balik ke Kamunting.

Tidak ketinggalan juga Penjara Pulau Pinang juga Kluster Penjara Pulau Pinang berlaku di Penjara Reman, Pulau Pinang. Ini yang berlaku pada tahun 2020 iaitu lebih 10,000 orang banduan dan meningkat kepada 38,000 orang banduan pada tahun 2021 dan menurun semula pada tahun 2022 kepada 11,000 orang banduan dan pada tahun ini hanyalah 55 kes pada hari ini.

Sejak minggu lepas tidak ada lagi mana-mana kes yang melibatkan sama ada banduan, kakitangan atau pun keluarga kakitangan. Apa yang kita ambil ini keluarga kakitangan yang tinggal di kuarters. Ibu bapa dan sebagainya yang tinggal bersama *staff* di kuarters. Jadi, setelah seminggu kita tidak ada lagi kes-kes yang melibatkan ketiga-tiga kategori itu.

Jadi, sehingga tahun ini sejumlah 71,413 orang banduan, anggota dan juga keluarga telah dijangkiti COVID-19. Dari situ sebenarnya kita laksanakan 335,091 saringan. Malah, sehingga semalam hasil saringan terhadap kira-kira 50 orang banduan yang kita laksanakan berkeputusan negatif. Maknanya, saringan-saringan ini masih diteruskan sehingga kini.

Untuk ini kita dapati daripada penularan COVID-19 ini berlaku 157 kematian yang melibatkan 144 orang banduan, enam orang kakitangan dan tujuh keluarga. Daripada 335,000 saringan yang kita laksanakan didapati 71,413 orang banduan positif. Daripada pengurusan COVID-19 kita telah melaksanakan pelbagai langkah melibatkan pewujudan kalau PTP, PT dan PS. Pusat Transit Penerimaan (PTP) yang diwujudkan di semua penjara. PT itu ada empat buah penjara di jadikan sebagai Penjara Transit untuk penerimaan banduan-banduan baharu bagi tujuan saringan dan juga kuarantin sebelum dihantar ke penjara-penjara yang mana dinyatakan dalam waran penahanannya. Manakala PS adalah merujuk kepada 11 PLKN yang kita jadikan sebagai penjara untuk tujuan saringan banduan-banduan yang baru masuk juga.

■1540

Untuk makluman, kalau bagi penjara satelit, kita telah menerima kemasukan di situ hampir 200,000 orang— 180,000 orang lebih. Sejumlah kira-kira 11,500 orang kita kesan daripada banduan yang baru masuk itu didapati positif. Kita wajibkan kuarantin bagi banduan kemasukan baru sebelum dihantar ke blok-blok penempatan asal. Ujian saringan COVID-19 semasa kemasukan mesti dilaksanakan dengan kerjasama KKM iaitu melalui pejabat-pejabat kesihatan yang berdekatan. Tempoh kuarantin selama 14 hari bagi gejala positif dan penangguhan menghantar ke penjara

sehingga 30 hari di lokap polis. Ini kita laksanakan di bawah peruntukan Akta Penjara. Membolehkan— banduan masih boleh ditahan sementara sehingga 30 hari di lokap polis. Oleh sebab pada masa tersebut, kita memang *congestion*. Berlaku sangat-sangat- kesesakan yang berlaku dan bantuan, kerjasama diberikan oleh PDRM ini membantu mengurangkan kadar kemasukan yang tinggi ke penjara.

Berikut, kita laksanakan pembebasan banduan secara lesen (PBSL) dan juga perintah kehadiran wajib dipertingkatkan daripada menggunakan Ordinan Darurat semasa tersebut, kita tingkatkan daripada satu tahun kepada hukuman tiga tahun dan ke bawah. Bagi membolehkan lebih ramai banduan diberikan alternatif hukuman penjara dan tidak dimasukkan ke penjara. *Of course*, kita perlu melakukan penangguhan lawatan fizikal dan kita hanya benarkan secara maya iaitu secara *online*. Akan tetapi pada ketika ini, kita telah buka tetapi secara *online* pun kita masih buka lagi, terutamanya bagi keluarga banduan yang tidak berkemampuan, yang jauh. Kemudahan *handphone* secara *online* ini boleh digunakan untuk berhubung dengan banduan. Di samping perkhidmatan telefon berbayar yang diberikan.

Seorang Ahli: Kematian itu berlaku di penjara atau pun di hospital?

Tuan Supri bin Hashim: Di hospital.

Seorang Ahli: Di penjara atau pun di luar?

Tuan Supri bin Hashim: Semasa mereka menerima rawatan di hospital.

Seorang Ahli: Akan tetapi Jabatan Penjara menerima istilah bahawa walaupun kematian itu berlaku di hospital tetapi ia juga terletak di bawah pengawasan- *what was the term just now that they used? Still under custody.*

Tuan Supri bin Hashim: *Still under custody.* Kalau kita ada peruntukan itu menyatakan walau di mana banduan itu berada, dia masih lagi di bawah kawalan pegawai penjara. So, ini yang berlaku. Banyak kes-kes yang lain, walaupun penyakit lain, jantung, melibatkan darah, kanser dan sebagainya. Kebanyakan berlaku di hospital semasa banduan itu menerima rawatanlah. Oleh sebab dalam hal ini, apabila kita ada PKRC di penjara. Ini akan *handle stage one and two only*. Banduan yang positif tetapi berada di sini. *For stage three, four and five*, kalau ada, ini dikendalikan oleh hospital. So, *should be* yang selalu- Hasil semakan kita, banduan-banduan yang meninggal ini, majoritinya menghidap penyakit lain. Mempunyai masalah kesihatan lain, melibatkan darah, jantung dan sebagainya. Kejadian ini-tahun ini tidak ada tetapi *from last year*, tahun 2022, tahun 2021 *and* tahun 2020 berlaku di situ. *For this year*, yang disebabkan oleh COVID-19, tidak ada lagi.

Sebenarnya, kita ada *more than 45 procedures* yang melibatkan kawalan pencegahan COVID-19. Saya hanya sebutkan beberapa sahaja yang melibatkan kes- sebab semua ini sebenarnya Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara yang

melibatkan- kes 011 ini ialah prosedur pengurusan standard penjara sementara. Pada peringkat awal, banduan- ini banduan yang melanggar PKP dahulu, ditempatkan di sini. Ada 11 buah penjara yang diwartakan sebagai penjara sementara di bawah peruntukan seksyen 8, Akta Penjara.

Kedua, pengurusan- standard pusat kuarantin dan rawatan berisiko rendah iaitu COVID-19 atau pun PKRC yang berada di penjara. Sekejap lagi saya akan jelaskan sedikit sebanyak dan prosedur pengurusan standard penjara satelit, penjara sementara dan pusat transit penerimaan, ini yang wujud tadi PTP, PS dan juga penjara transit (PT). Terakhir ialah prosedur pengurusan standard kita ada bina. Itu untuk pengendalian fasa peralihan ke endemik. Walaupun belum diisytiharkan lagi, kita *prepare*. Ini pula penjara sementara di bawah peruntukan seksyen 8. Ada 11 buah penjara sementara diwujudkan. Pada ketika ini, aktiviti-aktiviti banduan lebih kepada rekreasi dan aktiviti keagamaan sahaja di dalam dengan mematuhi *social distancing*. Ini melibatkan- sebab mereka yang masuk ke sini rata-ratanya, semuanya adalah yang melanggar PKP, yang ditahan di penjara sementara. Apa-apa masalah mereka akan segera dirujuk kepada pegawai psikologi dan pegawai kebajikan tetapi semasa berada di sini, tidak ada lawatan dibenarkan. Semasa tersebut telah ada COVID-19 di situ. Tidak ada latihan kemahiran kecuali untuk kebersihan diri dan tempat tidur sahaja ditempatkan. Ini dewan-dewan penjara yang ada di luar pusat-pusat latihan diisytiharkan sebagai penjara sementara.

Manakala, pusat kuarantin dan rawatan COVID-19 berisiko rendah untuk COVID-19 *stage 1 and 2*, fasiliti untuk pengasingan, pemerhatian COVID-19 *stage 1 and 2*. Kawalan lebih bersistematik ini, zon merah dan zon hijau diwujudkan laluan keluar masuk yang berasingan. Pemakaian PPE bagi yang mengendalikan sepenuhnya banduan positif, termasuklah sebelum itu latihan-latihan diberikan. Ini kerana kita dapati tatacara pemakaian PPE kadang kala tersilap. Apabila sudah berpeluh dan sebagainya di dalam, apa yang dibuka adalah *gloves*. Pertama, yang kita dapati. Itu adalah berbahaya. Apabila *gloves* itu dibuka paling awal, yang lain-lain itu dipegang menggunakan— walaupun selepas itu mandi tetapi kemungkinan berlaku jangkitan itu telah ada.

Banduan yang menjaga pusat kuarantin ini dikhaskan dan ditempatkan tempat tinggalnya di dalam penjara. Di rumah-rumah rehat dan sebagainya. Tidak dibenarkan balik, malah hendak berkomunikasi dengan pegawai petugas di bahagian lain pun tidak dibenarkan. Sebelum balik, *of course* kita kena mandi dan dengan bantuan- ada anggota KKM di sini sekali. Doktor-doktor daripada KKM dan kita buat *disinfection* dua kali sehari. Begitu juga sisa klinikal dan pendobian, ditunjukkan beberapa *temperature* yang diperlukan untuk dobi pun kita perlu

patuhilah. *Of course*, yang itu pemakaian dan hendak buka— *donning and doffing* itu apabila hendak masuk kerja dan keluar kerja, dipatuhi.

■1550

Seterusnya ini melibatkan penjara satelit, penjara transit dan pusat transit penerimaan. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, untuk PS, lebih 182,000 telah di— sehingga semalamlah. Lebih 182,000 dan 11,454 telah kita kesan positif di situ. Dengan perwujudan penjara transit, pusat transit penerimaan, kapasiti penjara ditambah lagi sejumlah 11,784.

Kakitangan yang bertugas di tempat-tempat ini juga dibuat saringan terlebih dahulu untuk ke sana. Walaupun kecil tetapi ada yang positif sebelum dihantar ke sana. Kita tidak boleh benarkan ini berlaku.

Begitu juga pegawai, jika bergejala sahaja termasuklah suhunya melebihi *37.2 degree celcius*, kita sudah tidak benarkan masuk bertugas. *Of course* sebelum dia balik bertugas itu, memang keluar-keluar itu kena mandi. Terpaksa mandi sebelum balik ke berek-berek yang kita sediakan ataupun dewan-dewan yang kita sediakan untuk mereka.

Tempoh penempatan kuarantin ialah tujuh hari. Ini kalau yang tidak positif. Akan tetapi, dari tempat ini, *immediately* kalau positif, kita hantar ke hospital waima *in stage* satu, dua ataupun tiga.

Semasa diterima masuk, selain daripada saringan yang wajib dikenakan kepada banduan, mereka pun kita sediakan tempat-tempat mandi terlebih dahulu. Takut ada sisa-sisa— sebab, pengalaman kita menunjukkan apabila kita buat saringan, kita dapati yang datang, sebagai contoh, yang datang dari lokap-lokap tertentu positif dan kita akan *alert* pihak polis bahawa *they should take certain action*, dikhuatiri ada kejadian itu berlaku di lokap.

Seterusnya ke fasa endemik, fasa peralihan. Pada ketika ini masih memakai pelitup muka. Bagi yang mengawal kuarantin itu, perlu pakai PPE, apron dan pegawai terlibat di blok positif kena memakai *full PPE*. Masih lagi kita tempatkan. Pelawat, walaupun di penjara satelit— sebab penempatan di situ hanya tujuh hari, ia tidak dibenarkan lawatan. Selepas itu, baru dibenarkan lawatan oleh keluarga tetapi keluarga masih lagi kena buat *test* ujian COVID-19. Ujian RTK tiga hari sebelum lawatan dan pemakaian pelitup muka masih diteruskan.

Majlis-majlis, kita adakan secara minima dengan mematuhi SOP oleh KKM, manakala bagi banduan baharu masuk, tetap dilaksanakan saringan COVID-19. Pengasingan tetap kita lakukan mengikut kohort-kohort hari kemasukan dan tempoh kuarantin itu tujuh hari.

Sebelum mengakhiri, pelajaran yang kami terima untuk kami, apa yang kami dapati bahawa sistem fasiliti perkhidmatan kesihatan Jabatan Penjara Malaysia itu perlu di-*upgrade*-kan lagi. *Taskforce* di peringkat kebangsaan bagi kami di peringkat Jabatan Penjara diwujudkan. Malah kita wujudkan, kalau yang lepas itu, di peringkat negeri dan juga di peringkat kebangsaan. Kemungkinan *taskforce* ini juga boleh digunakan untuk penyakit-penyakit yang lain.

Dan keperluan kerjasama dengan KKM. Kebanyakan doktor yang bertugas di tempat tahanan ini tidak mempunyai kemahiran pengendalian memberikan rawatan dan sebagainya di tempat-tempat tahanan. Berbanding kalau di luar negara itu, satu peringkat yang lebih tinggi kepakaran, seolah-olah satu kepakaranlah, apabila mereka mempunyai kepakaran mengendalikan kesihatan di tempat tahanan dan perwujudan unit pengurusan khas bagi tempat tahanan.

Ini yang kami cadangkan sebenarnya untuk diri kami, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Itu sahaja taklimat ringkas daripada jabatan berhubung SOP yang telah digunapakai oleh Jabatan Penjara bagi mengurus, mencegah dan menangani masalah COVID-19 di Jabatan Penjara.

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Fasiliti kesihatan yang dicadangkan oleh jabatan ini, adakah khusus berkenaan dengan COVID-19 ataupun penyakit-penyakit yang agak *common* yang ada di kalangan banduan? Mana satu pandangan?

Tuan Supri bin Hashim: Ia melibatkan semua penyakit berjangkit termasuklah penyakit berjangkit yang lain.

Tuan Pengerusi: Penyakit berjangkit secara keseluruhan?

Tuan Supri bin Hashim: Ya, dan juga penyakit-penyakit lainlah.

Tuan Pengerusi: Tibi dan sebagainya inilah?

Tuan Supri bin Hashim: Yes. *Supposed to be*, kalau di penjara, salah satu ujian yang kita buat adalah simptomatik TB.

Tuan Pengerusi: TB?

Tuan Supri bin Hashim: Jadi, jumlah yang masuk itu ramai. Apabila membawa ke hospital untuk diperlukan satu lagi x-ray, sebagai contoh, *maybe* kemudahan-kemudahan *mobile x-ray* dan sebagainya perlu ada untuk mengesan *result*-nya. Di penjara tiada. Saya ada doktor di sini. Mungkin Dr. Hanis bersama saya boleh *explain* lebih lanjutlah. Sebab, kita hendak...

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Dr. Hanis Syazwana binti Sharaidin [Pegawai Perubatan, Jabatan Penjara Malaysia]: Okey, saya respons sedikit, Tuan Pengerusi. Untuk kemudahan fasiliti di penjara, kami tiada, satu, macam Tuan Supri katakan tadi, kami tiada x-ray

dan kita tidak ada *lab test*-lah. So, ini sangat membantu sebenarnya *especially* apabila banyak penularan kes tibi di penjara dan kami telah suarakan kepada pihak KKM. Cuma, kekangan daripada segi kewangan untuk menyediakan fasiliti x-ray sebab kita tahu di penjara, jika banduan dibawa keluar, memerlukan anggota pengiringan. Then, kalau kita lambat *detect*, akan menyebabkan penularan yang lebih besar di penjara disebabkan persekitaran dan *overcrowding* itu tadilah. So, sekiranya kita ada kemudahan x-ray, kita ada kemudahan *lab test*, ini sangat membantulah.

Untuk *lab test* pula, *especially* apabila kita tengok kematian di penjara, banyak disebabkan oleh *infection* iaitu jangkitan kumanlah. Jangkitan kuman ini boleh berlaku dari banyak bentuklah, dari segi jangkitan kuman paru-parulah *especially* di penjara. Kalau kita boleh buat *test* awal daripada segi, maksud saya di sini *test* darah, kita dapat mengesan jangkitan, kita dapat memberikan rawatan awal dan kita boleh mencegah kematianlah.

Tuan Pengerusi: *I see.*

Dr. Hanis Syazwana binti Sharaidin: Itu yang harapan kamilah untuk kita tambah baik fasiliti di penjara.

Tuan Pengerusi: Fasiliti untuk penyakit berjangkit secara keseluruhanlah.

Dr. Hanis Syazwana binti Sharaidin: Ya.

Tuan Pengerusi: *Early detection.*

Tuan Supri bin Hashim: Tuan Pengerusi, malah kita sedang melaksanakan pindaan Akta Penjara dengan memasukkan beberapa perjawatan baharu yang melibatkan *medical*. Antaranya juru x-ray, *dietician* dan sebagainya. Untuk pertimbangan, kita telah kemukakan kepada KKM berhubung perkara ini, cadangan kita. Sebab, ia melibatkan sejumlah kewangan juga apabila perjawatan baharu diwujudkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, *anything? Okay, all right.* Terima kasih kepada Tuan Supri atas taklimat yang diberikan. Mungkin sebelum kita ada sedikit sebanyak Q&A kah apa, kita teruskan kepada taklimat yang seterusnya berkenaan dengan layanan terhadap banduan. Dijemput.

TKP Meor Azizi Sapawi bin Ahmad Sepuan [Timbalan Pengarah (Seksyen Pemulihan & Pendidikan), Jabatan Penjara Malaysia]: Okey. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Yang Berhormat Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad, Ahli Parlimen Simpang Renggam; Yang Berhormat Tuan Khoo Poay Tiong, Ahli Parlimen Kota Melaka, Yang Berhormat Puan Isnaraissah Munirah, Ahli Parlimen Kota Belud, Yang Berusaha Setiausaha Parlimen, Yang Berusaha SUB PDR KDN, Yang Berusaha

Pengarah Kanan Dasar, Jabatan Penjara dan— saya jemput juga pengarah-pengarah institusi juga, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dari penjara-penjara yang lamalah, kita katakan, penjara-penjara yang telah lama beroperasi dan juga saya akan jelaskan dalam kondisi layanan terhadap banduan ini dan juga masalah-masalah yang dihadapi— dan juga semua ahli-ahli mesyuarat.

■1600

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Mesyuarat, ini adalah merujuk kepada Yang Berusaha Tuan Supri bin Hashim maklumkan tadi tentang kesesakanlah. Ini adalah lokaliti penjara semasa termasuk dengan pusat transit penerimaan dan juga pusat transit. Jadi, kalau yang kod merah itulah yang kalau kita *highlight*-kan Yang Berhormat berhubung dengan kesesakan yang mana sekarang ini terdapat lebih kurang 12 buah penjara yang sesak. Juga melibatkan penjara-penjara yang lama dan juga penjara-penjara yang baharu. Kalau kita tengok di Melaka itulah penjara yang baharu tetapi *still* masih terdapat kesesakan.

Jumlah semasa banduan sekarang ini di Jabatan Penjara Malaysia di penjara-penjara adalah sejumlah 73,831 orang berbanding kapasiti. Maknanya muatan yang sepatutnya di penjara ini adalah 70,116 orang sahaja. Jadi, inilah perbezaan jumlah yang terdapat yang mana berlakunya kesesakan yang dihadapi kini di Jabatan Penjara Malaysia. Jadi, maklumat ini pun kita sudah salurkan juga kepada Yang Berhormat Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh juga dan ada beberapa siri lawatan yang telah dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum ini saya juga Pengarah di Penjara Sungai Buloh yang memang salah satunya sesaklah, memang kalau kita lihat walaupun ia ada wujudkan Pusat Transit Penerimaan (PTP) bagi COVID-19 tersebut dan ada penjara satelit, jadi jumlahnya memang orang kata menghadapi masalah kesesakan disebabkan ia merupakan salah satunya penjara reman yang terbesar di Jabatan Penjara Malaysia.

Jadi, ini adalah visi dan misi Jabatan Penjara Malaysia dan saya hendak *highlight*-kan berhubung dengan salah satu teras utama dan elemen utama di Jabatan Penjara Malaysia iaitu berhubung dalam kita menjayakan visi sebagai peneraju perkhidmatan korektif serta membentuk insan produktif melalui pemulihan yang efektif. Persekitaran yang kondusif dan pengintegrasian strategik. Jadi, kita memang memberikan fokus terhadap memastikan setiap banduan, penghuni, tahanan diberikan layanan yang berdasarkan undang-undang dan peraturan.

Jadi, ini adalah teras di bawah Dasar Pengurusan Banduan. Ia ada empat kesemuanya tetapi saya hanya *highlight*-kan yang mana berhubung dengan teras

rawatan dan layanan di mana merupakan teras yang pertama bagi Bahagian Pengurusan Banduan dan ianya kita pantau di setiap institusi-institusi penjara dalam pelaksanaan pengurusan banduan. Jadi, ini adalah merupakan teras yang mana kalau dilihat dua teras utama di bawah rawatan dan layanan iaitu yang pertamanya adalah bagi memastikan penghuni penjara menerima rawatan kesihatan yang selayaknya.

Jadi, dalam strategi tersebut adalah:

- (i) menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti selaras dengan perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (ii) memperkukuhkan aktiviti pencegahan dan penularan penyakit berjangkit bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selamat sebagaimana disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (iii) merancang keperluan program latihan yang berterusan kepada anggota kesihatan dan pegawai-pegawai penjara dalam bidang kesihatan; dan
- (iv) memperkukuhkan kerjasama bersepadu dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam aspek penjagaan kesihatan melalui konsep perkongsian yang bijak.

Jadi, kita mengharapkan impaknya tahap kesihatan yang berkualiti dapat kita sediakan kepada semua banduan, tahanan dan penghuni. Teras kedua adalah mengukuhkan aspek layanan kepada penghuni berlandaskan undang-undang dan peraturan. Jadi, dalam kita mendalami teras tersebut, strategi yang telah dijalankan oleh Jabatan Penjara Malaysia adalah:

- (i) memperkukuhkan layanan berperikemanusiaan berlandaskan peraturan dan standard antarabangsa;
 - (ii) menubuhkan pasukan khas bagi menyediakan laporan pelaksanaan pematuhan dengan menyasarkan 100 peratus mematuhi piawaian;
 - (iii) memperkasakan perancangan dan perolehan keperluan asas banduan dengan memperluas program *self-sufficient*. Jadi, setiap banduan ini ia ada keperluan asas untuk makluman Yang Berhormat dan setiap orang yang masuk dan diterima kita ada sediakan keperluan-keperluan yang perlu untuk mereka terima semasa mereka ditempatkan di dalam penjara;
-

- (iv) memperteguhkan aspek layanan berperikemanusiaan tanpa diskriminasi berdasarkan peraturan;
- (v) memperteguhkan aktiviti-aktiviti kebajikan bagi penghuni; dan
- (vi) mewujudkan program khusus jalinan hubungan kekeluargaan banduan kerana ia memberikan sokongan kepada mereka apabila mereka menjalani hukuman di dalam penjara.

Jadi, impaknya kita mengharapkan agar layanan yang diberikan oleh staf dan kakitangan adalah layanan yang berperikemanusiaan mengikut standard yang telah ditetapkan oleh peraturan dan standard antarabangsa. Jadi, teras yang mana saya lebih menyentuh kepada layanan yang selayaknya iaitu layanan yang mana mengikut kepada Akta Penjara, Peraturan-peraturan Penjara dan juga Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara Bilangan F02038 iaitu prosedur pengurusan layanan ke atas banduan, tahanan dan penghuni di Jabatan Penjara Malaysia.

Jadi, perintah tetap ini kita sebenarnya Yang Berhormat seiring dengan standard dan juga peraturan antarabangsa yang kita gunakan dalam layanan ke atas banduan dan juga penghuni di Jabatan Penjara Malaysia.

Tuan Supri bin Hashim: Masuk sedikit. Semua pegawai penjara juga telah mengikuti latihan *United Nations Standard Minimum Rules* (UNSMR) yang terkini iaitu melibatkan *The Nelson Mandela Rules* di mana di peringkat antarabangsa semua kakitangan penjara telah mengikutinya.

Tuan Pengerusi: Penerimaan sepenuhnya *The Nelson Mandela Rules*?

Tuan Supri bin Hashim: Ya. Ia mengikuti latihan itu secara –dan kita ada kerjasama dengan pihak luar negara bagi membolehkan pegawai penjara kita ini memahami, dialihbahasakan *The Nelson Mandela Rules* itu kepada Bahasa Malaysia.

TKP Meor Azizi Sapawi bin Ahmad Sepuan: Untuk lebih lanjut, berhubung dengan prosedur pengurusan layanan ke atas banduan di mana yang saya nyatakan tadi terdapat di Jabatan Penjara Malaysia. Kita mematuhi kod etika amalan baik sebagaimana digariskan dalam *United Nations Standard Minimum Rules for the Treatment of Prisoners* iaitu di bawah *The Nelson Mandela Rules*. Kemudian, *The Nelson Mandela Rules* ini juga bersifat meningkat daripada segi undang-undang namun peraturan dan norma yang ditetapkan kita ikuti.

Akhir sekali, prosedur operasi yang standard dibentuk dengan ,mengambil kira syor dalam *The Nelson Mandela Rules* selaras dengan perundangan sedia ada. Jadi, di situlah mengapa latihan kita lebih menjurus kepada *United Nations Standard*

Minimum Rules di bawah *The Nelson Mandela Rules*. Prinsip asas layanan di bawah UNSMR yang digariskan iaitu:

- (i) maruah diri dan nilai kemanusiaan;
- (ii) tiada diskriminasi;
- (iii) amalan beragama dan budaya;
- (iv) penahanan yang selamat;
- (v) hak asasi perlu dipenuhi;
- (vi) hak mendapat pendidikan dan kemahiran;
- (vii) menghapuskan pengasingan sebagai hukuman;
- (viii) peluang bekerja dan wang simpanan;
- (ix) keperluan kesihatan diberikan;
- (x) penglibatan masyarakat; dan
- (xi) prinsip dilaksanakan secara adil dan saksama.

Ini antara standard antarabangsa yang ditetapkan dalam prinsip asas layanan. Jadi di situ di bawah Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara, prosedur pengurusan yang kami telah laksanakan iaitu yang pertama tentang kemasukan ke penjara. Di mana urusan penempatan ada dalam peraturan yang kita tetapkan di mana diikuti oleh semua kakitangan. Kemudian, pendaftaran di mana maklumat-maklumat banduan tersebut kita daftar dan kita isikan dalam sistem. Kemudian, akses kepada perkhidmatan kebajikan dan pengurusan harta benda di mana harta benda banduan ini direkodkan, disimpan dan dikendalikan dengan baik serta diserahkan dalam keadaan cukup dan baik semasa mereka dibebaskan.

Kelima, pemeriksaan kesihatan. Di mana pemeriksaan kesihatan ini dilakukan oleh pegawai perubatan atau anggota kesihatan seberapa segera pada hari diterima Yang Berhormat untuk mendapatkan status kesihatan banduan. Banduan juga diperiksa daripada aspek psikologi bagi membolehkan rawatan awal dilakukan jika perlu.

Akhir sekali, kerahsiaan maklumat. Jadi, semua maklumat banduan ini adalah sulit dan maklumat tersebut tidak boleh disebar, dikongsi dan diberikan kepada pihak lain. Seterusnya, berkaitan dengan pengelasan banduan. Jadi, di situ juga ada di dalam peraturan kami yang mana ditetapkan tentang pengasingan penempatan. Iaitu banduan akan diasingkan mengikut pengelasan yang ditetapkan bagi melindungi serta membantu mereka untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran penjara.

Jadi, pengelasan ini termasuklah jantina, umur, fizikal, tahap kesihatan, kanak-kanak serta dewasa serta lain-lain pengasingan mengikut kesesuaian yang difikirkan perlu.

■1610

Kedua, berhubung pengkategorian banduan di mana banduan ini akan dikategorikan mengikut jenis kesalahan, tahap risiko keselamatan dan ancaman yang boleh memudaratkan banduan lain, kakitangan dan juga persekitaran. Juga ketiga, berhubung banduan keperluan khas di mana banduan dalam kategori ini akan diperlakukan sesuai dengan keperluan khas daripada segi fizikal, mental atau pun apa-apa juga kekurangan bagi membantu mereka semasa mereka menjalani hukuman bagi mengelakkan dari berlakunya diskriminasi di dalam penjara.

Tuan Khoo Poay Tiong: Ini termasuk yang OKU?

TKP Meor Azizi Sapawi bin Ahmad Sepuan: Ya, ya, Yang Berhormat.

Tuan Khoo Poay Tiong: Ini termasuk OKU lah?

TKP Meor Azizi Sapawi bin Ahmad Sepuan: Ya betul.

Tuan Supri bin Hashim: Masuk OKU kita ada seksyen 34 di mana pengkategorian— merujuk kepada pengkategorian berasaskan latar belakang yang berbeza dan kuasa itu diberikan kepada Komisioner Jeneral Penjara bagi kepentingan latihan dan pemulihan banduan yang terlibat.

Tuan Khoo Poay Tiong: Banduan OKU ini mereka akan tinggal sama dengan banduan yang normal yang lain.

Tuan Supri bin Hashim: *Most probably* berdasarkan tahap OKU mereka. Kebanyakan OKU ini ditempatkan di hospital bagi tujuan— kita kata klinik *sickbay* di situ diwujudkan di setiap penjara dengan ada kemudahan kesihatan, pergerakan dan sebagainya boleh dibuat dari situ dengan lebih senang. Kita faham ada OKU yang mungkin tak ada ibu jari sahaja yang diisytiharkan sebagai OKU, mungkin di tempat lain. Akan tetapi ada yang serius apabila berlaku pergerakan itu memerlukan bantuan peralatan seperti kerusi roda dan sebagainya. *Most number* ini akan ditempatkan di *sickbay* di rumah sakit penjara.

TKP Meor Azizi Sapawi bin Ahmad Sepuan: Okey seterusnya...

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Just out of* apa nama *visuality*— *just* minta kita *visualize* ya. Berapa ramai sebenarnya dalam penjara kita setakat ini adalah dalam kalangan OKU banduan? Ada tak angka itu? *It's* okey kalau tak ada. *Just the matter for the committee just visualizes* berapa ramai.

Tuan Supri bin Hashim: *Serious less than 100.*

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Less than 100.*

Tuan Supri bin Hashim: Seluruh negara. Apabila kita tahu yang ini—kadang-kala apabila kita buat pelepasan banduan secara lesen di situ wujud OKU yang kekal, ada yang tak boleh tak layak untuk bekerja, majikan tak terima dan sebagainya. Ini kerana sifat OKU dia itu dan kita *make sure* setiap mereka ini yang OKU ini didaftarkan supaya apabila keluar itu bantuan bulanan boleh diterima oleh mereka.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Dia bukan apa Tuan Supri. Kita ini hendak cuba mengimbangkan. Ada pendapat bahawa bantuan ke atas OKU ini terpaksa dihulurkan oleh kalangan banduan itu sendiri oleh kerana kekurangan kakitangan penjara dan sebagainya. Itu menimbulkan persoalan bila banduan itu sendiri yang terpaksa menolong menguruskan. Kita hendak tahu sama ada mungkin kes ini adalah terpencil. Bukanlah boleh di-*generalize*-kan sebagai keadaan di penjara. Jadi, kalau *less than 100 as compared to* 50,000 lebih banduan.

Begitu juga dalam kes kalau kita hendak tengok daripada segi banduan yang dalam kategori penyalahgunaan dadah sebagai contoh yang merupakan peratus yang tinggi, lebih 60 peratus penjara. Mungkin itu juga bagaimana pengurusan dan juga pengendalian mereka ini. Okey, TKP Meor Azizi sila.

TKP Meor Azizi Sapawi bin Ahmad Sepuan: Pengalaman saya Yang Berhormat macam di Simpang Renggam tahanan kan dia memang akan ditahan selama dua tahun kan. Jadi apa yang kita lihat, kita berhubung dengan pihak KDN untuk berbincang sejauh mana mereka ini boleh dibebaskan awal. Sebab dalam masa dua tahun itu kita terpaksa menjaga dia di hospital, terpaksa kawan-kawan dia menjaga contohnya. Jadi, kita gunakan saluran perundanganlah untuk—memanglah KK dadahlah terutamanya kalau macam LPK di Simpang Renggam sekarang ini Yang Berhormat, memang ke semua di seluruh Malaysia di tempatkan di sana.

Jadi, memang isu itu maknanya kita kena lihat jugalah untuk membantu mengurangkan masalah yang dihadapi oleh jabatan jugalah. Daripada segi pengurusanlah sebab itu minta daripada segi perundangan mereka diawalkanlah dibebaskan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Macam mana setakat ini?

TKP Meor Azizi Sapawi bin Ahmad Sepuan: Ya, setakat ini kita sudah bawa ke peringkat kementerian dan dalam perancanganlah untuk mempercepatkanlah. Mungkin kalau dalam dua tahun itu selepas dia berjumpa lembaga, dia boleh maknanya dilepaskan tiga bulan atau enam bulan. Maknanya tak sampai dua tahunlah, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Baik.

TKP Meor Azizi Sapawi bin Ahmad Sepuan: Okey seterusnya Yang Berhormat, saya sambung.

Tuan Khoo Poay Tiong: Jadi, siapa yang akan menentukan banduan yang OKU itu diasingkan atau pun tinggal dengan banduan yang lain.

TKP Meor Azizi Sapawi bin Ahmad Sepuan: Yang Berhormat, sebab kita terima pada hari kejadian itu dia akan diperiksa terus oleh pegawai perubatan atau pun pegawai *medical* yang bertugas. Sebab sesetengah penjara itu dia ada dua syif. Kalau doktor perubatan tak ada dia ada MO yang kananlah yang bertugas masa itu.

Berhubung dengan keperluan asas yang juga diletakkan di dalam Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara itu juga merujuk kepada setiap banduan hendaklah dibekalkan keperluan asas yang lengkap dan mencukupi sepanjang tempoh menjalani hukuman secara berkala atau diganti apabila usang, lusuh atau rosak. Jadi keperluan asas ini adalah seperti yang akan disediakan penginapan, kemudahan tandas, akses kepada air minuman yang bersih, kemudahan rawatan dan akses kepada undang-undang dan lain-lain kemudahan yang dinyatakan dalam akta dan peraturan.

Kemudian berhubung skala diet makanan iaitu setiap banduan akan diberikan makanan dan minuman berdasarkan skala diet yang mana ditetapkan di dalam Akta Penjara dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Jadi, sebarang penambahan atau perubahan diet dan makanan mestilah mendapat terlebih dahulu pengecualian daripada pegawai perubatan. Kemudian daripada segi ruang dan pencahayaan, jadi seboleh mungkin setiap ruangan sel dan blok penempatan diberikan pengudaraan, cahaya dan ruang lantai yang bersesuaian.

Akhir sekali, keperluan anak banduan. Jadi, peruntukan ini perlu dibuat bagi penjagaan pra dan selepas bersalin dan kemudahan penjagaan kanak-kanak dan peralatan penjagaan kesihatan untuk kanak-kanak. Jadi sebenarnya Yang Berhormat dalam peraturan kami, dia sehingga umur tiga tahun tetapi sekiranya tidak ada siapa untuk ini, kita boleh— dia boleh memohonlah untuk tambahan setahun lagi. Untuk selepas itu diserahkan kepada keluarganya yang terdekat, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Ada yang berpendapat bahawa antara perkara yang begitu ketara di penjara ini ialah *living condition* yang menjadi persoalan yang mengatakan ruang pencahayaan yang amat tidak mencukupi piawaian, yang merasakan bahawa memang kemudahan-kemudahan secara umumnya memang amat berkurangan termasuk tilam dan sebagainya. Jadi, adakah itu satu juga keadaan yang terpencil ke atau pun adakah berpunca daripada kesesakan di penjara atau pun macam mana?

Tuan Supri bin Hashim: Yang Berhormat Datuk, keadaan ini berlaku terutamanya kepada di situasi itu untuk penjara-penjara lama terutamanya *pre-war*. Sebagai contoh Pulau Pinang, Taiping, Alor Setar, Seremban, Kelantan antaranya Muar yang mana penjara-penjara ini dibina...

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Pre-war* dulu.

Tuan Supri bin Hashim: ...*Pre-war*, dia lebih awal. Malah kita dapati kita terpaksa pada ketika ini mengurangkan kapasiti penjara itu. Sebagai contoh, Penjara Reman Pulau Pinang kita pindahkan ke Penjara Seberang Prai sebahagian daripada reman yang melibatkan di sebelah Prai dan sebagainya. Kita tinggalkan sahaja yang kes di George Town bagi membolehkan ruangan itu makna pergerakan banduan, pencahayaan itu dan sebagainya diperolehi sepenuhnya.

Kalau yang lepas memang kita akui terutamanya penjara lama sebegini kadar pencahayaannya dan pengudaraannya sememangnya kita berhadapan dengan dahulu adalah semata-mata menjalani hukuman keadaan itu. Sedangkan sekarang cerita hendak membina mereka menjadikan penjara itu sebagai pusat pembangunan peradaban budaya kemanusiaan dan bukan semata-mata menjatuhkan hukuman.

■1620

Keadaan ini kita *improve*-kan dari semasa ke semasa tetapi apabila melibatkan penjara lama itu agak terhad apa yang kita boleh laksanakan kerana kita sudah *suggest* beberapa melalui cadangan malah SUHAKAM mengesyorkan perkara yang sama pembinaan tandas dan sebagainya. Akan tetapi bangunan ini seolah-olah sudah *expired* untuk dibuat ubah suai.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Betul, betul.

Tuan Supri bin Hashim: Jadi, bila *once had, I believe* Yang Berhormat Datuk lebih mempunyai kepakaran tersebut melibatkan penjara-penjara yang lama ini.

Tuan Khoo Poay Tiong: Tuan, akan tetapi ada yang bangkit kata berus gigi pun tidak cukup, sabun tidak ada, lepaskan najis dekat tong, *bucket* itu. Masih lagi berlaku satu *bucket* enam atau tujuh orang kongsi. Jadi, itu boleh— apa masalah yang dihadapi oleh penjara? Pertama, sama ada kenyataan itu betul atau tidak dan kedua jika ya, bagaimana kita sebagai Ahli Parlimen boleh bantu jabatan untuk...

Tuan Supri bin Hashim: Okey. Penggunaan *bucket* untuk melibatkan penjara *pre-war* ini yang saya sebutkan atau namakan tadi itu adalah benar. Kita ada *suggestion* melalui Rancangan Malaysia adalah penggantian kepada penjara-penjara berkenaan. Apabila *structurally* hendak dibuat ubahsuai sudah tidak boleh tetapi kita bina yang baharu. Sebagai contoh untuk Pulau Pinang menggunakan tapak yang sama, kita bangunkan penjara yang baharu di situ.

Taiping kita syorkan bahawa keluasan tanah yang ada di Kemunting itu boleh dibuat pembinaan di Kemunting menggunakan konsep kompleks penjara bagi negeri Perak. *The whole thing there*, perumahan ada yang sesuai termasuklah penjara. Manakala, Penjara Taiping kita hendak syorkan dijadikan muzium penjara untuk dilawati apatah lagi di depan Penjara Taiping itu ada Muzium Negeri Perak di situ dan yang selalu berkolaborasi dengan Jabatan Penjara.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *It's a double jeopardize* sebenarnya pada jabatan ini bila bangunan itu dijadikan *heritage*, *declared as heritage*. Apabila sudah *declare heritage* tidak boleh buat apa lah. Malah *actually bucket* itu sebagai salah satu ciri tetapi pihak NGO yang lain kompelin lah pula. Padahal sudah isytihar *heritage* tetapi tidak hendak ada *bucket* Dr. Nizam. *Bucket* itu *is a heritage* lah kan? Tidak bolehlah salahkan penjara. Wah, itu macamlah kita ini.

Tuan Supri bin Hashim: *Hopefully* bagi keadaan ini kita mendapat sokongan daripada pihak Ahli Yang Berhormat semua agar penggantian terutamanya *since* kita sudah tidak boleh roboh bahagian semua...

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Bajet 2023 untuk pembangunan.

Tuan Supri bin Hashim: Kita bagi keutamaan kepada— tidak boleh buat serentak untuk empat buah penjara sahaja. Kita empat buah penjara melibatkan Pulau Pinang, Taiping, Pengkalan Chepa dan satu lagi kalau tidak silap Alor Setar.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Saya ingin bertanya. Contoh sekarang ini kalau ada *planning* untuk buat penjara baharu begitu kan. So, daripada segi *design* sebab ruang dan pencahayaan sebab ini pun saya rasa antara topik yang orang kompelin lah lebih kurang. So, Jabatan Penjara pun terlibat sama untuk maksudnya sebab bagi input dan sebagainya sebab saya dulu-dulu saya pernah *design* juga penjara ini sebenarnya.

Saya pernah ada *experience* untuk *design*. Akan tetapi bukan penjara, lokap di IPD Lahad Datu. Akan tetapi salah satu benda yang saya *encounter* adalah saya tidak tahu ia untuk tahanan apa? Ia macam untuk khas, langsung tidak ada jendela, tidak ada tingkap tetapi hanya ada satu kipas sahaja macam itu dan ia memang muat untuk satu orang. So, *I don't know* itu untuk apa lah.

Tuan Supri bin Hashim: Kita akui konsep penjara, pembinaan sesebuah penjara bergantung kepada kita bahagikan kepada beberapa tahap keselamatan, maksimum, medium dan minimum. Kesemua ini perlu mematuhi sebenarnya sebelum seseorang banduan ditempatkan di dalam bilik ataupun sel ataupun dormitori berkenaan, dia perlu melalui pemeriksaan oleh pegawai perubatan dan disahkan *fit* untuk diduduki, berapa jumlah yang sesuai yang duduk di dalam bilik-bilik berkenaan, barulah penjara itu boleh diduduki, baru kita boleh beroperasi.

Akan tetapi itu saya jelaskan yang lepas yang melibatkan itu memang terlalu jauh dengan tahap ini, pengudaraannya kurang dan sebagainya. Kebanyakan penjara yang kita bina sekarang ini sebagai contoh yang ada di sini sebenarnya *must be* agak terbukalah Yang Berhormat. Perlu terbuka dan terutamanya kalau berada dalam ini, bukan semata-mata banduan yang terseksa atau tertekan, pegawai penjara juga.

Kalau kerja macam saya sudah kerja hampir 35 tahun, bermaksud satu pertiga, lebih kurang satu pertiga daripada saya bekerja juga, saya dipenjarakan. Jadi, samalah keadaan macam ini. *Same thing*. Sehingga SUHAKAM pergi apabila terlalu tumpuan diberikan kepada banduan, saya cakap *why not you* ada tengok tidak stress, risiko, kesihatan dan sebagainya juga terkesan kepada anggota yang bertugas.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Yang Berhormat, *when you design, what about— what is that ICRC? Guideline. It's that part of your consideration?*

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Sebab saya *electrical engineer*.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Ah, bukan *architecture* punya itulah.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: So, benda itu sudah ada di situ dan *we only design on mechanical and electrical parts*. Cuma...

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *It's that ICRC punya so called guideline* ataupun dia punya standard itu *it's it part of the design consideration?*

Tuan Supri bin Hashim: Kalau ICRC memang datang juga kepada kita, dia buat pemeriksaan. Akan tetapi daripada segi *design* itu memang mereka akui beberapa *old prison* itu *statement* secara *general* sahaja. Apa yang boleh dilakukan dengan keadaan yang sedia ada macam itu adalah dengan cara mengurangkan jumlah banduan yang ada di situ *at least a sharing* yang berlaku dan sebagainya, ruangan itu kalau untuk seorang biarlah seorang bukan untuk lapan orang dan sebagainya yang akan menimbulkan keadaan yang lebih seriuslah kepada kesihatan mental dan juga kesihatan fizikal seseorang banduan.

Tuan Khoo Poay Tiong: Bilakah tarikh terakhir kapasiti di— ada penjara baharu yang dibina ataupun ada penambahan sel-sel? Sejak lima tahun yang lepas inilah. Ada?

Tuan Supri bin Hashim: Itu kita dapat tadi daripada— kita ada Program Reintegrasi Penghuni di PLKN, ada enam PLKN dijadikan sebagai pusat PRP dengan kapasiti setiap satu 480 orang. Jadi, ini membantu ditambah penggunaan

penjara satelit sebagai sebuah— PLKN sebagai penjara satelit iaitu ada 11 orang, kira-kira 4,500 kapasiti itu ditambah.

Kita dalam *our target* adalah bukan pembinaan penjara baharu, walaupun yang hampir siap pada ketika ini adalah Penjara Lahad Datu dengan kapasiti 1,500 yang ada di situ akan siap. Itu pun memang menggantikan itu dan penjara baharu yang kemudian yang telah diluluskan sebenarnya menggantikan Penjara Sibul, sebuah lagi akan diwujudkan.

■1630

Oleh sebab Penjara Sibul lama itu terletak di tanah rendah. Apabila berlaku musim banjir atau musim tengkujuh, setiap penjara itu banjir. Berada di bawah dan saya memang pernah berada di situ semasa banjir. Boleh kata dua hingga tiga kaki juga air, air pasang ataupun air apabila hujan dan air di hulu. Air pasang dan sebagainya ia terkena di situ. *That's why* kita akan pindahkan ke penjara baharu dengan fasiliti— sebab kapasiti tadi mengambil kira fasiliti kemudahan latihan dan pembelajaran untuk banduan. Kita lengkapkan lagi. Kalau pergi sekarang kemungkinan bolehlah *select committee* pergi ke Sibul untuk melihat situasi penjara lama itu. Memang tidak begitu kondusif untuk penahanan dan juga latihan kemahiran untuk penghuni.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Tuan, kalau saya boleh— maksudnya, daripada segi pencahayaan ini kan. Pada saya, contoh ia sangat berbeza berbanding pencahayaan daripada segi yang betul-betul datang daripada tingkap, cahaya matahari *compare* dengan lampu. Oleh sebab saya ingat dahulu waktu kita *design*, ia sampai apabila kita letak kipas kan kita kena fikir sama ada jangan biar banduan itu dia buat ada ruang untuk gantung diri. Akan tetapi, sangat beza. Jadi, sebab ia betul-betul macam kalau tanpa tingkap atau tanpa jendela ini ia sangat *torturing* lah pada saya. So, daripada segi macam *costing* pun saya rasa lagi bagus pakai *nature light* begitu berbanding— ini satu.

Kedua juga, kalaulah ini— saya *just* letak idea ini supaya di masa akan datang kalau Jabatan Penjara Malaysia dibawa sekali, *of course*, untuk berbincang tentang apabila kita *design* penjara dan mahu ada penjara baharu. Saya rasa satu juga perkara yang perlu kita letak sebagai isu utama adalah *climate change*. Oleh sebab sekarang— dahulu kita kira berapa banyak *air* sebab ia dalam sebuah bilik yang untuk satu orang ia macam cawangan khas kah kalau tidak silap saya, Tuan Pengerusi? Jadi, bilik tidak ada tingkap. Selepas itu, ada sebuah kipas yang ia kira berapa *value* udara boleh masuk tetapi juga sekarang ini sebab *climate change* dan sukar untuk kita *predict weather* sekarang lebih panas daripada yang mungkin lima

hingga enam tahun dahulu. Saya rasa ini satu perkara yang kita perlu masuk dalam— bila kita ini. *Sorry*, terkeluar bab *engineering* sedikit.

Tuan Supri bin Hashim: Betul. Contoh semua ini boleh dilihat di Penjara Seberang Prai dan Penjara Sungai Udang yang baharu. Ia agak *open* dan apabila kita masuk kawasan penjara itu ia tidak berbau manusia yang terkurung. *I think*, Yang Berhormat Datuk Seri *should understand*. Kalau kita masuk penjara-penjara lama, kita akan berbau bau manusia dan uniform kita pun *everyday* kita kena cuci.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: *Alright*. Apakah ulasan atau pandangan pihak jabatan berkenaan teguran ataupun cabaran penjara yang berhampiran dengan kawasan penempatan? Kalau dilihat daripada segi *buffer zone*, ancaman daripada segi keselamatan banduan dan sebagainya. *What are the issues yang you face and what solutions have you come out with?*

Tuan Supri bin Hashim: *Normally* apabila membina— selalunya Yang Berhormat, kita bina Penjara Kajang, kita dahulu meneroka kawasan itu. Kita bina penjara di Sungai Buloh, kita dahulu meneroka kawasan itu. Sekarang ini, kawasan itu dikelilingi bukan sahaja kependudukan yang tinggi dengan taman dan sebagainya. Begitu juga di Kajang sehingga ada tuntutan pihak di luar mohon agar penjara itu dapat dikeluarkan daripada situlah. Di Kajang.

Akan tetapi, masalahnya apabila cadangan dikemukakan oleh pihak tertentu, spesifikasi ataupun penggantian yang hendak dibuat itu tidak ada. Tanah yang sesuai dengan lokasi tertentu dengan mahkamah, hospital dan kemudahan-kemudahan *support* untuk penjara itu tidak ada. Memang ada perancangan dan di Sungai Buloh, *amazing*. Bukannya kita kemudian, kita lebih dahulu duduk di situ. Saya sendiri ada di sana. Sekarang ini seolah-olah cendawan. Rumah-rumah dan taman-taman dibina selepas pembinaan penjara.

Begitu juga di Sungai Udang, kawasan kependudukan tinggi semakin menghampiri penjara. Jadi, apa yang kita boleh buat, cara *buffer zone* yang kita boleh bina itu seolah-olah penjara yang ada sebelum *proper prison* itu, yang untuk penahanan itu diletakkan di tengah dan tanah-tanah kita secara tidak langsung juga bertindak sebagai *buffer zone* kepada kawasan berkependudukan tinggi. Itu yang selalu kita buat sekarang.

Akan tetapi, sudah— kita pergi ke Jelevu. Jelevu pun sudah dekat kawasan perumahan. *Name it*. Mana-mana tempat malah saya akuilah macam Penjara Pudu dan Pulau Pinang dahulu *all because* kawasan itu diperlukan pusat pentadbiran. Senang hendak ke hospital dan senang hendak ke mahkamah pada peringkat awal. Begitu tetapi, tidak lagi.

Lately memang kita menjauhi masyarakat tetapi nampaknya masyarakat pergi ke situ terutamanya kontraktor-kontraktor tertentu tahu sejumlah perumahan perlu disediakan. Sejumlah kemudahan asas perlu disediakan daripada segi *business center* dan sebagainya boleh disediakan di luar untuk kegunaan kakitangan penjara. Kalau kata 400 orang kakitangan di sebuah tempat, bermaksud kalau kita kali itu ini sudah jadi 1,000 lebih atau 2,000 lebih orang penduduk yang memerlukan servis tertentu di kawasan-kawasan berkenaan.

Akan tetapi, selalunya di kawasan-kawasan yang ada penjara itu kejadian-kejadian seperti kecurian dan sebagainya itu kurang. Saya tidak tahu kenapa dan penduduk setempat di Sungai Udang, di Kajang sendiri boleh menggunakan kemudahan-kemudahan rekreasi, kemudahan beribadat, majlis sosial dan sebagainya dengan menggunakan kemudahan penjara seperti masjid, dewan dan padang. *Almost* boleh kata pada setiap minggu. Kalau saya di ibu pejabat itu balik ikut Penjara Kajang, penduduk Kajang ada menggunakan padang permainan dan padang bola sepak Kajang. Ini kerana padang tersebut antara padang terbaik di daerah Kajang, di kawasan Kajang.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Akan tetapi, saya harap tidak ada pihak yang bimbang dengan keselamatan sama ada anggota ataupun banduan di kawasan penjara ini apabila adanya teknologi canggih ini seperti penggunaan dron yang dikatakan boleh menggugat keselamatan ataupun kerahsiaan dan sebagainya. Jadi, apabila majlis Pihak Berkuasa Tempatan meluluskan pembangunan berhampiran itu, ulasan daripada jabatan itu, saya harap menjaga kepentingan jabatanlah supaya jangan ada pihak merasakan yang jabatan tidak...

Tuan Supri bin Hashim: Yang Berhormat, kita ada satu kes. Kita telah mengemukakan bantahan daripada dibina sebuah kondominium setinggi lebih daripada 30 tingkat yang mana pemandangan dari kondominium itu memang jelas boleh tengok. Tanpa dron pun boleh tengok dari dalam penjara.

Malah, Bahagian Keselamatan pun bersetuju dengan pendapat penjara, ini adalah kurang wajar dibina di kawasan di situ dan perlu dapat pandangan terlebih dahulu dari situ. Malah penduduk-penduduk lain di taman situ pun ada mengemukakan bantahan tetapi nampaknya pembinaan itu tetap diteruskan dan ancaman dron itu memang berlaku. Membawa artikel larangan ke dalam penjara tetapi *alhamdulillah* kita pun hendak kata tidak ada teknologi tertentu, bantuan tertentu untuk mengatasi perkara ini.

■1640

Akan tetapi, sudah tentu teknologi itu sentiasa berubah, sentiasa- memang kita akui ancaman dron itu salah satu ancaman yang terbaru kepada penyeludupan apa-apa artikel larangan ke dalam penjara.

Tuan Khoo Poay Tiong: Jadi, macam mana buat pencegahan? Ada yang kita ada terima, kata mereka menggunakan dron, jatuhkan sesuatu dalam penjara itu. Sekarang buat masa kini, penjara dalam ada CCTV tidak? Semua ada CCTV? Ada *sensor* kah?

Tuan Supri bin Hashim: Boleh kata *most* ada CCTV. Kita juga ada bantuan daripada pihak berkuasa lain. Kalau ada dron, *must have anti-drone* dan sebagainya oleh pihak lain. Kita kata bersyukur dengan bantuan mereka dan teknologi yang ada itu. Sebenarnya, pencerobohan dron itu agak berkurangan akhir-akhir inilah. Oleh sebab apabila penerbangan dilakukan dalam jarak tertentu, dekat kawasan penjara, kita dah boleh *detect* pergerakan dron berkenaan. Malah, dengan peralatan yang ada itu pun kita boleh turunkan dron berkenaan supaya tidak masuk ke dalam kawasan penjara.

Tuan Khoo Poay Tiong: So, setakat ini berapa kes dah pernah kesan berhubung dron ini?

Tuan Supri bin Hashim: Salah satu di Kelantan sahaja saya- nampaknya dalam lima kes dan kita boleh rampas pun dron itu. Kita boleh gunakan sebab dron-dron ini mempunyai kamera. Apabila kamera, kita tahu siapa penerbang ia dan sebagainya. Ini juga membantu pihak polis melihat dalam itu, rupanya si 'A' yang melakukan penerbangan ini. Kemungkinan dron ini bukan sahaja digunakan di dalam penjara, ia dah boleh ganti *Grab*, *FoodPanda* dan sebagainya untuk menghantar *drugs* ataupun hal-hal lain. Kemungkinan itu boleh berlaku. Jadi, kita ada buat analisa terhadap tangkapan ini melalui kamera yang ada itu dan dapat dikenal pasti siapa sebenarnya *pilot* kepada dron-dron itu.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Supri bin Hashim: Salah satunya yang kita dapat itu di salah sebuah penjara di Kelantan, malah ada kes di Kluang. Di Kelantan, apabila kita bercakap tentang dadah, *they are quite near to* sempadan. So, *this is-* menjadi agak cabaran kepada kitalah.

Tuan Khoo Poay Tiong: Tuan, kita ada dengar dalam penjara, pinggan tidak cukup. So, mereka gunakan *plastic bag* untuk letak makanan dan lima enam orang kongsi makanan.

Tuan Supri bin Hashim: Saya rasa ini dilakukan- tidak ada begitu sebenarnya. Pinggan cukup dan saya berharap *select committee* boleh melawatlah, melihat. Apa yang kita praktis dalam plastik ini semasa— *polisterin* dan sebagainya, semasa dalam keadaan COVID-19. Di mana kita tidak cuci lagi, pakai- kita buang sahaja yang bekas-bekas, alas-alas makanan ini supaya tidak berlaku jangkitan ketika cuci dan sebagainya, pinggan mangkuk ini. Kita pakai buang. Saya percaya yang itu. Ada ketikanya pada dahulu pernah berlaku, ada penjara tertentu yang tidak cukup tetapi tindakan *immediately* dari stor pusat kita untuk membekalkan *tray* yang digunakan itu dengan segeralah.

Tuan Khoo Poay Tiong: Jadi, sekarang sehari berapa belanja untuk makanan itu?

Tuan Supri bin Hashim: Untuk makanan sahaja, *direct* saya ambil daripada- sebab kita menyediakan bahan mentah untuk dimasak oleh banduan. Kalau kira kos itu, kosnya berbeza bergantung pada lokaliti. Kalau pergi ke Limbang Sarawak, Sabah kosnya- tempat tertentu lebih tinggi. Kalau di Semenanjung, bahan mentah itu dalam sekitar RM5 hingga RM6 tetapi kalau sampai ke Limbang itu, ia dekat-dekat sehingga RM8 harga bahan mentah itu. Jadi, saya hendak sebut *lump* itu tidak boleh, puratanya. Akan tetapi kalau kos- *direct cost* yang melibatkan makanan, penyediaan pakaian dan sebagainya. *Direct* untuk banduan dalam RM14.50 sehari, itu *direct cost* lah. Pakaian, kemudahan asas dan makanan. Ini dalam RM14.50 sehari. Ini dah mengambil kira maksud, makanan itu dah siap di masaklah.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Sila.

TKP Meor Azizi Sapawi bin Ahmad Sepuan: Seterusnya, berhubung dengan kemudahan lain yang disediakan kepada banduan, penghuni dan tahanan di dalam penjara iaitu berhubung dengan hubungan dengan dunia luar. Di mana kalau dulu kita buat perjumpaan mereka dengan keluarga yang terpaksa datang ke penjara untuk berjumpa tetapi sekarang ini kita bagi juga kemudahan menggunakan telefon. Di mana ada bayaran tertentulah yang mereka kena bayar. Jadi, melalui perjumpaan bukan hanya bersemuka, melalui kaedah juga seperti telefon dan juga surat. Banduan juga mempunyai hak untuk memaklumkan kepada rakan atau keluarga tentang pemenjaraan, pemindahan dan penyakit atau apa-apa jualah perkara yang mereka memerlukan bantuan daripada keluarga. Dalam masa yang sama juga, kita juga menyediakan kemudahan penasihat undang-undang sekiranya bagi mereka— terutamanya bagi penjara reman. Jadi, setiap banduan diberi peluang dan ruang untuk bertemu dengan peguam mereka.

Begitu juga dengan kedutaan yang mana melibatkan banduan warga asing, diberi peluang untuk berhubung dengan wakil kedutaan mereka untuk— dengan

bertujuan menyelesaikan masalah-masalah berkaitan dengan kepenjaraan. Ini termasuklah masalah ketidakfahaman bahasa pengantaraan, maklumat sistem undang-undang serta kesukaran dalam mereka menghubungi keluarga mereka. Jadi- dan juga pihak-pihak yang berkompeten lah juga kita sediakanlah untuk mereka. Aktiviti-aktiviti harian seperti mana di dalam penjara, mereka mengikuti Program Pelan Pembangunan Insan iaitu dalam program pemulihan dan juga program reintegrasi. Jadi, dalam program-program ini mereka juga diberikan juga latihan vokasional, di mana diberi peluang bekerja dan dibayar mengikut kadar gaji atau elaun mengikut peringkat. Namun begitu, kita menolak sekali-kali khidmat perhambaan atau buruh paksa menggunakan mereka.

Aktiviti-aktiviti juga yang berfaedah dalam melakukan aktiviti bersukan dan juga dilengkapi di dalam penjara itu dengan perpustakaan bagi mereka, bertujuan untuk mereka belajar dan juga mengamalkan agama mereka, yang mana mengikut agama masing-masing. Begitu juga tentang pendidikan. Kita pun ada beberapa orang guru yang *seconded* di dalam jabatan, yang mana ditempatkan di sekolah-sekolah integriti. Kita ada 11 sekolah integriti dan juga Sekolah Henry Gurney. Mereka juga mendapat akses kepada pendidikan yang bersesuaian. Seperti mana yang baru-baru ini- dalam keputusan SPM pun Yang Berhormat, kita dapat juga kalangan penghuni Sekolah Henry Gurney yang mendapat 7A, yang terbaiklah di kalangan merekalah, di dalam penjara. Jadi, itu antara kemudahan-kemudahan mereka yang kita berilah.

Next, tentang kesihatan mental dan fizikal. Ini adalah antara akses kepada penjagaan kesihatan yang mana mereka diberi peluang untuk mendapatkan penjagaan kesihatan dan juga bagi tujuan mendapatkan rawatan yang memerlukan di luar. Daripada syor pegawai perubatan, mereka juga mendapat pengesyoran yang mana kepada pengarah-pengarah institusi mengenai isu-isu kesihatan penjara, termasuklah berkaitan dengan penyediaan makanan, kebersihan, institusi dan juga tahap kesihatan banduan. Begitu juga akses kepada perkhidmatan kebajikan, di mana kita juga ada pegawai-pegawai kebajikan yang ditempatkan di institut penjara untuk membantu mereka daripada segi soal berhubung mereka masuk itu, apa keperluan-keperluan dan juga berhubung dengan keluarga. Juga apabila mereka keluar itu nanti, mereka akan juga di akses kepada perkhidmatan kebajikan.

Begitu juga berkaitan dengan pembebasan. Banduan dibebaskan pada hari yang sepatutnya dibebaskan. Kemudian program reintegrasi, di mana ini adalah salah satu antara elemen yang terbaru, di mana program pemulihan di luar. Ini di mana banduan diberikan ruang dan peluang untuk mereka menjalani program reintegrasi di dalam masyarakat melalui program-program PBSL, program parol dan

juga program-program yang mana jabatan mengadakan hubungan secara langsung dengan agensi-agensi kemahiran di luar.

■1650

Okay, next. Jadi, secara rumusannya, Tuan Pengerusi dan juga lain-lain ahli mesyuarat, Jabatan Penjara memberikan layanan yang selayaknya berdasarkan Akta Penjara, peraturan penjara dan juga standard antarabangsa UNSMR, *Mandela Rules* serta *Bangkok Rules*. Jadi, itu secara rumusannyalah bahawa kita memberikan layanan yang mana kepada semua staf yang diberikan latihan tentang layanan yang berperikemanusiaan.

Okay, next. Jadi, dalam masa yang sama, seperti mana yang Yang Berhormat telah bertanya tentang kondisi penjara-penjara yang lama, bersama saya hari ini pun kita bawa pengarah-pengarah penjara-penjara tersebut.

Antaranya, penjara yang paling lama yang masih lagi wujud iaitu Penjara Pulau Pinang. Sudah lebih kurang 173 tahun penjara tersebut beroperasi di mana kapasitinya adalah— ia adalah penjara reman, Yang Berhormat, yang mana kapasitinya adalah 1,100 orang tahanan. Namun, penjara ini juga pernah mencapai kapasiti seramai 2,305 orang tahanan— sesak— pada tahun 2020 di mana lebih kapasiti lebih kurang 109 peratus. Jadi, ini antara penjara lama. Kita boleh tengok gambarnya.

Next. Ini kondisi penjara lama dan bangunan-bangunannya masih bangunan-bangunan asal semasa zaman *pre-war*. [*Merujuk pada paparan di skrin*]

Okay, next. Seterusnya, Penjara Seremban. Penjara Seremban telah wujud dari tahun 1881. Jadi, telah beroperasi selama 142 tahun. Penjara ini juga kita takrifkan sebagai penjara yang masih lagi isu mengenai sistem *bucket* macam tadi Tuan Pengerusi dan ahli-ahli mesyuarat melihat, memang kalau sebelum ini, sebelum *pre-war* ini, memang ia lebih kepada konsep pemenjaraan. Ia tidak ada kepada konsep pemulihan. Jadi itu daripada segi ruang, pengudaraan dan juga— tidak ada langsung. Jadi, ini boleh dilihatlah di Penjara Seremban ini dengan perjawatannya sebanyak 226 orang daripada 271 orang pegawai yang beruniform. Jumlah kapasiti banduannya iaitu 1,057 orang. Maknanya, lebih daripada kapasiti yang sepatutnya iaitu seramai 900 orang.

Okay, next. Seterusnya, penjara— okey, ini gambar Penjara Seremban... [*Merujuk pada paparan di skrin*] Untuk makluman Yang Berhormat, ada kita juga dapatkan peruntukan untuk membina bangunan baharu di dalam itu untuk menampung jumlah kesesakan di Negeri Sembilan. Jadi, diwujudkanlah bangunan yang baharu dalam penjaralah.

Okay, next. Seterusnya, Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Batu Gajah di mana ia lebih kepada orang tahanan iaitu kes-kes di bawah LLPK, kes-kes dadah. Ia mula dibina pada tahun 1902 dan sudah beroperasi selama 121 tahun. Di sini juga ditempatkan juga banduan wanitalah di mana yang ditahan di bawah Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) iaitu orang-orang tahanan di bawah undang-undang darurat dan dadah.

Okay, next. Ini gambar-gambar penjara PPA Batu Gajah di negeri Perak.
[Merujuk pada paparan di skrin]

Okay, next. Seterusnya, Penjara Taiping. Penjara ini telah beroperasi selama 149 tahun bermula pada tahun 1874 dan masih menggunakan struktur asal. Ini juga adalah salah satu juga penjara yang masih menggunakan sistem *bucket*-lah kerana tiada akses tandas di sel-sel banduan kerana ukuran sel yang terhad, sama seperti Penjara Pulau Pinang dan juga penjara lama yang lain.

Okay, next. Ini gambar-gambar yang menunjukkanlah Penjara Taiping.
[Merujuk pada paparan di skrin] Di situ, kita boleh lihatlah yang mana sistem kumbahannya itu masih menggunakan sistem iaitu yang kita panggil sistem *bucket*.

Jadi, inilah antara beberapa penjara lama yang mana menimbulkan masalahlah daripada segi pengurusan kumbahannya dan juga masalah dalam kalangan stafah yang kadangkala menimbulkan ketidakselesaanlah untuk mereka bekerja dengan suasana yang kurang kondusif.

Okay, next. Seterusnya, Pusat Koreksional Muar. Ia mula dibina pada tahun 1927. Jadi, telah beroperasi selama 96 tahun. Dulunya ia merupakan penjara yang menempatkan juvana dan kemudian setelah dipindahkan ke Sekolah Henry Gurney, ia beroperasi untuk orang-orang tahanan iaitu di bawah LLPK. Sehingga sekarang ini, ia telah menjadi penjara di mana menempatkan banduan-banduan di mana dikenali sebagai Pusat Koreksional Muar.

Okay, next. Gambar-gambar. Ini gambar-gambar penjara Pusat Koreksional Muar. *[Merujuk pada paparan di skrin]*

Okay, next. Seterusnya, Penjara Pengkalan Chepa yang mana mula beroperasi pada tahun 1950. Maknanya telah wujud dan beroperasi selama 73 tahun. Penjara ini pun dengan kesesakanlah, kalau kita tengok tadi jumlah banduan yang ramai tadi. Penjara ini adalah penjara reman, Yang Berhormat. Jadi, banyak kes reman yang mana sekarang ini kita dalam Rancangan Malaysia yang terbaharu ini pun, kita masukkanlah sebagai salah satu— mewujudkan penjara baharu di negeri Kelantanlah untuk menggantikan Penjara Pengkalan Chepa.

Okay, next. Jadi, ini gambar-gambar suasana di Penjara Pengkalan Chepa.
[Merujuk pada paparan di skrin]

Okay, next. Ini berkaitan dengan cara beroperasinya di mana semuanya menggunakan kolah mandi dan cuci tong najis. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Masih menggunakan sistem tersebut yang mana tidak kondusiflah seperti mana penjara baharu yang ada sekarang.

Okay, next. Ini Penjara Pengkalan Chepalah yang sesak, kita kata ketika ini. *[Merujuk pada paparan di skrin]* Hampir 138 percent ya?

Okay, next. Okey, kesan dan implikasinya. Disebabkan penjara yang telah lama menyebabkan mudahnya berlaku penyakit berjangkit. Ini kesan dan implikasi, Yang Berhormat. Tiada pengudaraan yang baik, boleh mengalami stres dan kurang keselesaan.

Okay, next. Okey, cabaran kekangan yang dihadapi oleh jabatan ketika ini adalah daripada segi faktor keselamatan fizikal bangunan tersebut di mana memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi dan dalam masa yang sama, perolehan keperluan asas.

Jadi, kalau dilihat, Yang Berhormat, seperti mana tadi pertanyaan Yang Berhormat, memang setakat ini kita unjurkan sekurang-kurangnya kita memerlukan sebanyak RM15 juta keperluan sebenarnya untuk keperluan asas semua penjara. Namun begitu, bagi tahun ini, kita hanya menerima RM8 jutalah. Jadi, itu sahaja yang kita salurkan dan kita agihkan dan dalam masa yang sama, kita cuba memberikan layanan yang berperikemanusiaan.

Okay, next. Okey, ini daripada segi cabaran dan kekangan yang saya nyatakan tadi daripada segi keperluan asas tadi. *[Merujuk pada paparan di skrin]*

Okay, next. Okey, *way forward* jabatan. Kita ke arah memulihkan dan bukan menghukum. Kita juga mengharapkan dapat mengurangkan residivis dan juga mengatasi kesesakan. Juga, melahirkan *marketable inmates* dan juga dapat mengurangkan pengoperasian. Oleh sebab itu, dalam *way forward* kita, kita ingin dua pertiga banduan yang layak ini menjalani pemulihan dalam komuniti. Akhir sekali, kita juga dalam program pengintegrasian yang berkesan dengan agensi-agensi luar untuk mewujudkan pekerjaan kepada banduan-banduan sebelum mereka kembali kepada masyarakat. Akhir sekali, cadangan untuk mewujudkan pusat khas golongan rentan bagi warga emas di setiap zon.

Ini adalah antara beberapa perkara yang kita telah panjangkan di dalam Rancangan Malaysia untuk mendapatkan peruntukan, Yang Berhormat.

Jadi, itu sahaja, Yang Berhormat. Saya sudah dengan *wabillahi tawfik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih Yang Berhormat atas perhatian.

Tuan Pengerusi: Terima kasih kepada Tuan Meor Azizi Sapawi atas taklimat yang disampaikan, dan juga, sebelum itu, daripada Tuan Supri bin Hashim selaku Pengarah Kanan (Bahagian Dasar Kepingjaraan).

Kalau kita tengok cabaran dan kekangan tadi itu, peruntukan yang diperlukan sebenarnya RM15 juta itu. Untuk tahun 2023 ini sebanyak RM10 juta dan yang diluluskan RM8 juta.

■1700

Dalam kurungan RM5.9 juta itu maksudnya apa?

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Setakat ini yang dah dibelanjakan RM5.9 juta. Okey, bagus perbelanjaannya. Jadi kalau boleh kita tahu yang betul-betul mendesak yang kekurangan betul ialah untuk keperluan apa dan berapa jumlahnya.

TPP Trio Kurniawan bin Kusmadi [Timbalan Penguasa Penjara (Seksyen Rawatan dan Layanan), Jabatan Penjara Malaysia]: Tuan Pengerusi, boleh saya mencekah? So, berkaitan dengan peruntukan itu kalau ikut memang kita unjurkan dalam RM10 juta untuk tahun ini tetapi kelulusan yang diberikan oleh kewangan adalah RM8 juta. Akan tetapi apabila kemasukan yang kita boleh *settle down* untuk kemasukan baharu itu yang itu tidak ada isu. Maksudnya contohnya keperluan asas dari segi yang macam Yang Berhormat nyatakan tadi dari segi sabun, benda asas itu, berus gigi, ubat gigi— yang itu dari segi kemasukan baru tidak ada isu Yang Berhormat.

Akan tetapi apabila kita untuk *second time* apabila dia memerlukan lagi, itu yang kadang-kadang kita terpaksa *tackle* melalui perjumpaan. Maksudnya kalau ada keluarga yang datang untuk berjumpa, dia akan beli untuk keperluan asas tersebut yang kita boleh dapatkan di kantin jumpa.

Untuk makluman Yang Berhormat kita bolehkan setiap banduan untuk membeli keperluan asas ataupun barang-barang di kantin penjara sebanyak RM150 berdasarkan peringkat dia juga. Jadi, itu yang kekangan kita. Akan tetapi apa pun kami usahakan juga Yang Berhormat untuk memastikan setiap keperluan asas itu diberikan selayaknya kepada banduan dari segi pengurusan dan juga benda-benda yang diperlukan.

Kalau Yang Berhormat lihat di situ dari segi sajian itu, sajian itu tidak termasuk daripada peruntukan RM8 juta itu. Sajian *almost* kita *spending around* untuk tahun 2024 perancangan kita yang terbaru ini adalah RM209 juta untuk keperluan sajian. Itu merupakan peruntukan yang sangat besar. So, tahun ini kita rancang ataupun perbelanjaan dijangkakan melebihi RM200 juta juga. So, *estimate* kita pada tahun

depan untuk tahun 2024 adalah RM209 juta untuk rangsum, untuk sajian. Itu adalah cabaran kami tetapi dia diletakkan di dalam *on track* Yang Berhormat untuk rangsum. Akan tetapi dari segi keperluan asas itu yang kami sedikit memerlukan perhatian yang lebih. Kalau boleh kami capai yang sebaiknya RM15 juta itu yang terbaiklah Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan, yang RM150 adalah untuk satu bulan ya? Jadi dari segi sajian ya, kalau ahli keluarga mereka hendak bagi makanan yang lebih, boleh mereka buat sedemikian juga?

Tuan Supri bin Hashim: Makanan kalau ikut makanan yang disediakan itu makanan skala diet yang seimbang. Akan tetapi semasa lawatan keluarga boleh membeli makanan yang disediakan, yang dijual di penjara seperti mi goreng, nasi goreng dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, bagi banduan reman mereka boleh memilih untuk makanan sendiri itu disediakan. Boleh, dengan kadar saya lupa, RM18 sehari bagi banduan reman. Kita ada reman yang memohon untuk menyediakan makanan sendiri dan pihak penjara akan sediakan makanan itu melalui kantin kelab dan sebagainya. Akan tetapi ada *portion* dan sebagainya. Kita khuatir juga bila banyak sangat banduan itu satu daripada segi kesihatan. Kita kena kontrol. Kadangkala kita dapati yang hadir dia ada masalah diabetes tetapi *family keep* bagi makanan yang tidak sepatutnyalah seperti mi. Jadi, itu juga di-*control*.

Akan tetapi saya sebutkan tadi semasa lawatan boleh membeli makanan tambahan, barang-barang sendiri tetapi sewajarnya kelengkapan tempat tidur, pakaian banduan, peralatan kebersihan ini adalah secara tukar ganti jika berlaku kerosakan ataupun habis ubat giginya, sabunya dapat disediakan. Malah, pada ketika ini telah dibuat penjara sendiri pun ada sediakan tetapi pada peringkat ini untuk tujuan kebersihan lebih kepada cuci lantai dan sebagainya. Itu kami sediakan sendiri pada peringkat itu.

Ada penjara-penjara dapat menghasilkan perkara ini. Untuk kebersihan diri sudah? Sudah ada sabun? [*Sambil bertanya kepada pegawai*] Sabun kebersihan diri juga telah ada kami sediakan melalui bengkel-bengkel di Jabatan Penjara. Ini kami buat begitu juga untuk dalam bentuk sara diri yang mana roti pada ketika ini dihasilkan oleh penjara sendiri untuk tujuan bekalan kepada banduan seperti mana jadual diet merekalah.

Ada di Kajang, Kluang, Machang, Dungun. Tempat-tempat ini menyediakan beberapa lagi, menyediakan kemudahan bekalan makanan untuk banduan di penjara itu dan juga penjara sekitar. Begitu juga yang lain dalam bentuk ini sayuran,

ikan ada disediakan oleh pihak penjara, diusahakan oleh penjara kemudian dibekalkan sebagai salah satu catuan makan skala diet untuk banduan.

Ini sebenarnya sudah melalui oleh KKM, penilaian oleh KKM dan makanan ini boleh dibekalkan. Ikan tersebut boleh dibekalkan, begitu juga roti, sayuran dan sebagainya. Jadi ada penjimatan dilakukan di situ di samping memberi latihan secara bersijil kepada banduan-banduan yang terlibat.

Akan tetapi itulah untuk sesi ini saya bagi pihak jabatan *since* makan masa banyak amat mengharap pandangan daripada *select committee* untuk meningkatkan lagi perkhidmatan kami yang pada ketika ini amat berusaha untuk menjadikan melalui *prison reform* dan sebagainya untuk terutamanya dari segi pemulihan banduan itu kami sasarkan dua pertiga daripada jumlah banduan sabitan di situ dapat menjalani pemulihan di luar penjara yang mana daripada penilaian kami kadar *recidivist* yang berlaku 0.24 untuk pencapaian *last year, recidivist*. Manakala pemulihan di dalam penjara pula kadar *recidivist* adalah 17.5 peratus. *This is quite far*. Jadi, *alhamdulillah* bagi memperkembangkan ini KDN meluluskan Pelepasan Banduan Secara Lesen (PBSL) itu dikembangkan daripada satu tahun kepada tiga tahun ke bawah.

Hopefully sejumlah kalau banduan tiga tahun ke bawah itu terdapat sekitar 18,000 banduan, warga Malaysia yang *serve sentence* lebih daripada 18,000. Jadi, secara *stages* ini untuk tahun ini banduan ini akan layak tiba apabila dia telah menjalani sejumlah hukuman di dalam penjara dan mematuhi dan mengikuti program-program yang ditetapkan yang melayakkan dia dilepaskan secara lesen.

Seperti mana diketahui ,cara ini juga sebab ada jaminan pekerjaan dan peluang pendapatan kepada mereka bagi membina kehidupan bersama keluarga yang mana apabila golongan-golongan ini kalau saya kata yang tak berisiko ini kalau mereka itu pencari nafkah.

■1710

Kalau 50 peratus daripada 18,000 merupakan pencari nafkah, bermaksud dengan kemasukan mereka ke penjara, bermaksud kita telah menjadikan 9,000 keluarga itu dalam kemiskinan. Jadi nak atau tak nak, jaminan ini— Walhal di beberapa buah negara luar, mereka telah ke arah lebih lagi, tiga per empat menjalani pemulihan di luar penjara di mana dilaksanakan kalau di UK sendiri, 76,000 berada dalam penjara tetapi 180,000 lagi berada di luar penjara.

Maybe tak sesuai di tempat kita tetapi tiga yang ditunjukkan itu, keberkesanan pemulihan atau pun mengurangkan kadar residivis itu amat ketara yang wajarnya rasa-rasanya kita patut sokong dan menjadikan lagi bentuk— mempromosikan lagi

restorative justice yang sepatutnya berlangsung di tempat kita. *Hopefully*, Jabatan Penjara untuk penambahbaikan itu sekali lagi dapat sokongan daripada *select committee* untuk apa jua daripada segi fizikal programnya, kemudahan yang disediakan dan juga malah penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk Jabatan Penjara.

Itu sahaja Yang Berhormat Datuk Seri Utama. Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Tuan, kalau saya boleh bertanya juga tentang sebab saya rasa ini *part of* keperluan asas apabila seorang banduan itu dia hanya boleh keluar dari sel itu, satu jam dalam masa seminggu *compared to* sekali dalam sehari *especially* saya berfikir tentang bila sel itu yang terlampau *crowded*. Macam mana ya tuan?

TKP Meor Azizi Sapawi bin Ahmad Sepuan: Cuma saya melihat kenapa bila berlaku kesesakan itu, memang kita daripada segi program kita, setiap tahanan ataupun penghuni ini mereka ada hak untuk mendapatkan pengudaraan yang sama, semua dapat. Akan tetapi, macam contoh apabila berlaku kesesakan ini dan juga kita kata selepas pandemik ini, kita memberikan mereka ruang tetapi tidaklah seperti mana kalau terdahulu, semuanya dibuat program itu di luar, di padang.

Akan tetapi, contoh macam di Penjara Sungai Buloh atau Penjara Bayan Baru, ia ada ruang. Di setiap blok itu ia ada ruang untuk mereka menjalani *exercise*. Jadi, mereka dibenarkan selama sejam ataupun dua jam mengikut daripada segi *strength* pegawai kita yang ada. Mereka boleh mengikuti dari pagi hingga petang tetapi dalam konteks yang mana daripada segi keselamatan di blok itu terjamin. Jadi, dalam penjara sesak yang saya ambil contoh ini di Penjara Sungai Buloh dan juga Kajang tetapi macam penjara medium, penjara minimum, memang mereka akan memberikan ruang akses untuk pengudaraanlah kepada mereka untuk menjalani *[Tidak jelas]* di institusi penjara.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Saya rasa sebab ini adalah salah satu hak asasi setiap insan. Juga ini *terms* orang muda sekarang panggil "*healing*".

Tuan Khoo Poay Tiong: Tuan, saya merujuk kepada *presentation* anda. Muka surat yang pertama mengatakan jumlah kapasiti ialah 70,116 dan saya merujuk kepada laporan daripada SUHAKAM mengatakan kapasitinya ialah 52,890 pada tahun 2019. Angka dari Jabatan Penjara ialah setakat minggu lepas. Jadi, dalam masa empat tahun ini, kapasitinya sudah meningkat kepada hampir 20,000.

Tuan Supri bin Hashim: Peningkatan kapasiti itu berlaku *since* salah satu saya sebutkan tadi kita gunakan PLKN untuk Program Reintegrasi Penghuni. Di situ ada enam PLKN dengan kapasitinya ialah 480 setiap satu dan untuk pusat penjara

satelit yang diwujudkan di PLKN. Kita ada 11 pada ketika ini tetapi kapasitinya yang boleh menunjukkan dalam 4,800. Kita juga melakukan beberapa penambahan bangunan dan sebagainya yang boleh meningkatkan lagi kapasiti itu. Kita wujudkan perkara yang baharu, kapasiti iaitu kita ada Program Reintegrasi Penghuni Industri, penempatan di kilang-kilang. Terus di situ, asrama-asrama dan diwujudkan.

Untuk tahun ini sahaja, satu di Batu Pahat dengan dua kapasitinya 200, di Panasonic dengan kapasiti 500 dan di Sungai Petani dengan kapasiti 400 diwujudkan. Itu kerajaan tak keluarkan satu sen pun. Syarikat ini yang keluarkan dengan kemudahan dan sebagainya, dia berikan untuk banduan dan banduan yang terlibat menikmati gaji minimum. Itu tambahan antara langkah yang kita ambil.

Akan tetapi, malah kita ada *8.1 percent* peningkatan jenayah dan sebagainya. *Incarceration rate* untuk Malaysia pada ketika ini adalah sekitar 227 banduan per 100,000. *Incarceration rate* yang dibenarkan di peringkat *international* hanyalah 127 orang untuk 100,000. Jadi, kita pun tak nak jadi negara penjara di mana tempat—*that's why* saya sebutkan tadi melalui kita amat sangat untuk melaksanakan program pemulihan di luar penjara melalui parol, bebas secara berlesen dan kita sedang teliti *home detention* bagi banduan tiga tahun dan ke bawah. Ini secara tak langsung bentuk *probation* ini dengan kawalan oleh pihak penjara di luar mampu meningkatkan lagi keberkesanan pemulihan dan tak memutuskan hubungan kekeluargaan, sumber ekonomi keluarga yang mungkin menjejaskan masalah sosial yang lain.

Jadi, itu secara kasar saya sebut. Memang kapasiti kita telah bertambah daripada 52,000 pada tahun 2019 atau pun 2020 Yang Berhormat seperti mana laporan tahunan SUHAKAM pada 2020 yang di-*tabled*-kan di Parlimen. Sejak itu kita mengambil pelbagai langkah termasuklah menyediakan bangunan yang lebih di beberapa tempat seperti mana di Dusun Dato' Murad, di Sekolah Henry Gurney itu sendiri dan beberapa penjara ada bangunan tambahan yang menyebabkan kapasiti sesebuah penjara itu dapat ditingkatkan.

Tuan Khoo Poay Tiong: Tuan, apakah cabaran yang dihadapi apabila nak *persuade* itu *factories* untuk ambil penghuni penjara ini? Boleh kita bantu tak? Ahli Parlimen boleh bantu.

Tuan Supri bin Hashim: Saya mengalu-alukan sangat. Pada ketika ini kita ada *more than 227 industries* yang berkolaborasi dengan Jabatan Penjara. Ini termasuklah dalam bidang pertanian, termasuklah GLC yang itu. So, kalau dilihat secara perbandingan, bermaksud *industries* ini menggunakan kos yang lebih rendah berbanding dengan *to hire foreign workers*.

■1720

Itu yang antaranya. Ada *player* yang kecil yang tidak dapat sediakan tempat tinggal. Ada kita tempatkan di rumah pengantaraan kita ataupun tidak semestinya asrama. Ada rumah yang disewa boleh digunakan untuk pekerja-pekerja ini. Malah kita sedang berbincang dengan sebuah syarikat daripada US terbesar pembekal kita kata rempah ratus US yang juga melaksanakan produknya di sini. Kalau diizinkan dalam bulan ini dia punya CEO akan datang. Kalau berjaya dia akan menawarkan sejumlah 750 peluang pekerjaan kepada banduan tetapi apabila ia melibatkan rempah ratus ini, dia agak *seasonal* jumlah yang terbesar itu sebab *harvesting* katalah *harvesting* lada hitam dan sebagainya ada bulan tertentu sahaja. Beberapa bulan setahun sahaja. Jadi, yang itu.

Saya nampak daripada segi penjimatan kos dan bayaran gaji walaupun banduan itu boleh sampai RM3,000 – RM4,000 sebulan bawa baliklah. Jangan pula ada yang kita beritahu dekat anak-anak memohon supaya jadi banduan untuk dapat gaji sedemikian. Saya rasa tidaklah tetapi ada yang rajin bekerja, makna *overtime* dan sebagainya boleh dapat sehingga *more than RM3,000 a month* seperti mana yang berlaku di Panasonic sekarang. Mereka dapat itu— malah ada yang sudah bawa keluarga.

Kalau— dia *dok* asalnya di Kedah, katalah di Kedah orang kenal dia mat banduan, jadi balik ke situ orang kata dah balik dah banduan ini, anak banduan, bapa banduan sudah balik. Sekarang ini bekerja dengan di syarikat-syarikat ini, dia berlaku *resettlement* semula. Apabila dia sudah ada pendapatan tinggi, dia bawa anak isteri dari kampung itu tidak payah lagi dia bergelar banduan di kampung dia tetapi dia bergelar mat kilang, pekerja kilang di tempat baru dengan pendapatan yang munasabah, yang tinggi.

Saya rasa ini kita boleh harapkan, malah berlaku juga perkahwinan antara bekas banduan, walaupun dia sudah habis kerja tetapi dia tetap meneruskan pekerjaan itu di kilang tersebut dan sudah berlaku perkahwinan dengan pekerja-pekerja di situ. Jadi, itu sahaja saya sebutkan tadi daripada segi kos selepas itu senang hendak dapat bekas banduan yang terpilih mengikut lokaliti yang sesuai untuk bekerja sama ada di kilang ataupun di sektor pertanian.

Tuan Khoo Poay Tiong: Berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri, satu soalnya ialah tentang tahanan reman. Sering kali tahanan reman, mereka akan dimasukkan di penjara. Jadi, ada rancangan kah tidak supaya tahanan reman yang mereka tidak boleh bayar wang jaminan itu, mereka dimasukkan dalam penjara. Jadi, tidak tahu sama ada Kementerian Dalam Negeri ada cadangan tidak untuk kita atasi masalah ini?

Encik Muhabir bin Ibrahim [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kepingjaraan, Antidadah dan RELA), Kementerian Dalam Negeri (KDN)]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini kita tidak ada cadangan untuk tahanan reman ini. Cumanya, di peringkat kementerian sekarang ini di samping kita beri kelulusan kepada penjara seperti yang disebutkan oleh Tuan Supri tadi, pemanjangan tempoh setahun kepada tiga tahun penjara itu, kita sekarang ini sedang berusaha untuk memuktamadkan draf RUU untuk menggantikan Akta Penagih Dadah 1983 yang digantikan dengan rang undang-undang yang baharu. Di mana kita mungkin di situ kita boleh memperkenalkan satu dasar pengalihan di mana mereka yang menagih dadah tidak lagi dihukum dengan penjara tetapi dirawat atau dipulihkan di PUSPEN. Sama ada di dalam PUSPEN ataupun di luar komuniti.

Jumlah ini kalau kita tengok yang sedia ada punya banduan memang agak ramai tetapi kita tidak ada keputusan lagi sama ada kita nak buat secara kebelakangan ataupun semasa. Cumanya mungkin dengan adanya dasar pengalihan ini, dia boleh mengurangkan kesesakan yang sedia ada di penjara yang ada di Malaysia ini. Kalau yang reman itu Yang Berhormat tidak ada lagi satu keputusan.

Tuan Khoo Poay Tiong: Akan tetapi kesalahan penggunaan dadah itu memang ada rancangan?

Encik Muhabir bin Ibrahim: Draf kita di peringkat kementerian akan *table* kan kepada Menteri esok dan kita berhasrat untuk bentangkan pada sidang hujung tahun ini.

Tuan Khoo Poay Tiong: Hujung tahun ini?

Encik Muhabir bin Ibrahim: Ya.

Tuan Khoo Poay Tiong: Akan bentangkan dalam Parlimen?

Tuan Supri bin Hashim: Berhubung perkara ini juga, Jabatan Penjara daripada semasa ke semasa mengadakan perbincangan terutamanya dengan pihak mahkamah dan juga Jabatan Peguam Negara. Dalam perbincangan terakhir, kita sedang menyediakan maklumat terperinci berhubung dengan reman ini terutamanya yang melibatkan reman Mahkamah Sesyen dan sebagainya yang tidak sepatutnya mereka ditahan lebih lama.

Di samping itu, kita ada juga perbincangan secara terus dari penjara-penjara bersama dengan mahkamah setempat itu dan nampaknya ada sedikit kesan di Pulau Pinang yang diberikan bahawa apabila telah terlalu lama ditahan reman, bermaksud seolah-olah kadangkala dikhuatiri berlaku hukuman yang diberi itu tidak seberapa bila dijatuhkan hukum itu, banduan itu telah dibebaskan pada hari— seolah-olah

pada hari penerimaan. Itu yang kita buat sekarang. Maklumat-maklumat ini *from time to time* kita hantar kepada mahkamah.

Dalam hal ini nampaknya Sarawak – kita ada buat kajian di negeri Sarawak berhubung perkara ini. Daripada segi jumlah reman, daripada segi kadar *recidivist* dan beberapa lagi, Sarawak adalah antara negeri yang boleh dicontohi, mungkin dia mempunyai beberapa— saya tidak hadir dalam pembentangan hasil kajian yang kita buat sendiri bersama dengan pihak universiti. Didapati beberapa kebaikan daripada segi jumlah reman termasuklah *recidivist* dan ada dua lagi item yang menunjukkan dia *above* berbanding dengan penjara lain termasuklah *in calculation rate* dia adalah di bawah 127/100,000 seperti mana *international*. Dia tidak sampai 100 di Sarawak kalau tidak silap sayalah. Itu yang penelitian kita yang terakhir. Tahniahlah kalau ada orang Sarawak di sini tetapi itu kenyataannya.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Atas perkara yang sama, tadi Tuan Supri ada sebut tentang reman, kajian yang dibuat, data maklumat yang di— berdasarkan kepada pandangan NGO ini, imigresen agak susah sedikit. *Is there any reason why* bandingkan kerjasama Jabatan Penjara *very good*, PDRM lokap-lokap bagus tetapi bila sampai imigresen ini, *it's always an issue*, lambat, tidak ada respons. Adakah apa-apa maklumat yang boleh Kementerian Dalam Negeri *share* dengan kita?

Encik Muhabir bin Ibrahim: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, satu saya hendak beritahu yang ini bulan keenam saya di KDN. Di KDN, kita ada satu bahagian yang jaga imigresen, Bahagian IM. Saya tidak ada maklumat Yang Berhormat, minta maaf. Daripada segi kerjasama dengan yang lain-lain itu, saya tidak pastilah. Saya jaga RELA, jaga AADK dan jaga penjara, yang itu saya tidak ada maklumat, maaf.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: / see.

Tuan Khoo Poay Tiong: Tuan, saya hendak tanya kepada Kementerian Dalam Negeri. Difahamkan banduan keluar dari penjara, mereka tidak diberikan MyKad, betul kah? Tidak ada MyKad ya?

Tuan Supri bin Hashim: Kalau yang masuk memang dalam akta itu menyebut hanya waran yang mandatori tetapi kita berusaha *from time to time* kita ada *collaboration* dengan JPN.

■1730

Memang ada dari semasa ke semasa MyKad itu dibuat untuk banduan yang unit bergerak itu akan datang ke penjara dan sebagainya di seluruh negara. Ini dipanggil *program jejak kasih something like that* untuk menyediakan kad. Akan

tetapi, kalau yang tidak sempat program itu bermaksud ada satu keping surat kalau diperlukan oleh banduan mengesyorkan supaya tidak wujud apa-apa, dia boleh pergi *immediately* selepas dibebaskan ke pejabat pendaftaran untuk membuat IC yang baharu.

Pelbagai *conditions* yang berlaku. Ada banduan yang - ini berasaskan pengakuan oleh banduan ini dia buang IC itu semasa ditangkap. Itu pun berlaku. Ada penggunaan IC orang lain pun berlaku *because* sistem itu *register with biometric*. Biometrik itu kita tahu orang ini beberapa kali masuk dan sebagainya. Saya tidak nafikan kemungkinan apabila program usaha yang dibuat untuk mendapatkan IC itu belum selesai lagi banduan itu sudah dibebaskan kerana ada banduan yang masuk pada hari kemasukan itu dia telah bebas pun ada. Itu pelbagai tempoh tetapi bagi yang lama itu, rasa kemudahan untuk mendapatkan IC itu untuk banduan itu boleh kita usahakan melalui pegawai kebajikan. Semasa kemasukan itu akan mendapatkan keperluan-keperluan banduan ini.

Tuan Khoo Poay Tiong: Jadi, barangkali dalam isu ini boleh kita perbaikilah supaya apabila mereka keluar daripada penjara *at least* dia boleh pergi mohon MyKad. Kalau tidak susah untuk mereka hendak cari kerja.

Tuan Supri bin Hashim: Boleh. Seeloknya kalau dia dalam penjara. Kita pun berhadapan dengan situasi itu. Apabila dia bekerja melalui sistem pro PBSL dan sebagainya kita hendak masukkan gaji ke dalam akaun dia. *Without* IC itu tidak dapat. Itu kesukaran kepada pihak kita untuk membantu banduan itu untuk berdiri. Dia hendak dapat SOCSO dan sebagainya nanti sukar. Jadi, urusan-urusan berkaitan itu tanpa pengenalan diri terutama yang paling penting itu hendak buka akaun tidak boleh bagi urusan hendak masukkan gaji.

Tuan Khoo Poay Tiong: Lagi satu, Tuan. Tentang kematian dalam penjara. Difahamkan kecuali diminta oleh ahli keluarga untuk ada inkues, kebiasaannya kematian dalam penjara tidak akan ada inkues. Jadi, boleh kita dapat pandangan daripada pihak penjara sama ada setiap kematian itu sepatutnya kita buat inkues untuk...

Tuan Supri bin Hashim: Setiap kematian kita laporkan kepada pihak polis, satu. *First procedure*-nya dilaporkan kepada pihak polis. Kemudian, dimaklumkan kepada keluarga ataupun kedutaan yang berkaitan dengan asalnya banduan itu.

Ketiga, dilaporkan kepada koroner untuk tujuan sama ada *coroner visit* ataupun *coroner inquest*. Mereka yang putuskan. Akan tetapi, kita akan *make sure* bedah siasat di laksanakan terhadap kematian ini kecuali ada beberapa kes *very small*. Keluarga itu merayu tidak mahu dibuat bedah siasat. Itu berlaku tetapi itu kecil sahaja. Kebanyakan kes maknanya siasatan oleh pihak polis, siasatan oleh penjara

dan kita hadir bersama keluarga semasa bedah siasat itu dilaksanakan walaupun kemudiannya diputuskan oleh pihak mahkamah tidak perlu koroner ataupun sekadar dia hadir sahaja semasa *coroner visit* saja untuk itu.

Akan tetapi, kita laporkan untuk tujuan itu. Bukan kitalah yang menentukan sama ada *coroner inquest* itu perlu dibuat atau pun tidak. Kita dalam hal ini dengan pihak hospital memastikan bedah siasat itu dilaksanakan supaya siasatan lanjut punca kematian sebenarnya yang berlaku itu dapat diketahui.

Jika berlaku kecuaian, dulu di Penjara Penor, kakitangan penjara masuk kena didakwa sehingga 302. Itu kita terima hakikat itu jika berlaku kekasaran, salah guna kuasa oleh anggota itu. Biarlah pihak berkuasa menentukan. Dalam setiap kes *that's why* kita laporkan, siasat oleh pihak polis, kita juga menjalankan siasatan dalam kes-kes kematian itu untuk penambahbaikan oleh jabatan termasuklah tindakan tatatertib.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Baiklah, saya rasa kita telah menggunakan masa sepenuhnya untuk...

Tuan Khoo Poay Tiong: Tuan Pengerusi, satu lagi kalau diizinkan. Dua soalan lagi. Pertama ialah tentang ada sindiket dadah dalam penjara yang kita tahu ini satu dunia semua penjara pun ada berlaku perkara sedemikian. Jadi, bagaimanakah penjara di Malaysia ini kita cuba kurangkan ataupun bagaimana kita menghadapi cabaran ini?

Soalan kedua, apakah kita boleh bantu untuk meningkatkan kebajikan kakitangan Jabatan Penjara Malaysia? Ada apa-apa permintaan ataupun yang boleh kita suarakan dalam Parlimen untuk kita perjuangkan sama-sama?

Tuan Supri bin Hashim: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* *[Ketawa]* Bergurau sahajalah. Yang Berhormat Tuan untuk mengatasi masalah pengedaran dadah di dalam penjara memang kita ada penubuhan unit khas yang berkolaborasi dengan PDRM dan sebagainya.

Itu kita lakukan untuk sama ada pendakwaan ataupun tindakan tertib. Ini berlaku kepada fail-fail mereka yang terlibat itu dibuka. Bukan sahaja unit ini wujud seolah-olah untuk menghukum tetapi kita panggil juga anggota-anggota yang terlibat ini dipanggil sama ada sebab peringkat awal ia berbentuk *hearsay*, fail-fail diwujudkan dan mereka dipanggil dilihat. Kita tahu ada *conversation* tertentu banduan dan sebagainya kita boleh *pick up* menunjukkan keterlibatan.

Kalau serius, memang sah berlaku kita hantar antara tatatertib dan juga tindakan di bawah perundangan termasuk di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 kalau ia melibatkan pengedaran dadah. Kami tidak nafikan sebab *more than 62 percent of the prisoners* itu adalah

berkesalahan *drug related*. *Of course*, akan ada *demand* dan sebagainya. Apa yang kita tangkap itu kemungkinan ada link dengan pihak luar dan dia merupakan pengedar yang kita kata bersaiz besar di luar berpengaruh dan sebagainya. Orang-orang sebegini dalam pemerhatian kita.

Dalam tindakan tatatertib secara keseluruhan termasuk kes penglibatan dengan kita kata pengedaran artikel larangan ini dalam 0.08 *percent* daripada total jumlah kakitangan kita di sekitar 17,500 orang. Daripada segi kebajikan kakitangan memang sokongan ini, satu itu dilihat kata mungkin ini disuarakan kalau pihak dahulu selalu - Yang Berhormat Hulu Langat suarakan gaji rendah, daripada segi elaun dan sebagainya. *Hopefully* kami berisiko. Macam saya sebut, kalau 30 tahun saya bertugas di penjara sebenarnya lebih 10 tahun saya dipenjarakan. Macam itulah.

■1740

Jadi, banyak risiko daripada segi stres yang berlaku. Antara kajian oleh KPA sendiri menunjukkan stres di kalangan pegawai penjara adalah antara yang tertinggi dalam perkhidmatan ini. So, kemungkinan jaminan daripada segi gaji, kemudahan elaun dan lain-lain lagi, melibatkan juga kemudahan asas, tempat tinggal yang lebih kondusif. Satu lagi yang agak serius ialah kenderaan. Kenderaan kami ini lebih daripada 50 peratus itu sudah berumur lebih daripada 15 tahun. Kadang-kala Yang Berhormat, walaupun— ini berkaitan dengan tugas tetapi kebajikan anggota juga. Takkan hendak tolak kenderaan itu? Kadangkala untuk menampung keperluan, pertukaran kenderaan itu berlaku di tol. Dalam kawasan Simpang Renggam sendiri antaranya mengamalkan perkara ini. Kenderaan yang buruk, bawa banduan sampai ke tol. Sampai di tol, kenderaan yang boleh berjalan jauh sehingga ke KL akan menunggu. Jadi, umur kenderaan yang baharu ini, satu peringkat dah sama tua dengan yang lama. Tidak boleh itu. So, *hopefully*— tetapi jumlah yang dipertimbangkan terlalu kecil. Tidak sempat dengan penggantian. Hendak pertimbangkan sama ada penyewaan atau pun belian itu terlalu kecil. Jumlah pergerakan banduan itu amat-amat tinggilah, terutamanya dari penjara seperti Sungai Buloh, Kajang, Simpang Renggam dan Kluang.

Penjara-penjara yang mana jumlah banduannya lebih daripada 1,500 orang, itu kita tahu jumlah pergerakan ke mahkamah, ke hospital, itu agak tinggi pada satu-satu hari. Jadi, ada kenderaan-kenderaan ini, *since* keadaan macam itu, walaupun umur ia baru tetapi jumlah *mileage*-nya telah melebihi 300,000. Jadi, terlalu kerap digunakan bagi menampung keperluan. Ini secara tidak langsung memberi keselesaan juga untuk kakitangan sebab mereka bersama di atas bas, di atas van berkenaan. Dengan kenderaan yang kadang-kalanya memang terpaksa dibantu.

Tiba-tiba berhenti. Tidak tahu kenapa berhenti. Tidak berfungsi dan kenderaan dari penjara-penjara lain membantu. Jadi, secara tidak langsung apabila kita membawa banduan, sudah tentu ada risiko yang kita tanggung.

Jadi, begitu juga risiko oleh anggota pada ketika itu. Apabila berlaku kerosakan, kelewatan penghantaran. Ini akan menyebabkan pelbagai kesan sampingan, termasuklah jika banduan itu dihukum. Sebenarnya- sepatutnya dibebaskan pada ketika itu. Jadi, apabila dibawa balik, apabila rayuan dan sebagainya, berlaku pecah *session* dan sebagainya. Itu menyebabkan *calculation* dibuat itu iaitu sudah bebas, termasuklah di keadaan-keadaan- Walaupun situasi itu jarang berlaku tetapi yang tadi lah. Jaminan keselamatan keseluruhan, kelancaran pengangkutan itu, wajarlah kita ada yang seadanya, yang sesuai seperti *prisoner carrier*. Jika berlaku, kita ada *new* kenderaan. *Prisoner carrier* ini ia ada sel-sel di dalam. Jadi, apabila berlaku berhenti dan sebagainya, banduan itu boleh ada di situ. Ada tandas, ada sel berkenaan, kita boleh jaga. Ada juga bentuk yang van, yang pergi ke hospital dan sebagainya. Kenderaan yang mobilisasi dalam bandar atau pun melibatkan jumlah banduan yang kecil.

Hari itu kita memohon sejumlah RM8 juta peruntukan tetapi kita hanya diluluskan RM4 juta untuk tujuan penyewaan van dan pacuan empat roda bagi tujuan penyeliaan banduan bebas berlesen dan juga parol di kawasan pedalaman. Percaya atau pun tidak, dari Kelantan ini pernah apabila pergi ke Gua Musang dan sebagainya, dikejar oleh gajah dan tidak boleh keluar. Gajah itu sekat di itu. Jadi, kenderaan-kenderaan yang agak sesuai, bukannya saloon, bukannya van. Kami pernah masuk kawasan itu dengan van sudah. Tidak ada kenderaan lain. Meletup tayar dan sebagainya. Tidak boleh pergi sudah. Jadi, kenderaan sebegini lah yang bersesuaian bagi tujuan pelaksanaan tugas dengan lebih sempurna dapat dilaksanakan oleh pegawai penjara.

Tuan Khoo Poay Tiong: So, masa ini masih pakai PPE lagi ya? Ada pakai PPE lagi ya? Buat masa ini.

Tuan Supri bin Hashim: Masih pakai PPE tetapi kalau ada yang positif di tempat-tempat penerimaan lah. Apabila terima banduan baru masuk, kita kena *protect* lagi staf. Pakai PPE dan jumlah PPE yang ada masih mencukupi ketika ini sebab kita ada stok dan kita ada buat sendiri.

Tuan Khoo Poay Tiong: Saya ada stok. Saya hendak bagi.

Tuan Supri bin Hashim: Kalau Yang Berhormat hendak bagi pun boleh.

Tuan Khoo Poay Tiong: Boleh ya.

Tuan Supri bin Hashim: Kita boleh gunakan pelbagai itu. Kita terima Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad: Itu ada dekat Jasin, dekat Sungai Udang itu. Dekat Perlis pun ada juga, 1,630 orang banduan.

Tuan Supri bin Hashim: Ini ia ada tiga. Kalau hijau itu *below* kapasiti. Kuning itu ia sudah melebihi kapasiti tetapi rendah. Kalau merah itu ia melebihi 20 peratus daripada kapasiti. Kalau *internationally* lebih 20 peratus itu masih boleh dibenarkan lagi tetapi kalau sudah *more than that*, itu tidak boleh.

Tuan Khoo Poay Tiong: Merah itu tidak boleh pergi ke hijau?

Tuan Supri bin Hashim: Boleh pergi ke hijau. Kita ada buat beberapa buah penjara pada minggu lepas. Daripada merah, jadi hijau seperti mana kita tengok di Penor, Pahang. Pada ketika ini, sebenarnya Penor sudah hijau. Pada ketika itu 16 hari bulan, pemindahan kita lakukan pada 17 atau berapa? Ke penjara Bentong pada ketika itu. Kita kurangkan cara itulah. Cara pemindahan penjara yang masih boleh terima dengan penjara yang terlalu sesaklah.

Tuan Khoo Poay Tiong: Saya ingat di Muar itu ada kapasiti banyak tetapi Sungai Udang sudah *over capacity*. Barangkali Sungai Udang boleh...

Tuan Supri bin Hashim: Sungai Udang ini kita akan meneliti. Sungai Udang ini menjadi tinggi sebab Sungai Udang juga menerima daripada Johor-Utara. Itu agak *slightly* tinggi. Untuk- *in calculation rate*, kita buat itu pun agak salah sedikit sebab ia menerima dari negeri lain yang tidak mampu ditampung oleh Johor.

Tuan Khoo Poay Tiong: Sepatutnya pergi ke Muar lah kan? Utara Johor ialah Muar. Muar itu *under capacity*. Sepatutnya boleh terima 400 orang, ia hanya ada 200 orang.

Tuan Supri bin Hashim: Kita tengok asalanya Muar kita jadikan sebenarnya kita ada *cooperation* dengan pengilang perabot di situ. Pusat Reintegrasi penghuni kita jadi. Jadi, yang tinggal di situ kita panggil seolah-olah orang diselia sahaja. Banduan yang hampir bebas itu, dia ada tempat untuk bekerja di situ. Apabila kemasukan pekerja asing, sebahagian daripada pengilang-pengilang ini mula memilih untuk mengambil pekerja asing berbanding dengan- kemungkinan mereka sudah terikat dengan perjanjian lama dan sebagainya. Tidak tahu tetapi pada ketika COVID-19, tidak masuk warga asing, belum lagi dimasukkan. Kita ada hampir dalam 400 pada ketika itu ditempatkan di Muar.

■1750

Akan tetapi, kalau tengok di sini, *surprisingly* untuk Pantai Timur. Ini kerana masalah dadah merah. Pengkalan Chepa, Machang, Marang. Ini terlalu tinggi sehinggalah— kalau di Pengkalan Chepa, reman itu, sampai 128 peratus lebih tinggi daripada kapasiti dialah. Di Machang, 23 peratus. Kalau tidak, hari itu 30 peratus

lebih. Kita *adjust*, kita buat pemindahan, pertukaran fungsi Machang itu, ada kategori banduan dikeluarkan. Dan di Marang, kita ada 99 peratus banduan.

Manakala Dungun itu ia rendah sebab pada ketika ini, Dungun kita tempatkan sebahagian besar adalah pesalah reman dari Terengganu. Ini kerana kita kategorikan penjara-penjara ini— satu, penjara reman; penjara penerimaan iaitu sekarang juga kita laksanakan beberapa buah penjara; penjara latihan; dan penjara *resettlement*. Kita guna macam itu bagi tujuan kebaikan banduan itu sendiri.

Akan tetapi, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, wajar kita memberi perhatian juga untuk mengatasi masalah di beberapa buah penjara yang merah.

Tuan Pengerusi: Ya. Okey, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tanya sedikit, boleh ya?

Tuan Pengerusi: Dato' Seri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya sampai lambat. *Last-lah*.

Tuan Pengerusi: Sila. *Last-lah* ya. Okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Sekarang ini tentang hendak buat penjara baharu, itu agak sukarlah. Makna kata penjara ini akan menampung kelebihan dari semasa ke semasa. Apakah mungkin dilihat beberapa fasiliti kerajaan yang sekarang ini tidak digunakan ditukar kepada— Penjara Perlis itu dipanggil penjara apa?

Seorang Ahli: Ia dinamakan Pusat Koreksional Perlis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Pusat Koreksional Perlis. Jadi, kita boleh jadikan ia sebagai pusat koreksional untuk negeri-negeri yang lain iaitu PLKN. Sebab, pembinaan PLKN itu dibuat begitu rupa yang boleh berbentuk penjara. Pagar semua cukup. Jadi, hendak difikirkan alternatif kepada kelebihan sekarang ini, untuk yang masuk ke peringkat terakhir itu, mereka boleh ditempatkan di sana. Itu pandanganlah. Sebab, prinsip kerajaan ini, kalau tidak jadi gajah putih. Kita rugi. Sebagai contohnya, PLKN Perlis itu, dibuat pada zaman saya, kita buat dalam begitu cantik, berbentuk ala penjara sedikit. Boleh difikirkan sebagai alternatif kepada kelebihan...

Tuan Pengerusi: Kesesakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Kelebihan yang teruk berlaku di semua penjara. Terima kasih.

Tuan Supri bin Hashim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di PLKN Perlis itu, ada dalam rancangan kitalah untuk dijadikan dua pertimbangan. Kita ada pada ketika ini, kluster dadah ataupun sekolah, pusat pembelajaran.

Sekolah integriti dan Sekolah Henry Gurney bagi banduan juvana dan banduan muda. Sebab, konsep ini telah diluluskan dalam Majlis Sosial Negara sebenarnya.

Tuan Pengerusi: Baik.

Tuan Supri bin Hashim: Akan tetapi, kita menilai kesesuaian itu. Cuma, orang Perlis ini baik-baik. Jadi, yang masuk ke Perlis di Pusat Koreksional Perlis itu banyak dari Langkawi dan dari Alor Setar Utara itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Siapa datang Perlis, dia jadi baik semua.

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Okey, baiklah. Terima kasih kepada Yang Berusaha Tuan Muhabir bin Ibrahim selaku Setiausaha Bahagian di Bahagian Kependidikan, Antidadah dan RELA, Kementerian Dalam Negeri. Tentunya Yang Berusaha Tuan Supri bin Hashim, Pengarah Kanan dan Timbalan Pengarah Tuan Meor Azizi Sapawi atas pembentangan sebentar tadi. Juga kepada Pengarah-pengarah dari negeri-negeri yang sempat hadir pada hari ini.

Bagi pihak Jawatankuasa Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi, kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas taklimat yang disampaikan pada petang ini. Jadi, kita rasa sudah sampai penghujung. Untuk itu, segala perkara yang dibangkitkan akan diberi perhatian oleh Jawatankuasa ini. Mana yang boleh kita bantu untuk kita sarankan di peringkat Parlimen, akan kita suarakan. Saya kira kita akan berlaku adil untuk memastikan bahawa jabatan dan agensi kerajaan ini terus dapat berperanan dan berfungsi dengan berkesan.

Terima kasih juga Yang Berhormat Tuan Khoo Poay Tiong, Yang Berhormat Puan Isnaraissah Munirah. Terima kasih. Khasnya Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan atas masa dan ruang. Bersama-sama kita pada hari ini ialah Yang Berusaha Dr. Nizam Mydin, Setiausaha Dewan Rakyat kita. Jadi, kalau tidak ada apa perkara-perkara yang lain, bolehlah kita tangguh mesyuarat kita pada hari ini. Terima kasih sekali lagi kepada semua pihak.

Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.56 petang]
